

Bil. 12

**Khamis
22 Julai 2010**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015)	(Halaman 18)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M 15(3))	(Halaman 68)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Perbelanjaan Kementerian Pertahanan - <i>YB. Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim</i>	(Halaman 68)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
8. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
9. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
10. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
11. “ Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
12. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussein (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
13. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
14. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
15. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
16. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik)
19. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
20. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
21. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
22. “ Tuan Gan Ping Shou @ Gan Ping Sieu (Dilantik)
23. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
24. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
25. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
27. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
28. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
29. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
30. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
31. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
32. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz

33. Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap (Sabah)
34. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
35. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
36. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
40. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
44. “ Dato’ Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
45. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
46. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
47. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
48. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
49. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
50. “ Dato’ Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
51. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
52. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
53. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
54. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
55. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
56. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
57. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
58. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
59. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
60. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
61. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
62. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
63. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
64. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
65. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
66. “ Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
67. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)

68. Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
69. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)
70. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hujanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Hazrul bin Sharif
Nurul Aishah binti Sha'arin
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Khamis, 22 Julai 2010****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin [Di bawah P.M 23(2)]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apa dan bagaimanakah kementerian bercadang untuk merombak sistem pendidikan dan melengkapkan tenaga perguruan untuk menjayakan Model Ekonomi Baru yang menekankan produktiviti, kreativiti, inovasi, keusahawanan, daya tahan dan daya saing.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengorak langkah sejak tahun 1990-an hingga kini dengan memperkenalkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif atau dinamakan sebagai KBKK melalui beberapa mata pelajaran seperti pendidikan seni visual, pendidikan muzik, reka cipta, mata pelajaran teknikal dan vokasional yang menjurus kepada kreativiti dan inovasi. Elemen KBKK merupakan antara kemahiran yang penting selaras dengan tuntutan falsafah pendidikan kebangsaan dan sesuai dengan hasrat negara mencapai taraf k-Ekonomi serta menjayakan Model Ekonomi Baru.

Kementerian Pelajaran Malaysia juga menekankan strategi pengajaran dan pembelajaran atau P&P dan dapat membangunkan pemikiran kreatif murid seperti konstruktivisme, pembelajaran berasaskan projek atau masalah dan *enquiry* penemuan untuk diaplikasikan dalam P&P. Sehubungan itu, bagi membangunkan modal insan yang dihasratkan, kurikulum latihan perguruan sedia ada telah dimantapkan lagi dengan menerapkan aspek inovasi, kreativiti, keusahawanan, daya tahan dan daya saing. Elemen-elemen ini telah dimasukkan sebagai hasil pembelajaran yang perlu dicapai dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memantapkan lagi sistem pendidikan di negara ini, transformasi kurikulum akan dilakukan dari peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Menerusi transformasi kurikulum, elemen kreativiti dan inovasi, keusahawanan serta teknologi maklumat dan komunikasi diajar secara eksklusif kepada murid. Selaras dengan itu Kementerian Pelajaran telah menghasilkan buku panduan kreativiti, pembangunan dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan memasukkan aktiviti yang menekankan proses kreativiti dan inovasi bagi setiap mata pelajaran dalam kurikulum sekolah. Buku ini disediakan bagi memantapkan pelaksanaan kreativiti dan inovasi dalam semua mata pelajaran sejajar dengan era globalisasi serta penguasaan kemahiran abad ke-21. Selain daripada itu, usaha juga dilakukan dengan memantapkan kualiti guru melalui:

- (i) kurikulum latihan perguruan yang sedia ada dimantapkan lagi dengan menerapkan aspek inovasi, kreativiti keusahawanan, daya tahan dan daya saing;
- (ii) Program Bina Insan Guru (BIG) merupakan satu program wajib yang perlu diikuti oleh semua di institut pendidikan guru; dan
- (iii) standard profesionalisme guru akan diperkenalkan yang merangkumi aspek pemilihan calon guru, latihan pra perkhidmatan, penempatan guru, induksi, profesionalisme dan pembangunan profesionalisme berterusan atau CPD, pengoperasian standard ini yang dijangkakan akan dimulakan pada tahun 2011.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf kerana terlewat sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kawan baik saya dari Ayer Baru. Tidak jauh dari kampung saya. Terima kasih di atas penjelasan yang diberikan. Cuma saya hendak berkongsi dengan Timbalan Menteri, pengalaman saya sendiri dengan pihak pendidikan.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, bahawa apa yang dicakapkan tadi itu sebahagian besarnya belum lagi *trickle down*, dengan izin, kepada kumpulan pendidik sendiri. Maksud saya, *even* guru besar tidak *aware* apa itu inovasi. Apa yang saya hendak kongsi bersama *even* di peringkat politeknik yang sudah cuba menerapkan perkara-perkara ini, tetapi malangnya atau sayangnya masih diajar dalam konteks P-ekonomi. *The old* ekonomi; bukan dalam konteks k-ekonomi. Jadi relevansinya kepada keperluan pasaran sekarang dan akan datang agak kurang relevan. Apa pandangan dan apa patut dibuat? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat tadi memang relevan.

Yang pertama kita mengaku bahawa sebelum ini mungkin ada warga pendidik yang masih lagi kurang arif tentang aspek kreativiti dan apa yang dimaksudkan dengan pemikiran kritis. Apa yang dilakukan oleh kementerian baru-baru ini, ialah kita menerbitkan satu buku panduan yang dinamakan buku panduan Pembangunan dan Amalan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Ini secara khusus untuk kreativiti. Bagaimana seorang guru dapat menyampaikan P&P dengan lebih baik. Sebagai contoh, kalau dahulu kita bagi tahu pelajar itu tauge, tauge itu sesuatu makanan yang boleh dimakan. Sekarang saya rasa kita kena memberi peluang kepada pelajar memikir apa itu tauge. Di mana asal usulnya? Kacang hijau yang memerlukan kapas, air dan kena dapat cahaya matahari dan beberapa hari akan tumbuh besar sebagai tauge yang sedia ada. Kenapa pokok kacang itu boleh jadi satu tauge? Kita hendak pelajar kita banyak bertanya daripada kita beritahu ini sebagai tauge. Itu sebagai contoh.

■1010

Yang keduanya, oleh kerana sudah ada buku panduan, baru kita menerap. Kalau dahulunya kita merentasi kurikulum, sekarang kita buat secara eksplisit. Untuk setiap mata pelajaran dalam apa jua bahasa sekalipun, kita ada beberapa contoh yang boleh digunakan untuk guru bertanya kepada murid dan apa yang akan dijangkakan dijawab oleh pelajar. Jadi satu cara, satu anjakan paradigma perlu dibuat di peringkat kementerian dan kita telah lakukan.

Yang ketiga, dari segi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang kebolehpasaran seseorang pelajar selepas menamatkan sesi persekolahan dengan kita. Saya rasa kalau dahulunya kita lebih mementingkan kepada *content*, sekarang kita patut memberi penekanan kepada kompetensi kerana *knowledge*. Kalau kita sebut *knowledge worker*, kita kena berpandukan kepada kompetensi, bukan semata-mata mereka dapat menghafal apa yang dia belajar.

Sebagai contoh, kita hendak memperkasakan Voctech ataupun pendidikan vokasional dan teknikal dan kita juga memperkenalkan banyak perkara. Kita mendapat *feedback* atau maklum balas daripada industri. Sebagai contoh, kalau di Bintulu kita bekerjasama dengan Shell dan mereka memerlukan pekerja-pekerja kimpalan. Kalau dahulu kita tengok kimpalan itu begitu mudah sekali tetapi kalau dalam aspek *oil and gas*, kita perlukan tenaga pakar ataupun tenaga mahir dalam soal ini dan mereka boleh mendapat pendapatan RM150 sehari dan ini adalah satu platform untuk kita melatih pelajar-pelajar kita. Dalam sekolah pun mereka telah diberi sijil kemahiran dan selepas itu diserap terus kepada syarikat tersebut.

Ini sebagai contoh dan ianya telah diterima baik oleh pasaran. Jadi saya rasa kita mengorak langkah ke arah itu dan kita perlu mendapat *feedback* daripada pasaran tentang kebolehkerjaan pelajar kita dan kita hendak memastikan produk kita adalah *knowledge worker*, bukannya berpandu kepada apa yang dihafal dalam *syllabus* kita. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebetulan semalam dalam perbahasan saya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, saya pun ada merayu

bahawa sistem pendidikan kita perlu dirombak dan dikaji semula. Sebenarnya apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi berkenaan dengan P&P secara kritis dan kreatif, ini memang bukan perkara yang baru. Saya sudah bersara sepuluh tahun dan semasa saya masih berkhidmat, ini sudah wujud tetapi sampai sekarang kita tengok suasana di sekolah pun masih tidak kondusif kepada P&P secara kritis dan kreatif.

Kita dapati bahawa suasana sekolah di Malaysia, fikiran murid sangat terkongkong oleh kerana kita tersangat tumpukan perhatian kepada disiplin, murid mesti mematuhi arahan guru. Kalau cikgu kata 'A', murid tidak berani tanya kenapa bukan 'B'. Kalau selagi ini tidak bertukar, suasana ini tidak bertukar, saya fikir sistem kita tidak ada perubahan. Jadi, saya hendak tanya soalan tambahan saya ialah apakah rancangan Kementerian Pelajaran yang lebih konkrit untuk pastikan apa yang dilaksanakan itu boleh dipraktikkan di sekolah dengan berkesan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang yang memang seorang tokoh pendidik yang telah berkhidmat lebih daripada 30 tahun di sekolah kita. Diucapkan terima kasih. Saya mengakui bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah sesuatu yang benar yang mana sebelum itu kita telah mengatakan KBKK, tetapi ianya merentasi kurikulum. Bermaksud kita tidak buat secara eksplisit. Kali ini kita telah menyediakan satu buku panduan yang jelas bagi setiap mata pelajaran, apa yang patut diajar.

Saya bagi satu contoh lagi yang mudah. Kalau kita mengajar pendidikan kesihatan, kalau dahulunya kita kata, kita perlu jaga kebersihan, tabiat merokok tidak baik dan sekarang kita hendak mulakan. Kita beri satu bekas kosong dan bersih. Satu bekas yang kedap udara itu, kita letak yang memang sudah kotor. Kita hendak tanya pelajar, yang mana satu lebih elok dan dari situ secara *startle* kita boleh beritahu kepada pelajar, sebenarnya tabiat merokok ini kalau kita lihat daripada dua konteks ini, kita dapat membezakan bahayanya. Itu sebagai satu contoh.

Yang kedua, sebab itu saya mengatakan secara eksplisit kita telah terbitkan satu bukan panduan dan sekarang ejen pelaksanaannya iaitu cikgu sangat penting. Jadi sebab itulah kita telah mewujudkan satu program yang dinamakan BIG, Bina Insan Guru. Kalau dahulu kita tidak pernah fikir perkara ini dan sekarang kita kena buat dalam bentuk enam semester. Kita tidak percaya dengan satu ceramah, pelajar itu dapat motivasi, dapat membina personaliti sebagai guru itu baik. Dia kena buat secara konsisten dalam enam semester.

Apa yang dia lakukan? Pertama, perkhemahan. Secara umum kepada warga pendidik, apa yang dimaksudkan dengan pemikiran kritis dan kreatif. Secara umum sahaja. Selepas itu kita ada aktiviti kemasyarakatan dan apa yang kita hendak capai ialah setiap satu komponen itu sebenarnya banyak perkara – apabila kita boleh layari laman web, banyak perkara yang telah diperihalkan.

Yang akhir sekali, sebelum aktiviti kemasyarakatan itu didedahkan kepada pelatih ini, kita akan beritahu kenapa kita hendak buat ini dan mereka akan dibawa melihat institusi ataupun sekolah-sekolah yang telah cemerlang dan melihat bagaimana kita hendak menjadikan ianya sebagai *benchmark*.

Akhir sekali, dalam modul ini akan dibuat refleksi tentang apa yang telah dipelajari. Dalam konteks ini, ingin saya mengatakan bahawa kita menyediakan guru kita di peringkat IPG. Kita tidak panggil pelajar secara tiba-tiba kita hendak buat KBKK, kita panggil cikgu balik, ini yang kita hendak masukkan. Jadi bermula di IPGM, 27 buah IPGM, kita telah mulakan dan merentasi kurikulum yang dipelajari oleh pelatih IPG ini, kita masukkan komponen inovasi dan kreativiti.

Jadi saya berharap dengan cara ini, dengan hasrat kerajaan hendak mengambil *top ten* atau 15 peratus daripada pelajar cemerlang untuk memasuki kursus perguruan lepasan SPM, saya yakin latihan selama lima setengah tahun itu dapat membentuk seorang personaliti guru yang baik. Sekian, terima kasih.

2. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menghentikan kaedah pesakit perlu membeli sendiri peralatan pembedahan seperti *plating, nailing, starting* dan sebagainya sebelum pembedahan dilakukan di hospital kerajaan. Jika ada, apakah kaedah baru yang akan dilaksanakan dan jika tidak, berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Menurut garis panduan yang terpakai masa kini, berikut adalah kriteria pesakit-pesakit yang layak mendapat bekalan alat-alat implan ataupun prostesis percuma di hospital kerajaan Kementerian Kesihatan Malaysia:

- (i) semua pesakit Kelas III yang dimasukkan ke hospital-hospital KKM;
- (ii) anggota perkhidmatan awam persekutuan dan pesara perkhidmatan awam persekutuan yang menerima pencen serta keluarga mereka;
- (iii) orang kurang upaya atau cacat yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (iv) Orang-orang Asli; dan
- (v) murid-murid sekolah kerajaan.

Senarai implan dan prostesis yang dibekalkan percuma juga disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai panduan kepada hospital-hospital kementerian membuat perolehan bagi stok hospital. Sementara itu kumpulan yang tidak layak untuk mendapat bekalan alat-alat implan dan prostesis secara percuma adalah seperti berikut:-

- (i) pesakit yang mempunyai faedah insurans perubatan dan boleh menuntut bayaran balik kepada pihak insurans;
- (ii) pesakit yang mencarum kepada PERKESO dan boleh menuntut bayaran balik daripada PERKESO;
- (iii) warganegara asing; dan
- (iv) pesakit yang menjalani pembedahan bagi tujuan estetik ataupun kecantikan.

Bagi pesakit-pesakit yang tidak memenuhi kriteria untuk pemberian percuma di atas boleh memohon bantuan kewangan daripada Tabung Bantuan Perubatan (TBP) kementerian mengikut kelayakan mereka. Kakitangan dan pesara kerajaan serta keluarga mereka pula boleh menuntut bayaran balik bagi implan dan prostesis yang tidak tersenarai dalam bekalan percuma melalui kemudahan sara ubat JPA. Manakala pesakit yang menolak pemberian implan dan prostesis percuma dan memilih untuk membeli implan dan prostesis dengan sendiri hendaklah mengisi borang persetujuan khas yang diwujudkan. Terima kasih.

■1020

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya ialah membangkitkan – walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa ada dua kumpulan yang layak dan tidak layak.

Pertama, yang layak tetapi ia perlu membeli dahulu peralatan tersebut. Ini di mana saya sendiri pernah melakukan pembedahan angioplasti, di mana saya kena beli *stent* dengan harga RM6,000 untuk melaksanakan pembedahan itu. Kemudian boleh tuntutan semula kepada kerajaan. Begitu juga pegawai kerajaan yang di peringkat pegawai rendah misalnya, amat sukar untuk mendapatkan keperluan kewangan untuk membeli peralatan tersebut.

Kedua, ialah didapati peralatan itu begitu tinggi harganya. Sebagai contoh, *stent* kalau di India – saya dimaklumkan harganya terlalu murah. Lebih kurang RM100 satu *stent* untuk pasang dalam saluran jantung.

Akan tetapi di negara kita, kalau di hospital kerajaan tidak kurang RM3,000 dan di hospital swasta lebih RM7,000. Jadi ini adalah bersangkut paut langsung dengan rakyat. Jadi itulah soalan saya. Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah ini? Di mana harga barang *implant* itu terlalu tinggi untuk dibayar oleh pesakit-pesakit. Walaupun boleh dituntut kemudiannya, tetapi harganya terlalu tinggi. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Yang Berhormat, dalam kes-kes yang melibatkan peralatan yang perlu dibayar terlebih dahulu dan kemudian dituntut semula, hanya diminta kepada mereka yang berkemampuan Yang Berhormat. Bagi mereka yang tidak berkemampuan, selalunya peralatan-peralatan ini dibeli oleh pihak hospital.

Dalam kes-kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat, selalunya keperluan kepada peralatan ini oleh pesakit-pesakit adalah mengikut – kerana selalunya pesakit-pesakit kita ini sudah berpengetahuan Yang Berhormat. Jadi mereka mempunyai *inclination* untuk memilih kepada peralatan-peralatan yang mengikut cadangan mereka sendiri. Jadi dalam kes-kes seperti demikian, tempahan boleh dibuat oleh pihak hospital dan pembayaran akan dibuat oleh pesakit itu sendiri.

Akan tetapi seperti yang saya nyatakan dalam jawapan asal Yang Berhormat, dalam kes-kes yang melibatkan mereka yang kurang berkemampuan tetapi tidak memenuhi kriteria-kriteria untuk mendapatkan peralatan ini secara percuma. Pesakit-pesakit tersebut bolehlah memohon untuk bantuan kewangan di bawah tabung bantuan perubatan kita Yang Berhormat, yang memang disediakan di hospital-hospital kerajaan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi.

Akan tetapi daripada apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dua kriteria yang melayakkan dan tidak melayakkan ini. Tafsiran warganegara asing yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya rasa, boleh atau tidak lebih spesifik? Oleh sebab apa yang akan berlaku, yang kahwin dengan orang tempatan dan anak-anaknya sama ada pihak lelaki ataupun pihak perempuan, *vice versa*. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk warganegara asing, memang secara dasarnya mengikut landasan yang diberikan oleh kementerian, antara kumpulan yang tidak layak mendapat bekalan alat-alat *implant* dan *processing* percuma adalah terdiri daripada warganegara asing. Namun ada kes-kes tertentu Yang Berhormat, lebih-lebih lagi kes yang melibatkan kecemasan di mana *implants* ini juga diberikan kepada warganegara asing atas dasar kecemasan tersebut.

Jadi dalam hal-hal begini, kita tidak menekankan aspek pembayaran tetapi ia akan dikenakan di bawah caj pihak hospital. Akan tetapi seperti juga Yang Berhormat sekalian ketahui, kebanyakan caj-caj ini ada kalanya tidak dibayar oleh warganegara asing tersebut. Kita mempunyai banyak kes-kes, di mana caj hospital tidak dibayar dan ianya berjumlah agak besar juga terutama sekali di peringkat hospital-hospital. Jadi untuk menjawab secara dasarnya Yang Berhormat, kita juga memberikan kuasa kepada pengarah hospital untuk membuat pengecualian ke atas, sama ada sebahagian atau sepenuhnya caj rawatan yang dikenakan kepada pesakit-pesakit. Dalam kes-kes tertentu, pengarah hospital juga dibenarkan untuk melakukan pengecualian kepada warganegara-warganegara asing yang memerlukan rawatan. Terima kasih.

3. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sebab-sebab lebih daripada 50 peratus majikan yang berdaftar tidak mencarumkan pekerja mereka dengan PERKESO. Apakah usaha-usaha penguatkuasaan yang akan diambil bagi memastikan pekerja-pekerja terbabit mendapat perlindungan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, majikan yang menggaji seorang pekerja tempatan atau seorang penduduk tetap perlu mendaftar atau mencarum kepada PERKESO. Kegagalan mencarum dengan PERKESO membolehkan tindakan diambil di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-peraturan Am Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Kerajaan memandang serius mengenai isu majikan yang berdaftar tidak mencarumkan pekerja mereka dengan PERKESO.

Sehingga Disember 2009, sebanyak 724,290 majikan telah berdaftar dengan PERKESO. Daripada jumlah ini, sebanyak 334,757 majikan adalah merupakan majikan yang berstatus aktif. Pada masa yang sama, sebanyak 5,416 majikan yang berstatus aktif telah gagal membuat bayaran caruman PERKESO untuk pekerja-pekerja mereka. Jumlah ini mewakili 1.62 peratus daripada jumlah keseluruhan majikan aktif yang berdaftar dengan PERKESO.

Bagi soalan Yang Berhormat yang kedua iaitu, apakah sebab-sebabnya dan tindakan. Untuk makluman Dewan yang mulia, antara punca kegagalan majikan membayar caruman PERKESO adalah antaranya:

- (i) kebanyakan majikan merupakan syarikat-syarikat yang bersaiz kecil dan sederhana;
- (ii) mereka tidak mempunyai pegawai khusus yang menjaga pegawai dan kakitangan;
- (iii) mempunyai kadar pemberhentian pekerja yang tinggi;
- (iv) pekerja syarikat berhenti bekerja sebelum sempat didaftarkan atau dicarumkan;
- (v) syarikat memberhentikan operasi selepas memulakan perniagaan di atas sebab-sebab kerugian atau masalah-masalah kewangan ataupun bebanan hutang; dan
- (vi) terdapat juga majikan yang masih di peringkat permulaan perniagaan dan belum stabil, sehingga menyebabkan mereka mengabaikan kewajipan atau tidak mengutamakan tindakan membuat caruman untuk pekerja.

PERKESO sentiasa mengambil pelbagai langkah proaktif untuk melaksanakan penguatkuasaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-peraturan Keselamatan Sosial Pekerja 1971 melalui tindakan pemeriksaan, operasi pengesanan dan tindakan kompaun dan pendakwaan. Di samping itu, PERKESO akan terus mengadakan promosi dan publisiti melalui media massa supaya majikan sentiasa menjaga perlindungan keselamatan pekerja dengan mematuhi perundangan dan peraturan yang ditetapkan. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isu pekerja yang tidak dilindungi oleh PERKESO adalah satu perkara yang serius, Ini kerana sebagai seorang pekerja – dan apabila pekerja itu, ia tahu bahawa gajinya memang ada ditolak sebagai sumbangan kepada PERKESO.

■1030

Bersama dengan sumbangan daripada majikan sepatutnya dikirim ataupun dimasukkan ke akaun PERKESO. Jadi daripada pihak atau dari sudut pekerja, memanglah mengharapkan sesuatu sekiranya pekerja ditimpa kemalangan. Jadi soalnya adakah pekerja itu terlindung sedangkan gajinya ditolak untuk caruman tetapi tidak dikirim atau di carum oleh majikan kerana atas sebab-sebab yang disebutkan oleh timbalan menteri tadi. Terima kasih.

Keduanya, saya difahamkan bahawa PERKESO telah menjalankan Ops Kesan bagi mengesan dan mengenal pasti majikan-majikan yang tidak mendaftar tidak mencarum dan saya berharap Ops Kesan ini diadakan sepanjang tahun supaya lebih ramai majikan

dapat dikesan dan perkara-perkara tuntutan tidak dapat ditunaikan oleh PERKESO dapat dielakkan sepenuhnya. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sama ada pekerja itu dilindungi sekiranya caruman mereka itu tidak dihantar atau tidak dimasukkan ke akaun PERKESO, sekiranya majikan telah mendaftar dan nama mereka sudah ada di PERKESO walaupun caruman itu tidak dibuat, mereka mendapat perlindungan dan PERKESO akan membuat bayaran pampasan dan lain-lain sekiranya ada tuntutan tetapi majikan akan didenda sewajarnya.

Kedua tentang Ops Kesan, ini merupakan satu tindakan yang diambil mulai tahun 2009 di mana di semua 46 buah pejabat PERKESO di seluruh negara, semua pegawai penguat kuasa turun serentak untuk satu masa dalam satu bulan kalau 2009, sepanjang bulan Ogos dan pada tahun 2010 ini pada bulan Jun yang lalu dan mereka akan membuat pemeriksaan di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan dan usaha ini didapati sangat berkesan kerana kalau kita lihat, sepanjang Ops Kesan sahaja, kita dapat mengesan 1,445 majikan yang tidak membuat pencaruman dan kalau kita lihat angkanya, Ops Kesan Ogos 2009, kita dapat memeriksa 21,370 premis yang mana 4,173 gagal mendaftar atau mencarum iaitu sejumlah 19.5 peratus dari tempat yang diperiksa dan kita telah mengeluarkan kompaun kepada 2,810 dan membuat pendakwaan kepada 305 kes dan pada tahun 2009 sahaja jumlah kutipan telah meningkat kepada RM998,400 iaitu kutipan yang dibuat untuk kompaun.

Pada tahun 2010 kita telah buat sepanjang bulan Jun dan kita dapati bahawa kita telah dapat memeriksa 20,509 premis dan kita juga dapati 14.5 peratus tidak mencarum atau tidak mendaftar dan kita juga telah mengadakan tindakan-tindakan kompaun dan juga mendakwa di mahkamah. Terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya kepada pihak Kementerian kerana pada akhir-akhir ini kita banyak menerima aduan daripada pekerja kilang yang hanya menerima gaji asas bulanan sekitar RM400 dan dengan pelbagai alasan yang diberikan khususnya menyalahkan ekonomi global.

Soalan tambahan saya adalah kita hendak tanya apakah pihak KSM ada membuat susulan seperti mana Ops Kesan tadi yang berjaya mengesan tentang masalah dengan KWSP supaya memastikan tawaran kerja yang dijanjikan semasa perbincangan yang diatur oleh jabatan di bawah KSM itu dipatuhi walaupun ketika ekonomi agak kurang baik ketika ini. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Tidak kira sama ada dalam keadaan krisis ekonomi global ataupun tidak, mengikut undang-undang yang ada di negara ini, majikan perlu mencarum kepada PERKESO untuk pekerja-pekerja mereka. Terima kasih.

4. **Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Pelancongan menyatakan, langkah-langkah kerajaan untuk memperhebatkan *eco-tourism* sebagai daya tarikan Malaysia yang istimewa di mata dunia.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, teras utama Kementerian Pelancongan adalah bagi membangunkan sektor pelancongan negara secara mampan atau *sustainable*, membangunkan produk-produk pelancongan yang menarik serta mempromosikan sektor pelancongan negara secara profesional, efektif dan berterusan. Dalam hal ini, kerajaan menitik beratkan penglibatan masyarakat tempatan dalam pembangunan sektor-sektor pelancongan negara termasuk eko pelancongan.

Selain itu, bagi memperhebatkan lagi eko pelancongan sebagai daya tarikan Malaysia di mata dunia, beberapa aspek dititikberatkan termasuklah:

- (i) keupayaan daya tampung atau *caring capacity* sesuatu kawasan eko pelancongan;

- (ii) pembangunan yang memenuhi aspek *green tourism* dan berasaskan landskap alam semula jadi atau pun *nature landscape*;
- (iii) pendedahan kepada pemandu-pemandu pelancong alam semula jadi berhubung kepentingan alam sekitar dan pemuliharaan kepelbagaian biologi kepada industri pelancongan; dan
- (iv) memperkenalkan kempen *1Malaysia Clean, 1Malaysia Green Tourism* dan *Think Tourism and Act Tourism*.

Selain itu Kementerian Pelancongan kini sedang merumuskan pelan strategik eko pelancongan kebangsaan yang lebih praktikal lagi di mana fungsi-fungsi eko sistem dan pemuliharaan kepelbagaian ditekankan. Pelan tersebut perlulah dilihat sebagai satu usaha secara holistik dalam membangunkan lagi sektor pelancongan negara dengan melibatkan masyarakat tempatan, badan-badan bukan kerajaan termasuk pemain-pemain utama industri dan lain-lain *stakeholders* yang berkepentingan dalam industri pelancongan. Sekian.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya dengan lebih lanjut adakah kementerian juga dapat memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk diberi kemudahan yang lebih mudah untuk melancong ataupun menikmati tempat-tempat *eco-tourism* seperti di Sabah kita tahu Sipadan dan sebagainya di Sarawak ada Mulu, di Pahang Hutan Belum, di Kedah mungkin Banjaran Titiwangsa dan banyak tempat lagi. Apakah kemudahan yang dapat melancarkan perjalanan rakyat Malaysia untuk ke destinasi-destinasi ini supaya dapat mengembangkan *domestic trade* itu sendiri? Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris. Untuk memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia sendiri kementerian sememangnya mempromosi pelancongan domestik dengan mengadakan penjualan-penjualan seperti MATTA Fair, Cuti-cuti 1Malaysia di negeri-negeri di seluruh Malaysia.

■1040

Akan datang pada hujung bulan ini, kementerian akan mengadakan Cuti-cuti 1Malaysia dan juga mini MATTA Fair di Kuching untuk mengenalkan destinasi-destinasi ekopelancongan di negeri-negeri lain, seperti di Perak, Terengganu, Kelantan dan juga di Perlis. Walaupun Perlis kecil tetapi Perlis ada gua bawah tanah yang seharusnya dipromosikan sebagai satu destinasi ekopelancongan. Jadi *trade fair* seperti ini memang kerap diadakan di seluruh negara. Pada bulan lepas ada satu *trade fair* di Pahang, pada bulan April ada satu *trade fair* di Johor Bahru. Jadi perkara seperti ini sememangnya terus dijalankan bagi memberi kemudahan dan mengenalkan rakyat Malaysia sendiri tentang destinasi-destinasi ekopelancongan yang ada di negara kita. Sekian.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab sebut Perlis saya bangunlah, kalau tidak saya tidak hendak bangun... [Ketawa] Saya *excited* sebab ada Gua Kelam Tuan Yang di-Pertua, antara dua gua di dunia, satu di Brazil dan satu di Perlis... [Tepuk]

Soalan saya, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian bagi menyedarkan kerajaan-kerajaan negeri supaya menyedari faedah-faedah *ecotourism*. Ini supaya tragedi pemusnahan alam sekitar seperti skandal lombong pasir Olak Lempit Selangor, kawasan berdekatan dengan Paya Indah Wetlands. Ini kerana saya dapati kerajaan negeri ini tidak faham. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya kesedaran ini adalah penting. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kesedaran tentang pengurusan alam sekitar yang mampan adalah satu perkara yang amat penting, supaya jika destinasi ekopelancongan memang sudah wujud kita seharusnya tidak merosakkannya.

Kementerian Pelancongan bekerjasama dengan kementerian yang lain seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kita menggabungkan tenaga dan selalu

berbincang dengan kerajaan negeri tentang kepentingan pengurusan alam sekitar yang mampan supaya ianya tidak merosakkan destinasi-destinasi ekopelancongan. Sebagai contoh, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengorek pasir yang sudah berhampiran dengan Paya Indah Wetlands. Ini menakutkan binatang-binatang liar yang berada di situ termasuk burung juga kerana di dalam setiap kawasan konservasi, setiap kawasan yang telah pun dilindungi, kerajaan seharusnya mengadakan zon *buffer* atau *buffer zone*, sekurang-kurangnya satu kilometer.

Ini bermakna kalau ada hidupan liar di dalam kawasan terlindung yang banyak, maka hidupan-hidupan liar ini boleh berjalan ke dalam zon tersebut tetapi kalau aktiviti seperti mengorek pasir sudah berlaku, maknanya *buffer zone* ini sudah tidak wujud lagi! Sudah tidak ada lagi. Jadi, inilah satu masalah dan kita memang melihat masalah ini sebagai satu cara di mana kadang-kadang kerajaan negeri merosakkan alam sekitar. Oleh itu kami sentiasa berbincang. Terima kasih.

5. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, program-program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan demi untuk mentransformasikan perusahaan kecil dan sederhana agar lebih berdaya saing dan menghasilkan nilai yang tinggi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: Terima kasih. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun kewangan 2010, sebanyak 267 Program Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh lebih 15 kementerian dan 60 agensi dengan komitmen kewangan berjumlah RM6.9 bilion. Program tersebut mendukung tiga teras strategik yang telah dirangka untuk mentransformasikan PKS agar lebih berdaya saing, berdaya tahan dan menghasilkan nilai tambah yang tinggi. Tiga teras strategik tersebut adalah:-

- (i) mengukuhkan infrastruktur. Teras ini melibatkan pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur fizikal dan pengurusan maklumat serta pewujudan peraturan dan keperluan operasi yang kondusif bagi PKS. Bagi teras strategik pertama ini sebanyak 28 program sedang dilaksanakan, melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM193 juta dan dijangka memberi faedah kepada lebih daripada 8,000 PKS;
- (ii) membangunkan kapasiti dan keupayaan PKS. Teras ini merangkumi pembangunan usahawan, pembangunan modal insan, khidmat nasihat, kesedaran dan capaian, penambahbaikan teknologi dan pembangunan produk. Pada tahun 2010 kerajaan memperuntukkan RM786.04 juta untuk 200 program penambahbaikan pengetahuan, kemahiran dan kemampuan PKS serta pekerja PKS bagi mempertingkatkan prestasi pertumbuhan dan persaingan. Program ini dijangka akan memanfaatkan kira-kira 270,000 PKS; dan
- (iii) meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS. Teras ini melibatkan pembangunan dan pengukuhan kerangka institusi untuk menyokong keperluan pembiayaan PKS. Bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan kewangan bagi PKS, kerajaan sedang melaksanakan 39 program dengan peruntukan sebanyak RM5.93 bilion atau 85.8 peratus daripada komitmen kewangan berjumlah RM6.9 bilion. Program ini dijangka akan memberi manfaat kepada sebanyak lebih daripada 280,000 PKS.

Di antara program utama bagi meningkatkan akses pembiayaan kewangan adalah termasuk dana pinjaman PKS untuk menyediakan pembiayaan modal kerja PKS bumiputera oleh SME Bank, Skim Pembiayaan TEKUN bagi menyediakan pembiayaan

usahawan mikro oleh Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan pembangunan usahawan bumiputera melalui Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) untuk membangunkan kumpulan usahawan bumiputera yang berdaya saing dan berdaya maju oleh AGRO Bank.

Kerajaan akan mengambil usaha-usaha secara berterusan untuk memajukan PKS kerana menyedari peranan sektor tersebut sebagai salah satu sektor utama yang akan menjana pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan seperti mana disasarkan oleh Model Baru Ekonomi. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya ialah berapa peratus PKS Malaysia betul-betul berdaya saing di pasaran global tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan lagi? Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada PKS yang tertentu sebelum ia menjadi berdikari dan berdaya saing di pasaran global? Sekian, terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Buat masa ini saya tidak mempunyai angka peratusan PKS yang sudah bersaing di peringkat global.

■1050

Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa sudah ada banyak syarikat-syarikat PKS kita yang sudah berjaya. Bukan hanya menerokai tetapi juga menembusi pasaran-pasaran luar dan tidak terhad kepada pasaran di rantau ASEAN ini sahaja tetapi juga sampai ke Asia Barat dan Eropah. Seperti yang kita jalankan setakat ini dengan latihan-latihan, program-program dan pembiayaan yang diberikan kepada PKS ini. Kita dapati sudah tentu ciri-ciri penting perniagaan perlu dikuasai oleh syarikat-syarikat ini supaya dapatlah mereka bersaing di peringkat global. Pada tahun ini kita sudah mulai membuat kajian impak untuk memastikan keberkesanan program-program yang kita laksanakan. Kalaulah syarikat-syarikat ini berjaya dalam soal pelbagai perkara insya-Allah mereka akan dapat bersaing di peringkat global.

Antara perkara yang kita lihat ialah peningkatan dari segi jualan, inovasi iaitu adakah syarikat-syarikat ini mampu untuk mendaftar paten contohnya. Selain itu produktivitiya iaitu kita lihat *ratio* ataupun nisbah antara jualan dengan bilangan pekerja. Selain itu kepuasan pelanggan, ini pun sudah tentu penting dan yang terakhir sekali keberuntungan. Kalau syarikat-syarikat ini dapat menguasai segala aspek-aspek ini maka kita rasa yakin bahawa kita mampu untuk bersaing di peringkat global.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, antara teras perdagangan oleh Kerajaan Malaysia ialah mengenai halal hab. Jadi berhubung dengan program-program pembangunan untuk PKS ini apakah sasaran kerajaan dan pelan tindakan bagi memastikan perkara ini menjadi kenyataan? Apakah *target* bilangan dan pendapatan yang dijangka oleh kerajaan yang dapat dari industri ini? Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang menyentuh soal halal hab. Sudah tentu antara penekanan yang kita berikan kepada usaha-usaha untuk mewujudkan dan meningkatkan lagi aktiviti di halal hab ini adalah untuk menggalakkan lebih banyak PKS terlibat dalam industri tersebut. Kita lihat bahawa industri ini memang mempunyai potensi yang begitu besar. Bukan hanya untuk pasaran tempatan tetapi juga pasaran global. Termasuk juga pasaran di kalangan negara-negara yang bukan Islam yang sebenarnya merupakan pasaran yang lebih besar daripada negara yang antara negara Islam.

Kita sebenarnya tidak mempunyai satu sasaran yang *definitive*, dengan izin. Berapa peratus PKS yang hendak kita libatkan di dalam industri halal ini khususnya terlibat dalam halal hab.

Walau bagaimanapun, kita dapati daripada penyertaan di dalam pelbagai program yang kita anjurkan termasuklah pameran besar seperti MIHAS. Di mana kita dapati begitu banyak sekali PKS tempatan kita yang telah mempamerkan produk-produk dan

perkhidmatan yang begitu menarik yang mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan daripada pengunjung luar negeri. Antara sektor yang mereka terlibat adalah makanan sudah tentu dan juga kosmetik, *pharmaceutical* dan perkhidmatan seperti logistik dan sebagainya.

Jadi sasaran kami ialah untuk memberi penekanan kepada sektor-sektor dalam halal hab ini. Supaya kita lebih terkenal sebagai sebuah negara yang bukan hanya memberi tumpuan kepada suatu sektor dalam halal sahaja contohnya makanan. Akan tetapi mewujudkan satu ekosistem halal yang lebih menyeluruh dan holistik. Pelan tindakan kami seperti biasa untuk terus memberi galakan kepada PKS terlibat dalam sektor ini kerana kita dapati ianya satu industri yang mempunyai potensi yang begitu besar. Setakat yang kita maklum industri di peringkat global adalah bernilai lebih USD2.5 trilion setahun. Mengikut trendnya ia semakin membesar jadi kita rasakan bahawa PKS mempunyai peluang yang begitu menarik dalam industri tersebut.

6. Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan memperkenalkan kurikulum baru bagi menyediakan satu sistem latihan memandu yang dapat melahirkan pemandu kompeten, mematuhi undang-undang dan berhemah.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah selesai menjalankan kajian ke atas modul Kurikulum Pendidikan Pemandu sedia ada pada tahun 2007. Juga telah menggubal modul Kurikulum Pendidikan Pemandu yang baru. Ini bertujuan untuk melahirkan bakal-bakal pemandu yang *bercompetent*, berhemah serta mampu membudayakan pemanduan selamat di jalan raya.

Penggubalan semula kurikulum latihan memandu baru ini dibuat selaras dengan perkembangan drastik dalam industri permotoran dan rangkaian sistem jalan raya serta untuk menangani kadar kemalangan jalan raya dan ragam pemandu yang semakin kompleks. Walau bagaimanapun, inisiatif ini akan diperkenalkan sebaik sahaja pihak Kementerian menerima peruntukan yang telah dipohon daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan ini.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Kita tahu kemalangan jalan raya dikatakan berpunca 70 peratus adalah disebabkan kecuaihan dan sikap pemandu. Oleh itu pemandu bukan sahaja perlu diberi didikan dari segi kesedaran, mematuhi peraturan jalan raya tetapi pelbagai aspek keselamatan jalan raya. Soalan tambahan saya apakah kaedah latihan memandu yang menjurus kepada tahap kurikulum latihan terbaik dalam negara ini supaya dapat mencapai tahap piawaian terbaik antarabangsa. Kedua, adakah kerajaan bercadang mengkaji semula bayaran bagi mengikuti kelas memandu yang dikatakan terlalu tinggi untuk mendapatkan lesen memandu supaya tidak membebankan rakyat. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator. Kurikulum baru memandu ini bukan sahaja ianya merupakan banyak perubahan dari yang lama. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Jabatan Pengangkutan Jalan juga telah memberi pendidikan awal iaitu dari sekolah rendah selama satu jam dalam satu minggu kepada murid-murid. Ianya dimasukkan dalam *syllabus* bahasa Malaysia di mana guru terpaksa juga mengajar unsur-unsur keselamatan jalan raya, pemandu dan sebagainya. Jadi *syllabus* yang baru ini Yang Berhormat sebutkan tadi adalah yang menentukan bahawa pemandu kita bukan sekadar mengetahui ilmu memandu atau undang-undang memandu.

Akan tetapi juga mereka ini apa yang dikatakan ada *attribute*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dengan *attribute* pemandu yang baik yang memikirkan fasal pemandu lain selain daripada mereka sendiri. Juga pemandu-pemandu yang diharapkan keluar daripada *syllabus* baru ini adalah mereka yang lebih fasih, lebih mengetahui aplikasi pengetahuan yang dia pelajari.

Ini kalau dalam terma pendidikannya, pelajarannya adalah dinamakan taksonomi pemandu ini yang menyentuh tentang *affective domain*, *cognitive domain* dan juga psikomotornya.

■1100

Jadi ini adalah harapan kita untuk pemandu-pemandu yang kita akan keluarkan. Betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kecuaiannya pemandu ini – kebanyakannya berlaku mengikut kajian polis kepada *accident* ini, yang berlaku dalam lingkungan pemandu yang berumur 16 tahun hingga 25 tahun. Ini bermakna, mereka baru sahaja mempunyai lesen dan ini menunjukkan juga satu kelemahan dalam *syllabus* memandu kita.

Sama ada JPJ akan mengurangkan *fee* memandu ini ataupun bayaran belajar memandu ini, belum ditentukan lagi tetapi dengan *syllabus* baru ini Yang Berhormat, kita akan memberi 22 jam pelajaran ini kalau dibandingkan dengan 21 jam pada masa sekarang ini. Sekian.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan *driving simulator* yang banyak membantu mewujudkan pemanduan berhempah? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, maaf. Apa yang *driving simulator* ini?

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Tuan Yang di-Pertua, macam kita ada dalam *pilot training course* dengan izin, ia ada *simulators*. *Simulators* ialah satu alat yang mana *you* boleh masuk dan boleh belajar.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat atas penerangan itu tadi. *Driving simulators* ini tidak ada masuk dalam *syllabus* yang baru ini tetapi kita akan mengambil cadangan Yang Berhormat dan masukkan dalam *syllabus* yang baru ini kalau ia ada unsur-unsur untuk memberi pendidikan memandu kepada pemandu kita. Ia semua yang baik sebab pada masa sekarang ini terlalu ramai orang yang cedera dan juga mati di jalan raya. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bilangan rumah yang didirikan oleh kementerian sejak tiga tahun lepas untuk membantu rakyat yang tidak ada rumah. Apakah usaha-usaha kementerian bagi memastikan semua rakyat yang berpendapatan rendah mampu memiliki rumah menjelang tahun 2020.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melaksanakan dua jenis Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu PPR disewa dan PPR dimiliki.

Dari tahun 2007 hingga tahun 2009, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melaksanakan 21 projek dengan jumlah 31,787 unit PPR disewa dan 10 projek dengan jumlah unit 1,300 PPR dimiliki. Sehingga kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dan sedang melaksanakan 84 projek dengan jumlah unit 75,749 PPR disewa. Bagi PPR dimiliki, sebanyak 26 projek dengan jumlah 3,552 unit telah dan sedang dilaksanakan.

PPR disewa yang telah siap dibina, disewakan kepada penghuni-penghuni yang layak iaitu golongan setinggan dan juga golongan yang berpendapatan rendah di bawah paras RM2,500 sebulan pada kadar sewa RM124 sebulan. Manakala harga jualan seunit rumah PPR dimiliki ialah pada kadar di antara RM30,000 hingga RM35,000 seunit.

Selain daripada itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN), juga ada menawarkan kemudahan pinjaman melalui Skim Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah. Skim ini telah dilaksanakan sejak tahun 1975. Sehingga 31 Mei 2010, seramai 7,720 orang rakyat

Malaysia berpendapatan rendah tidak mengira kaum telah menikmati pinjaman daripada skim ini.

Skim ini memberikan kemudahan pinjaman maksima RM20,000 kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk membina atau membeli rumah kos rendah. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita sedar yang permintaan terhadap rumah begitu tinggi, melebihi daripada setengah juta. Jadi apakah rancangan terdekat kementerian selain daripada yang disebutkan tadi – ada 78,000 unit rumah? Saya hendak tahu. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memberikan kemudahan perumahan kepada seluruh rakyat Malaysia terutama sekali yang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah. Maka itu sebabnya pada Rancangan Malaysia Kesepuluh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun mengumumkan sebanyak 78,000 unit rumah kos rendah yang dimiliki ataupun yang akan dijual kepada rakyat Malaysia yang layak untuk memiliki rumah ini. Pelaksanaannya akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Selain daripada itu juga, kerajaan akan terus mempertimbangkan permohonan-permohonan daripada kerajaan-kerajaan negeri yang merasakan mereka mempunyai keperluan untuk menyediakan perumahan di negeri masing-masing. Jadi ini pun akan ditimbang oleh Kerajaan Pusat selain daripada – kita tahu juga bahawa pelaksanaan projek-projek seperti rumah PBR yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di mana ini adalah perumahan yang akan diberi secara percuma kepada rakyat yang miskin khususnya di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah – kos tanah meningkat, kos binaan sentiasa tinggi, apakah usaha-usaha atau langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian atau subsidi atau bantuan kewangan yang akan diberikan kepada pemaju supaya pemaju lebih berminat untuk membina rumah kos rendah untuk menjaga kepentingan rakyat kurang mampu?

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk memberikan insentif kepada pihak swasta untuk melaksanakan projek rumah kos rendah. Selain daripada kita mensyaratkan pihak pemaju menyediakan rumah kos rendah kepada projek perumahan mereka, tetapi ada juga insentif-insentif yang dibuat oleh kerajaan negeri masing-masing di mana kemungkinan dari segi kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain, penyediaan jalan raya, penyediaan kemudahan-kemudahan yang lain. Itu sebahagian daripada insentif yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri. Namun, di kementerian saya tidak mempunyai insentif seperti ini. Terima kasih.

8. Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah status terkini dalam usaha kementerian mewujudkan satu unit khas bagi meningkatkan prestasi sekolah pedalaman dalam usaha merapatkan jurang perbezaan antara sekolah di luar bandar dan bandar termasuk dari segi kemudahan serta pencapaian akademik.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, penstrukturan organisasi dalam pentadbiran di Kementerian Pelajaran Malaysia akan mengambil kira semua aspek pengurusan dan pentadbiran termasuklah aspek yang berkaitan dengan pembangunan pendidikan di luar bandar dan pedalaman.

Untuk memastikan pelaksanaan program pembangunan pendidikan dapat dilakukan dengan tersusun dan teratur termasuklah di luar bandar dan pedalaman, KPM telah menyelaraskan fungsi bahagian-bahagian di KPM, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah mengikut bidang tugas yang ditetapkan. Di samping itu, bagi meningkatkan prestasi sekolah pedalaman dalam usaha merapatkan jurang perbezaan antara sekolah di luar bandar dan bandar, Kementerian Pelajaran telah melaksanakan pelbagai usaha untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan murid.

■1110

Antaranya ialah melalui program dan projek pembangunan pendidikan di luar bandar yang mana sehingga Disember 2009, sebanyak 10,281 ataupun 70 peratus projek telah siap atau sedang dilaksanakan. Dari segi peruntukan, sebanyak RM7.319 bilion atau 53 peratus telah dibelanjakan daripada siling sebanyak RM13.723 bilion bagi projek di luar bandar. KPM juga telah memperluaskan penyediaan kelas prasekolah khususnya di luar bandar dan dalam kalangan Orang Asli dan Penan untuk membina kesediaan pembelajaran awal dalam kalangan kanak-kanak berusia 5 tahun. Usaha tersebut telah berjaya menyediakan sebanyak 1,982 kelas prasekolah di luar bandar dengan jumlah kapasiti 49,550 orang murid.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan kurikulum Orang Asli dan Penan ataupun KAP di enam buah sekolah rintis. Dapatan awal kajian rintis terhadap pelaksanaan kurikulum tersebut menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Kemahiran murid mengenal huruf, menguasai suku kata dan membaca telah meningkat mengikut tahun pembelajaran. Pencapaian juga dilihat dalam kehadiran murid yang lebih tinggi. Murid lebih mengutamakan kebersihan dan kekemasan diri serta mereka lebih berkeyakinan untuk bercakap. Terima kasih.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan yang begitu panjang lebar. Soalan tambahan saya ialah mengenai prestasi akademik murid sekolah bandar dan di luar bandar. Seperti kita sedia maklum, prestasi murid di sekolah rendah di bandar jauh lebih tinggi kalau kita bandingkan dengan di luar bandar. Di bandar, kebanyakan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen atau kelas tambahan malahan ada juga yang mendapatkan guru...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa tidak payah lagi ada malahan, terus soalan ya... *[Ketawa]*

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah bandar dan luar bandar ini, adakah pihak kerajaan mempunyai mekanisme bagi guru-guru di bandar dan di luar bandar agar ibu bapa tidak perlu bergantung harap kepada kelas tuisyen bagi memastikan anak-anak mereka ini cemerlang di bidang akademik?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Senator. Sebenarnya kita mengakui bahawa terdapat jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar. Itu memang diakui. Apa yang kita lakukan di peringkat kementerian pada tahun 2006 ialah kita merencanakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.

Salah satu teras yang telah dinyatakan dengan jelas ialah merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar. Oleh sebab itulah, penekanan telah diberikan dari segi infrastruktur dan juga dari segi perisian. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita memang dalam peringkat menyediakan, kita sedang merancang satu program yang dinamakan School Improvement Program (SIP) yang mana kalau kita lihat sekolah berprestasi tinggi, kita tumpukan kepada 100 sekolah yang terbaik. Pada waktu yang sama, kita juga memberi tumpuan kepada sekolah yang berprestasi rendah.

Dalam konteks ini, telah dirancang iaitu kita ada School Kit ataupun kita sediakan program yang mana kita boleh menggunakan sekolah berprestasi tinggi untuk membantu sekolah berprestasi rendah. Sebab itulah bagi pihak kementerian, kita mengambil langkah proaktif membantu dan ada tataranya, *Standard Operating Procedure* (SOP) dengan izin, telah direncanakan dengan jelas.

Keduanya, untuk makluman Yang Berhormat juga, kalau kita lihat sebelum itu mungkin dua tahun yang sebelum ini terdapat pelajar-pelajar yang agak lemah di dalam UPSR. Ada sekolah yang mendapat kosong peratus dari segi peratusan lulus dalam UPSR. Akan tetapi perkara ini telah diatasi satu per satu. Saya masih ingat angkanya iaitu dua tahun yang lalu, mungkin ianya adalah 100 lebih dan untuk tahun lalu ianya telah menurun kepada kosong, bermakna semuanya sudah. Antara pencapaian yang ketara ini, salah satu faktor kejayaan ialah disebabkan kita mengambil banyak program.

Berbalik kepada soal Yang Berhormat mengatakan tuisyen, sebenarnya kita ada Skim Bantuan Tuisyen. Akan tetapi itu bukan segala-galanya. Kita lihat dalam sistem pendidikan kita, kita hendak kurangkan bebanan ini. Kadangkala ibu bapa di dalam bandar pun terikut-ikut dengan budaya. Tidak semestinya kerana kita tidak mempunyai sistem pembelajaran terbaik tetapi ibu bapa mengikut budaya terikut-ikut. Untuk kawasan di luar bandar pula, kita memberi bimbingan. Kalau sekadar mana yang memadai, kita akan bantu pelajar yang lemah dan tidaklah seperti mana yang diadakan dan dapat diwujudkan di bandar-bandar besar.

Jadi, secara kesimpulannya apa yang dilakukan oleh kementerian kita akan teruskan. Kepada pelajar miskin kita akan teruskan bantuan kita kerana mungkin dari segi ibu bapa mereka yang masih buta huruf dan kita perlukan bimbingan selepas sesi persekolahan dan ini akan diteruskan. Sekian, terima kasih.

9. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta Menteri Kerja Raya menyatakan, bila agaknya Lebuhraya Pantai Timur dari Kuantan ke Kuala Terengganu boleh digunakan dan adakah tol akan dikenakan. Berapa kos kontrak keseluruhannya dan berapa kontraktor yang telah ditamatkan kontraknya dan apakah tindakan yang diambil.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Fatimah binti Hamat yang dijadualkan pada 3 Ogos 2010 memandangkan isu yang dibangkitkan menyentuh perkara yang sama iaitu pembinaan Lebuhraya Pantai Timur II dari Jabur ke Kampung Gemuruh Terengganu.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, projek pembinaan lebuhraya pantai timur fasa dua dari Jabur, Pahang ke Kampung Gemuruh Terengganu merupakan kesinambungan daripada Lebuhraya Pantai Timur I iaitu dari Karak ke Kuantan sepanjang 169 kilometer yang telah siap dan dibuka pada tahun 2004. Projek pembinaan LPT II telah dimulakan pada bulan Mac 2006 dengan anggaran kos projek keseluruhannya sebanyak RM3.7 bilion termasuk kos pengambiln tanah dan reka bentuk.

Bagi merangsang industri pembinaan yang lembap ketika itu, kerajaan telah memutuskan pembinaan projek mega ini melibatkan 16 pakej ditawarkan secara tender terbuka konvensional manakala satu pakej lagi telah ditawarkan secara rundingan terus reka dan bina kepada MTD Capital Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, projek pembinaan LPT II ini telah mengalami kelewatan berbanding dengan jadual asal. Faktor utama kelewatan projek ini disebabkan oleh ketidakmampuan kontraktor yang dilantik untuk meneruskan pelaksanaan projek ini berikutan kenaikan mendadak harga bahan binaan di pasaran dunia antara akhir tahun 2006 hingga awal tahun 2008.

Ini menyebabkan harga kontrak asal yang ditawarkan kepada pihak kontraktor pada masa itu tidak lagi kompetitif dan menguntungkan mereka. Sehubungan itu terdapat di kalangan kontraktor terbabit telah menawarkan untuk menarik diri dari meneruskan pelaksanaan projek ini menerusi penamatan secara persetujuan bersama ataupun *mutual termination*.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga kini JKR telah menamatkan satu pakej manakala lima pakej lagi telah ditamatkan secara persetujuan bersama. Sehubungan itu, pada masa kini JKR sedang dalam proses untuk memanggil semula tender bagi melantik kontraktor penyiap. Sehingga akhir Jun 2010, status fizikal bagi keseluruhan projek ini adalah sebanyak 70.4 peratus berbanding 82.1 peratus dijadual.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, sebahagian dari pakej LPT II akan dibuka secara berperingkat-peringkat. Bagi pakej-pakej yang disiapkan pada tahun 2011, iaitu pakej MTD dari Bukit Payung Spur Road ke Kuala Terengganu melalui pakej 11 dan 12 sepanjang 25.2 kilometer. Manakala keseluruhan LPT2 dijangka akan disiapkan sepenuhnya dan dapat dibuka kepada pengguna apabila enam pakej yang ditamatkan itu dipanggil tawaran tender semula, seterusnya disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh kerajaan.

■1120

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan masih sedang mengkaji mekanisme penentuan kadar tol di Lebuhraya Pantai Timur fasa dua ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, kawan saya. Soalan tambahan saya – ada yang berkaitan di sini yang masih lagi yang belum dijawab. Adakah tol akan dikenakan? Adakah duit ini datangnya – yang saya faham daripada wang ihsan dari Terengganu. Adakah ia akan dibayar semula oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Terengganu?

Mengapakah kontraktor-kontraktor yang telah ditamatkan ataupun dipulangkan balik masih lagi mendapat kerja-kerja yang ditawarkan oleh kementerian pada projek-projek lain? Malah ada di antara mereka yang mendapat kerja lebih besar daripada tender yang telah mereka kerjakan dan telah ditamatkan. Jadi di manakah letaknya prosedur SOP yang telah dibuat oleh kementerian? Kontraktor yang telah ditamatkan ataupun memberi pulangan balik itu masih lagi mendapat kerja-kerja yang besar. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan pertama iaitu mengenai tol ini, kita masih dalam kajian menentukan kadar tol oleh kerajaan. Sebenarnya kita lihat, tol kalau dikenakan kita – untuk mereka yang mengutip tol memang untuk penyelenggaraan jalan, operasi dan untuk memberikan *value added* atau nilai tambahan perkhidmatan seperti ada R&R dan hentian sebelah. Ini semua boleh guna tol yang dikutip, yang kita belum lagi ditentukan kadarnya sehingga ke hari ini.

Untuk menjawab soalan bahagian kedua, kalau Yang Berhormat ada – kalau kita tamatkan kontraktor secara *mutual termination*, mereka boleh juga tender projek yang lain. Sebab ini kalau *termination* secara wajib, secara mandatori dan mereka akan disenaraihitamkan. Akan tetapi kalau dimohon untuk menamatkan tender kontrak, ia boleh lagi – mereka tidak ada, mereka tidak disenaraihitamkan. Mereka boleh juga teruskan dengan kerja-kerja tender-tender yang lain. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahilahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya, kelewatan projek ini amat mengecewakan iaitu 11.7 peratus bagi keseluruhan projek. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, punca kelewatan projek ini adalah disebabkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ya. Jangan buang masa.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: Soalannya ialah, mengapakah Jabatan Kerja Raya tidak menyemak semula harga kontrak asal dengan serta-merta ataupun seberapa segera setelah kementerian menyedari bahawa harga kontrak asal tidak lagi kompetitif dan menguntungkan, malah menyebabkan lima pakej ditamatkan dan tentulah menjejaskan prestasi dan reputasi syarikat-syarikat kontraktor berkenaan? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tender yang kita buat pada awal tahun 2006, semasa ini harganya yang di tender oleh mereka, kelima-lima kontraktor ini adalah munasabah. Kita mengikut harga pasaran bahan binaan. Sehingga hujung tahun 2006, kita tahu minyak mentah telah pun naik sehingga USD130 satu tong, berbanding dengan sebelumnya USD40 sahaja, tiga kali ganda. Besi keluli juga naik 100 peratus.

Kerajaan telah pun mengadakan satu skim untuk membantu kontraktor melalui *Variation of Price* (VOP) dengan surat pekeliiling daripada pihak Kementerian Kewangan, yang mana harga yang tertinggi dengan harga yang di tender, kita beri subsidi sebanyak 50 peratus. Sehingga ke waktu itu juga, mereka – kontraktor yang tidak besar ini tidak mampu juga, oleh kerana harga naik 200 peratus, dan kita beri 50 peratus. Ia tidak dapat mereka untuk melanjutkan kontrak, itu sebabnya. Akan tetapi kalau dalam kontrak memang kita ada harga yang ditetapkan pada waktu yang mereka tender, harga pasaran semasa itu.

Akan tetapi harga yang naik mendadak bukan kita dapat kira – tidak ada orang di dunia itu pun tahu, minyak mentah pun boleh naik tiga kali ganda dalam beberapa bulan. Itu masalahnya. Akan tetapi daripada tender kita selalu ingatkan pihak kontraktor, kalau masuk tender kira dengan baik-baik. Ia akan kita tahu, memang harga-harga bahan binaan kalau tidak stabil, harganya kita perlu ambil sedikit pengiraan masuk dalam tender. Sekian, terima kasih.

10. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah hakisan pantai yang serius sepanjang 1,300 km atau 29 peratus daripada 4,800 km jalur pantai dan unjuran peningkatan paras laut di Malaysia.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah panjang pesisiran pantai negara ialah 4,809 kilometer, dan daripada jumlah ini sepanjang 1,414 kilometer atau 29.4 peratus pantai mengalami masalah hakisan. Daripada jumlah ini, sepanjang 288.4 kilometer atau 6 peratus daripada 4,809 kilometer itu melibatkan 93 buah kawasan menghadapi hakisan kritikal. Yang kami kategorikan sebagai kategori pertama, di mana kegiatan ekonomi atau harta benda telah diancam dan tindakan segera perlu dilakukan.

Kerajaan melaksanakan strategi yang berbentuk tindakan dua peringkat untuk mengawal masalah hakisan pantai di seluruh negara, iaitu langkah jangka pendek dan langkah jangka panjang. Langkah jangka pendek adalah dalam bentuk kerja-kerja kejuruteraan, termasuk pembinaan struktur-struktur kawalan hakisan.

■1130

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM406 juta untuk melaksanakan Program Kawalan Hakisan Pantai. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM387.5 juta adalah bagi tujuan pembinaan struktur kawalan hakisan pantai di kawasan kritikal sepanjang 284 kilometer tersebut. Setakat ini, kawasan pantai kritikal sepanjang 140 kilometer telah berjaya dipertahankan.

Antara projek pembinaan struktur kawalan hakisan pantai yang telah dilaksanakan adalah Projek Mencegah Hakisan Pantai Kemaman, Terengganu dengan kos RM79 juta, Projek Mencegah Hakisan Pantai Kuala Salak Kecil dan kampung-kampung di Yan, Kedah dengan kos RM15.7 juta dan Projek Mencegah Hakisan Pantai Miri, Kuala Berang Sarawak dengan kos RM8.6 juta.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebagai langkah-langkah panjang pula, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menyediakan Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu atau dengan izin Integrated Shoreline Management Plan (ISMP). Bagi tujuan penyediaan pelan ini, sebanyak RM18.5 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Antara projek yang telah disiapkan ialah ISMP Negeri Sembilan dengan kos RM2.2 juta. Manakala ISMP Melaka, Labuan, Pulau Pinang dan Miri sedang dalam pelaksanaan. Sebagai makluman, ISMP Pahang telah siap di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pihak JPS akan terus melaksanakan program-program kawalan hakisan pantai di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Bagi mengkaji *National Coastal Vulnerability Index* peningkatan paras air laut, pihak JPS telah melaksanakan kajian NCVI – pada tahun 2006 yang siap pada bulan MAC 2008 untuk dua projek perintis ialah di pantai barat di Langkawi Kedah dan Pantai Tanjung Piai di Johor.

Antara faktor yang dikaji adalah terhadap kesan-kesan fizikal, biologikal dan sosioekonomi akibat hakisan pantai. Hasil daripada kajian tersebut, Pantai Barat Langkawi dijangka akan mengalami peningkatan paras air laut sebanyak 10 sentimeter dan Pantai Tanjung Piai, Johor akan mengalami peningkatan paras air sebanyak 13 sentimeter dalam tempoh 100 tahun yang akan datang. Secara umumnya, bagi Pantai Barat Semenanjung Malaysia dijangka peningkatan paras air laut di kawasan ini adalah pada paras 10 sentimeter ke 13 sentimeter dalam 100 tahun yang akan datang.

Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, kenaikan paras air laut ini tidak memberi impak yang ketara kepada kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Selain itu, pihak Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), sedang menjalankan kajian kesan pemanasan global terhadap aras laut negara. Hasil kajian dijangka siap pada penghujung tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab masa – walau bagaimanapun saya membenarkan Tuan Mohamed Khalid untuk soalan tambahan. Silakan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah hasil kajian ataupun penemuan daripada Projek Penyelidikan Pengurusan Pesisiran Pantai oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)? Sejauh manakah Kementerian mengadakan tanaman pokok bakau untuk mengelakkan hakisan pantai?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ada dua pertanyaan Ahli Yang Berhormat. Pertama, dia bertanya apakah hasil kajian yang telah dijalankan oleh pihak NAHRIM. Seperti mana saya katakan sebentar tadi di dalam akhir ucapan saya ialah pihak ini sedang menjalankan kajian kesan pemanasan global. Jadi, perlu bagi kita untuk tunggu. Saya tidak tahu apakah kesudahannya.

Bagi penanaman bakau-bakau di pantai laut kita ini. Sebenarnya, seperti mana yang saya katakan tadi itu ialah, kita juga menjalankan kajian secara bersepadu. Di mana, semua fakta kita ambil kira seperti guna tanah, tanaman bakau, pengorekan pasir dan sebagainya. Kesemua diambil kira dan ini akan dikandungkan di dalam kajian Integrated Shoreline Management Plan yang saya katakan sebentar tadi itu. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Selesailah sudah soalan lisan. Kita teruskan dengan menyambung perbahasan RMKe-10.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (2011-2015)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam menghadapi persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk terus melaksanakan Misi Nasional dengan disokong oleh Model Baru Ekonomi sebagai rangka dasar pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dilaksanakan berasaskan hala tuju strategik, program dan peruntukan yang diperlukan untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan membawa negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD.3 Tahun 2010;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu

dengan semangat “1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” dan mempunyai iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing, demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia” **[21 Julai 2010]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam saya dapati Yang Berhormat Dato’ Abdul Rashid bin Ngah telah berucap dan saya minta sambung selama 18 minit sahaja lagi Yang Berhormat. Silakan.

11.37 pg.

Dato’ Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peruntukan masa kurang dua minit 20 minit untuk saya menyambung. Saya berhenti kalau saya tidak salah menyebut berhubung dengan ekonomi yang dipacu oleh swasta (*private driven economy*).

Apabila kita sebut swasta, maka dengan serta-merta datang kepada kita Tuan Yang di-Pertua, iaitu orang yang akan memainkan peranan penting di dalam ekonomi seumpama ini ialah orang-orang yang mempunyai kapital. Ataupun dengan bahasa yang kurang enak didengar “kapitalis”. Namun, saya lebih suka menyebut dengan istilah “pemodal”.

Di mana-mana pun dan pada bila-bila masa sekalipun, sifatnya kapitalis atau pemodal ini mengutamakan keuntungan. Masalah kebajikan sosial mungkin jatuh nombor lapan dan sampai nombor sepuluh. Jadi, selama ini kita tidak boleh mengharapkan sangat kepada pemodal-pemodal yang mementingkan untung untuk memberi laluan atau memberi ruang kepada bumiputera yang kita tahu dalam banyak hal mempunyai kelemahan dan kekurangan.

Akan tetapi *alhamdulillah*, saya perhatikan kerajaan kita terlalu sedar, lalu di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, berdasarkan ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dimasukkan dengan jelas apa yang disebut “*Teras strategik ketiga, pembangunan sosioekonomi secara inclusive yang tidak akan memberi peluang kepada sebarang kumpulan untuk diketepikan ataupun terpinggir*”.

Apatah lagi Bumiputera yang saya sebutkan merupakan 60 peratus rakyat di negara kita ini. Bagaimana rakyat 60 peratus boleh diketepikan begitu rupa? Cari nahas kerajaan yang berbuat begitu.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, bila menyebut penyertaan bumiputera kita rasa senang hati, bila teras strategik yang ke-31 penyertaan masyarakat bumiputera dalam ekonomi negara. Saya sebenarnya pada mulanya menyangka bahawa penyertaan bumiputera dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini cuma dianggap sebagai tambahan, *appendix* sahaja. Tidak merupakan satu elemen yang penting dalam keseluruhan susunan ekonomi ini, akan tetapi *alhamdulillah*.

Saya rasa kerajaan pun merasa dukacita, *frustrated* dengan izin. Bila melihat dalam masa selama 40 tahun dari tahun 1971 sampai tahun 2010, kita hanya memiliki ekuiti lebih kurang 30 peratus sahaja. Lalu kerajaan memikirkan satu ukuran yang lebih baik yang lebih saksama, dibuat bukan sahaja berdasarkan kepada milik ekuiti tetapi pengukuran penyertaan. Kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, “*bumiputera akan diperlukan kepada aset kewangan dan bukan kewangan seperti harta tanah dan premis perniagaan termasuk juga termasuk guna tenaga profesional*.”

Kaedah yang lebih holistik dan komprehensif ini memberi penekanan bukan sahaja kepada aspek pemilikan kekayaan tetapi juga aspek peningkatan pendapatan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi.

Dalam hal ini, saya mengharapkan mudah-mudahan kita sama-sama mengharapkan bahawa pada tahun 2020, dengan pengukuran baru yang hendak dibuat ini

kekayaan bumiputera milik bumiputera apa sahaja yang hendak kita istilahkan, mencapai sekurang-kurangnya 40 peratus.

Detail nya 10 peratus daripada sekarang yang boleh kita ukur mungkin dalam 5 peratus setiap tahun. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh 5 peratus dan Rancangan Malaysia Kesebelas 5 peratus. Begitu kedudukannya dan ditambah pula dengan satu jaminan, saya terima ini sebagai satu jaminan kerajaan. Salah satu daripada insentif untuk menentukan kehebatan penyertaan bumiputera ialah kerajaan bersedia menubuhkan satu majlis peringkat tertinggi untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan agenda bumiputera.

Saya berharap dan suka mengusulkan biarlah jawatankuasa atau majlis peringkat tertinggi ini bersidang setiap tiga bulan sekali untuk memantau. Apakah boleh dalam masa sepuluh tahun, sebelum kita sampai kepada Wawasan 2020, sebenarnya bumiputera yang merupakan 60 peratus rakyat Malaysia, di negara Malaysia ini mempunyai tidak kurang 40 peratus kekayaan. Jadi kita boleh berbangga inilah satu-satunya susunan yang begitu baik, salah satu rancangan yang begitu baik. Akan tetapi, saya juga dapat maklumat sedikit Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, bahawa bila pasukan yang merancang Model Ekonomi Baru, kalau saya tidak salah, saya minta maaf kerana saya mungkin ketinggalan maklumat. Sampai sekarang pun belum ada lagi rasanya secara nyata yang diterangkan oleh kerajaan, apa dia Model Ekonomi Baru.

Akan tetapi, kita telah berbahas, berseminar riuh di luar dan Ahli Dewan Negara kalau saya tidak salah Yang Berhormat belum pernah diberi taklimat berhubung dengan Model Ekonomi Baru ini. Cuma saya dapat maklumat jauh-jauh mengatakan bahawa pasukan yang merancang Model Ekonomi Baru ini mengalami sedikit masalah iaitu untuk memasukkan elemen bumiputera sebanyak-banyaknya dalam model ini. Saya rasa di dalam buku *Pembangunan Ekonomi*, dalam teori mana-mana pun, dalam buku mana-mana pun, di Barat atau di Timur. Tidak ada satu model yang memasukkan dengan jelas ekonomi bumiputera, sama ada di Fiji atau di mana-mana.

Jadi, inilah yang menyebabkan sakit kepala pasukan yang merancang Model Ekonomi Baru ini. Bagaimana Model Ekonomi Baru itu boleh dimasukkan elemen bumiputera sebab kalau saya bayangkan Tuan Yang di-Pertua, ada satu *line*, satu garis bila dimasukkan sahaja unsur bumiputera ini, garis yang licin itu dia jadi berombak-ombak, putus-putus. Itu tidak baiknya elemen bumiputera ini. Jadi ini kalau boleh, memang perancang-perancang ekonomi hendak melarikan diri dari berbuat begitu.

Orang tidak suka sangat apabila kita sebut Dasar Ekonomi Baru di mana-mana pun. Saya baca sedikit sebanyak tulisan-tulisan dalam bahasa Inggeris oleh penulis-penulis Cina dan juga terjemahan surat khabar Cina. Satu benda yang sangat-sangat dibenci oleh sahabat-sahabat kita orang Tionghoa, saya minta maaf saya sebut ini, ialah Dasar Ekonomi Baru. Dalam kerajaan kalau boleh tidak hendak sebut Dasar Ekonomi Baru. Semangat kalau Dasar Ekonomi Baru pun kalau boleh tidak disebut.

Akan tetapi oleh kerana rakyat bumiputera 60 peratus, mahu tidak mahu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, unsur-unsur penyertaan bumiputera mesti dikemukakan, ini tidak dapat dilarikan dan inilah masalahnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita berharap jaminan kerajaan untuk menubuhkan majlis peringkat tertinggi untuk memantau dan menyelaras agenda pembangunan bumiputera ini dibuat sebaik-baiknya. Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dan kalau saya boleh ibaratkan kata orang tua-tua "*sepuluh jong masuk anjing bercawat ekor juga.*" Sepuluh Rancangan Malaysia dibuat orang Melayu macam itu juga, ini saya bimbang. Minta maaflah mengibaratkan anjing dengan orang Melayu tetapi begitulah keadaannya yang kita takut.

Jadi biarlah kita beri amaran awal-awal pada kerajaan kita, supaya kita sangat-sangat berjaga. Saya tahu ujian terhadap Rancangan Malaysia Kesepuluh, Dasar Ekonomi Baru, Transformasi Kerajaan dan sebagainya yang kita pakejkan, termasuklah 1Malaysia akan diuji dalam pilihan raya yang ke-13.

Bagus tidak bagus kalau kita menang lagi, boleh memerintah lagi, maka jelaslah bahawa rakyat sebahagian besarnya menerima Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ibarat

rumah dengan bumbungnya, dengan lantainya, dengan dindingnya telah diterima sebaik-baiknya. Maka kewajiban kitalah mengisi perabot dan sebagainya di dalam rumah itu.

Akan tetapi, kalau awal-awal lagi dalam pilihan raya yang ke-13 ini, rakyat Malaysia menolak ini, apa yang kita hendak katakan? Ini yang saya bimbang dan lagi saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, berkecailah harapan kita untuk melihat satu gagasan yang begitu baik, yang ditonjolkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang pada penglihatan saya sekarang telah diterima dengan baik, akan hancur begitu sahaja kerana tidak lain tidak bukan, adanya semacam kebencian kepada kerajaan. Ini yang saya bimbang.

■1150

Sebelum saya akhiri perbahasan ini, inginlah saya menyebut satu sungutan Tuan Yang di-Pertua. Saya perhatikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini banyak projek-projek berimpak tinggi yang ditabur kebanyakannya di Pantai Barat Semenanjung dan termasuk juga di Sabah.

Akan tetapi tidak ada satu pun kalau saya tidak salah diletakkan di Timur Semenanjung Tanah Melayu iaitu dari Johor Timur sampailah ke Tumpat Kelantan. Saya lebih suka menyebut kawasan ini sebagai jalur Melayu. Akan tetapi mujurlah alhamdulillah dalam kawasan jalur Melayu ini ada satu kawasan Parlimen yang bernama Pekan. Alhamdulillah.

Ini mahu tidak mahu pandangan perancang ekonomi dan sebagainya tertumpu kepada kawasan Pekan, dibangunkan Pekan. Jadi lelehan-lelehan perkembangan ekonomi dari Pekan itu mungkin terasa jugalah di Kemaman, Kuala Terengganu, Kota Bharu, turunlah ke Sedili, turun pergi Endau dan sebagainya. Namun menyebut daripada segi projek-projek yang berimpak tinggi itu saya tidak nampak adanya projek yang berimpak tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menyebut di sini bahawa Rancangan Malaysia Kesepuluh bersama-sama dengan Model Ekonomi Baru, bersama-sama dengan 1Malaysia, insya-Allah akan diterima baik oleh Rakyat Malaysia. Terutamanya Rakyat Melayu, rakyat bumiputera. Tidak banyak pilihan sebenarnya yang terbuka kepada rakyat bumiputera selain daripada menerima sebaik-baiknya apa yang diatur oleh kerajaan untuk mereka.

Apa yang saya bimbang, langkah kerajaan untuk menyelamatkan 40 peratus penduduk negara kita ini yang terperangkap dalam pendapatan yang rendah. Daripada 40 peratus itu, 73 peratus adalah bumiputera tidak dapat diselamatkan. Bila sampai kepada tahun 2020, orang ini masih terperangkap lagi. Malangnya kalau mereka terperangkap di dalam perangkap yang dipasang oleh kerajaan sendiri dengan tidak disedari oleh kerajaan.

Demikianlah Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak pandangan saya yang saya sebut sebagai *a critical appreciation of the* Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak maklumkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita pada hari ini sepenuhnya dan juga hari Isnin untuk membahaskan dan saya terima banyak, sudah kemukakan ada hendak bercakap pada 26 hari bulan, hari Isnin dan juga hari ini.

Semalam kita tidak dapat menghabiskan semua. Sekarang saya cuba beri peluang kepada semua, akan tetapi di samping itu kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat diperlukan. Siapa-siapa yang masih lagi belum menghantarkan – menyatakan sama ada hendak bercakap atau tidak sila kemukakan secepat mungkin untuk kita mengatur.

Mulai sekarang saya – kalau tadi – sebelum ini kita beri 30 minit. Sekarang ini kita kurangkan ke 25 minit sahaja. Saya berasa 25 minit itu kalau kita – memang masa ada masa. Kalau ada yang boleh ringkas itu lagi baik. Jikalau difikirkan *point* itu adalah tepat dan tegas.

Seterusnya saya menyatakan di sini dalam catatan saya di sini, kita ada hari ini berjumlah 12 orang. Sebentar tadi Dato' Haji Abdul Rashid sudah. Kita ada 11 lagi. Yang Berhormat Haji Muhammad Yusof Husin, Dato' Dr. Firdaus, Yang Berhormat Hajah

Sharipah Aminah, Yang Berhormat Hajah Noriah Mahat, Yang Berhormat Datuk Rahman Bakar, Yang Berhormat Datuk Haji Roslan Awang Chik, Yang Berhormat Hajah Mumtaz, Yang Berhormat Dato' Zaitun, Yang Berhormat Dr. S. Ramakrishnan.

Oleh yang demikian inilah...

Dato' Zaitun binti Mat: Saya sudah lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta, ya...

Dato' Zaitun binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Dah sudah?

Dato' Zaitun binti Mat: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini cantik. Terima kasih. Agaknya kadangkala dicatatkan di sini pun ada maklumlah kita dua orang inikan? Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Muhammad Yusof bin Husin.

11.55 pg.

Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca selawat, doa dalam bahasa Arab]* Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas memberi peluang kepada saya membahaskan RMKe-10. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan sebagai Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Kedah mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberikan kerjasama dalam menunaikan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kedah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat mengenai RMKe-10, pertamanya saya ingin merujuk kepada perkara 2 iaitu memanfaatkan dan meluas faktor kepelbagaian etnik sebagai satu elemen kejayaan di arena antarabangsa. Seperti mana yang kita maklum, di Sabah sahaja kita mempunyai lebih 50 etnik. Di Sarawak lebih 40 dan di Semenanjung ini lebih 20 yang kesemuanya lebih 100 etnik. Yang merupakan kaum Melayu adalah jumlah yang terbesar daripada kaum-kaum lain dalam negara kita.

Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Rashid, bumiputera kesemuanya 64 peratus dalam negara kita. Sebab itu dalam melaksanakan RMKe-10 dan dalam menjamin kestabilan politik di dalam negara kita sentimen perkauman hendaklah diletakkan sebagai satu perkara yang asas yang perlu diteliti dan perlu diberi perhatian sama ada dipihak kerajaan, sama ada dipihak parti politik, NGO dan seluruh rakyat Malaysia kerana sejarah telah mengajar kita apabila kita melakukan kesilapan, memainkan isu sentimen perkauman ini berlakulah seperti mana peristiwa 13 Mei, yang kebetulan tarikh lahir saya tetapi tahun lainlah. Hampir mencetuskan lagi suasana pada tahun 1987 yang terpaksa dilaksanakan satu operasi yang dipanggil '*Operasi Lalang*'.

Walaupun 104 orang yang ditahan itu kebanyakannya tidak terlibat dengan cetusan peristiwa ataupun kehangatan suasana pada ketika itu, akan tetapi ini menggambarkan kepada kita sentimen perkauman ini perlulah diambil perhatian oleh semua pihak dan jangan ada di kalangan pemimpin terutamanya parti-parti politik yang akan menjadi jaguh kepada kaum masing-masing menggunakan sentimen perkauman ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pelaksanaan RMKe-10 diletakkan seperti mana yang disebut oleh sahabat saya, Datuk Akbar Ali ada tiga kategori atas, tengah dan bawah. Yang di atasnya 20 peratus. Golongan ini semuanya golongan kaya - 20 peratus golongan kaya. Ini tidak ada masalah. Dia kaya.

■1200

Cuma kita tidak dapat satu statistik daripada 20 peratus rakyat Malaysia golongan kaya ini berapa peratus bumiputera? Dan yang tengahnya 40 peratus dan yang paling bawah ialah 40 peratus. Daripada 40 peratus ini 73 peratus ialah golongan bumiputera yang berpendapatan paling rendah, yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

dalam pembentangan RMKe-10 sebagai golongan mudah terjejas. Golongan mudah terjejas ini makna pendapatan bulanan dia ataupun harian dia kadang-kadang cukup, kadang-kadang tidak cukup. Bulan itu kena saman, kenderaan dia kena bayar RM300 belanja dia jadi tidak cukup - 73 peratus adalah bumiputera.

Persoalannya, bagaimana kita hendak memastikan RMKe-10 ini supaya golongan 73 peratus ini diberikan perhatian yang sewajarnya. Yakni golongan mudah terjejas seperti mana berlaku peristiwa 74 di Baling di tempat saya. Golongan ini terjejas, ketika itu harga getah menurun dengan teruknya, hendak makan tidak ada orang kampung berarak di jalan raya.

Oleh sebab itu golongan mudah terjejas ini perlu dijaga. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Musa semalam kita boleh *bail out* GLC dan sebagainya beribu juta ringgit. Akan tetapi untuk memberikan subsidi kepada rakyat kita terutama golongan yang mudah terjejas ini kita berkira sangat. Di mana kita menggunakan sebagai penstrukturan semula subsidi kepada rakyat yang akhirnya golongan 73 peratus inilah yang menerima akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana tanda aras *benchmark*, dengan izin, untuk kita memastikan supaya tidak ada pihak yang mengatakan bahawa Rancangan Malaysia Kesepuluh ini menyisihkan mereka. Sebab kita ada lebih 100 etnik dan tiga kaum yang terbesar yang saya sebutkan tadi. Apa tanda ataupun kayu pengukur kerana tidak ada pihak, tidak ada kaum yang berpuas hati apabila dilaksanakan RMKe-10. Saya percaya ini akan berlaku, orang Melayu akan tidak puas hati, orang Cina akan tidak puas hati, orang India dan begitu juga bumiputera di Sabah dan Sarawak. Sudah tentulah dalam hal ini kita terpaksa kembali kepada Perlembagaan Negara. Perlembagaan Negara merupakan satu perkara wajib yang perlu diketahui umum. Seperti mana yang termaktub di dalam fasal 153 yang menjelaskan hak-hak dan keistimewaan orang Melayu yang tidak boleh diganggu dan digugat.

Oleh sebab kadang-kadang orang kita termasuk pemimpin politik mereka tidak menghalusi, tidak mengkaji, tidak memahami Perlembagaan Negara yang membuat tuntutan yang bercanggah dengan Perlembagaan Negara. Sebagai contoh seperti di Kedah apabila kita memberikan sedikit bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat, ada suara yang mengatakan ini tidak patut sebab sekolah agama rakyat sahaja yang dapat. Bagaimana dengan sekolah-sekolah yang lain yang tidak perlu saya sebutkan di sini. Dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, Perkara 12 Perlembagaan Negara kita yakni "hak-hak berkenaan dengan pelajaran."

"Perkara 12(1) Dengan tidak menyentuh keluasan makna Perkara 8, tidaklah boleh ada perbezaan terhadap mana-mana jua warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir -

(a) dalam pentadbiran mana-mana yayasan pelajaran yang diselenggara oleh sesuatu pihak berkuasa awam, dan, khususnya, tentang kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau tentang bayaran; atau

(b) tentang peruntukan..."

Oh, saya hendak baca yang kedua.

"Perkara 12(2) Tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menubuhkan dan menyenggara institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam kumpulan agama itu sendiri, dan tidaklah boleh ada perbezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu negeri menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagai mana yang perlu bagi maksud itu."

Kesimpulannya, agama-agama lain adalah bebas. Agama-agama lain boleh menubuhkan sekolah untuk mengajar anak-anak mereka dan tidak dihalang. Akan tetapi Perlembagaan ini menetapkan bagi sekolah-sekolah agama kerajaan hendaklah membantu dan boleh memberikan peruntukan kewangan. Jadi kalaulah perkara yang sebegini yang termaktub di dalam Perlembagaan dipertikaikan oleh pihak-pihak tertentu yang saya yakin dan percaya bahawa mereka tidak ada kefahaman tentang pelajaran ini.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, program untuk pemantauan Dewan Negara yang diadakan baru-baru ini haruslah disambungkan lagi, di mana biarlah kita duduk tiga atau empat hari untuk kita mengkaji, untuk kita diberi penerangan, tafsiran tentang Perlembagaan Negara yang bagi saya ini merupakan satu kitab Fikah untuk kita melaksanakan pentadbiran di negara ini. *Insyah-Allah* sekiranya semua pihak, semua kaum, semua golongan meletakkan Perlembagaan ini sebagai panduan, maka tidak akan berlaku pergeseran atau pertelingkahan kaum di dalam negara kita *insyah-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya banyak *point* lagi... [Ketawa] Kalaulah kita sudah selesai masalah kaum, etnik dalam negara kita, marilah kita lihat pula bagaimana keselamatan negara kita ini dengan negara jiran. Saya hendak ambil contoh hubungan negara kita dengan Indonesia, di mana negara Indonesia ini merupakan satu rumpun bangsa yang besar, yang pernah beberapa kali hampir mencetuskan peperangan dengan negara kita Malaysia.

Pada tahun 1966 di situ hampir berlaku peperangan dan disusuli dengan pelbagai isu Ambalat, tarian pendek dan sebagai, yang mana ini harus diberi penekanan oleh pihak kerajaan supaya boleh mewujudkan satu jawatankuasa khas bukan sekadar melawat, bukan sekadar mengadakan hubungan dua hala dalam bentuk yang lain, tetapi mengadakan satu jawatankuasa khas bagi meneliti, mencari jalan dan memikirkan supaya tidak ada lagi pertelingkahan antara dua negara jiran serumpun ini supaya kestabilan politik kedua-dua negara ini dapat terjamin dan kita tidak akan berlaku masalah dalam hubungan tersebut, *insyah-Allah*.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pendidikan. Seperti mana yang berlaku sekarang kerajaan mungkin, dan rundingan meja bulat sedang berlaku untuk menghapuskan UPSR dan PMR. Semalam sahabat saya Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang telah membahaskan masalah sistem pendidikan yang patut diubah.

■1210

Saya sebenarnya di dalam Dewan yang mulia ini ingin memaklumkan bahawa saya mempunyai sekolah sendiri di Kampung Memali. Saya ada sepuluh orang anak dan kesepuluh anak saya belajar di situ dan seorang pun tidak ada UPSR. Lapan orang sudah masuk ke universiti. Empat orang sudah keluar dan empat orang masih di universiti. Oleh sebab itu, dalam masalah pendidikan ini daripada umur bagi saya, saya mulakan anak saya empat tahun belajar prasekolah empat tahun dan lima tahun seterusnya enam tahun masuk kelas Darjah 1.

Sistem yang ada di Kampung Memali itu kalaulah Darjah Satu dia masih tidak boleh baca, tidak naik Darjah Dua sehinggalah dia tamat tahun enam dengan tamat memang dia boleh membaca, mengira, dan menulis. Sekurang-kurangnya dia boleh membawa arus hidup dia. Itu yang telah saya laksanakan 25 tahun yang lalu dan *alhamdulillah* telah berjaya.

Kita UPSR yang mempunyai empat mata pelajaran, Bahasa Melayu (dua kertas), Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains. Daripada Darjah Satu semua guru menekankan inilah pelajaran. Mesti dapat A.

Bagaimana dengan pelajaran Pendidikan Agama Islam, Sejarah dan pelajaran-pelajaran yang lain? Bagaimana dengan Perlembagaan Negara yang sepatutnya Perlembagaan Negara ini dimasukkan dalam kokurikulum sekolah supaya generasi yang akan datang faham. Sehingga dimaklumkan kepada kita, saya diberi maklumat soalan selalu bocor sebab guru besar dan guru-guru tidak mahu sekolahnya merosot keputusan UPSR. Akhirnya, sistem pendidikan kita daripada sekolah rendah selama enam tahun itu haya memikirkan hendak 5A tanpa diserapkan pendidikan yang asas, yang pada waktu itu

patut kanak-kanak ini terima. Berbanggalah dengan 5A tetapi bagaimana dengan mata pelajaran yang lain?

Saya sokong UPSR hapus tetapi PMR harus dikembalikan kepada SRP kerana apabila pelajar ini sampai di Tingkatan 3, dia menghadapi satu peperiksaan yang akan menentukan jurusan mana. Bagi yang cerdik pergi ke Sains, yang bijak bahasa pergi kepada aliran Bahasa, yang Sastera pergi kepada Sastera, yang lain pergi kepada Mekanik, Vokasional, dan sebagainya. Perancangan ini harus dibuat oleh Kementerian Pelajaran supaya generasi kita akan datang tidak...

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin: Sila.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Saya juga tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi daripada Kedah yang mengatakan empat atau lima tahun prasekolah dan enam tahun belajar. Kalau tidak lulus, tidak naik Darjah 2. Darjah 1, ya?

Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin: Ya.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Jadi, bagaimanakah sampai umur 12 tahun mahu masuk ke sekolah menengah untuk mengambil PMR atau pun SRP Yang mana satu? Jadi, saya hendak tahu juga sukatan pelajaran. Bagaimanakah sukatan pelajaran yang dibuat di situ dan adakah sekolah itu masih berjalan lagi ataupun adakah ini pada zaman sekolah rakyat? Terima kasih.

Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin: Sukatan itu kita ambil - soalnya seperti pelajaran akademik. Matematik, Bahasa Inggeris, dan Sains kita ambil sukatan yang sedia ada daripada Kementerian Pelajaran. Kemudian, sukatan pendidikan agama kita ambil daripada beberapa buah sekolah termasuklah daripada sekolah yang di bawah Majlis Agama Islam di negeri yang kesemua itu.

Kita selaraskan di mana kami di Kedah sekolah-sekolah rendah agama yang bersendirian yang seperti di Kampung Memali ini, kita ada satu yang dipanggil satu Pertubuhan Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA) yang mereka ini semua adakan perbincangan selalu khusus guru dan sebagainya. Walaupun guru dia gaji murah tetapi *alhamdulillah* pelajar-pelajar dia amat berguna pada masyarakat. Habis di Kampung Memali ini, dia akan masuk ke sekolah-sekolah agama rakyat yang lain di peringkat menengah dan seterusnya hinggalah di akhir universiti. Ada yang jadi pensyarah pun sudah banyak daripada pelajar lepasan Kampung Memali. Itulah yang kita laksanakan dan seingat saya belum pernah mendapat sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan sehingga kini. Tidak minta lagilah, selepas ini *insya-Allah... [Ketawa]*

Okey, yang keduanya masalah perguruan. Saya diberitahu oleh banyak lepasan universiti dan ijazah yang mana apabila ingin menyertai Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) ataupun Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (DPLI) yang sebelum itu mereka telah menganggur tiga atau empat tahun dan dapat kursus ini, penempatan mereka ke sekolah-sekolah masih belum dapat dibuat walaupun ada di antaranya sudah setahun tamat diploma selepas mereka mendapat ijazah. Ini harus diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan.

Satu lagi mengenai pendidikan semalam disebut 5,000 anak Orang Asli yang mereka ini merupakan kaum asal negara kita. Selama dua tahun lebih saya berada di dalam Dewan Negara ini, saya merasakan perbincangan mengenai Hal Ehwal Orang Asli ini selalu dibangkitkan tetapi tidak selesai sampai sekarang. Apa salahnya kalau untuk menjamin 5,000 pelajar Orang-orang Asli ini dan peningkatan hidup Orang Asli itu sendiri. Kita berikan kepada Orang Asli, sebagai contoh di dalam Dewan Negara ini bekas mantan Ahli Dewan Negara, Datuk Osman Bongsu yang saya kenal yang juga merupakan ada kelulusan. Saya difahamkan sampai sekarang dia tidak diberi apa peranan di dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Sepatutnya, pihak kementerian yang berkenaan mengambil maklum dan di dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah pernah menyebut akan memberi satu tempat khusus untuk Datuk Osman Bongsu ini supaya dia berperanan untuk menaikkan dan meningkatkan lagi pendapatan dan

pelajaran Orang-orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, saya perlu langkau... [Ketawa] Tidak boleh tidak kerana harga barang ini takut tidak sempat masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 3 minit lagi.

Tuan Haji Muhammad Yusof bin Husin: *Allahuakbar...* [Ketawa] Tidak mengapa kita sambung sesi depan. Saya mahu sebut masalah institusi keluarga dalam negara kita. Institusi keluarga ini bukan salah kerajaan semata-mata atau salah siapa. Akan tetapi keadaan telah berlaku sedemikian. Kita tidak boleh nafikan kes buang anak dan sebagainya. Soalnya bagaimana kita hendak kembalikan institusi keluarga negara kita supaya institusi keluarga ini benar-benar melahirkan rakyat yang akan menjadi pemimpin dalam negara kita pada masa akan datang. Ini bukan sahaja tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Perdana Menteri bahagian Agama khususnya.

Bagaimana hiburan yang melampau yang ada sekarang ini dalam ucapan penangguhan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mumtaz? Menteri di Jabatan Perdana Menteri jawab, kita akan beritahukan Kementerian Penerangan jangan siarkan gambar-gambar yang *wrestling* depan anak-anak kita. Saya rasa bila lihat ayah, kenapa ayah sampai macam itu, beralih pergi ke tempat lain. Malu. Kita tidak mahu setakat hendak beri peringatan atau apa. Sebenarnya dalam negara kita, kita yang berkuasa. Kita pastikan supaya gejala sosial yang mana kita ingat dahulu Majlis Fatwalah haramkan Sure Heboh. Apabila Sure Heboh diharamkan jadi Jom Heboh.

Persoalannya sekarang Tuan Yang di-Pertua, apabila satu jawatan yang besar yang mana penjawat jawatan itu tidak melaksanakan amanahnya. Jawatan sebagai ibu adalah satu jawatan yang diberi oleh Allah SWT kepada golongan wanita. Bukan senang hendak mengandungi sampai sembilan bulan. Kalau saya dikata dan ditugaskan mengandungi, setakat tiga bulan boleh gagah, empat bulan buat apa, belahlah buanglah, tidak larat. Bayangkanlah setelah melahirkan kalau dahulunya ibu dia akan kesakitan untuk melahirkan. Saya ada pengalaman sebab anak pertama, saya jadi bidan. Sakit sungguh!

■1220

Tuan Yang di-Pertua: Hebat Yang Berhormat... [Ketawa] Ada satu minit lagi.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sakit sungguh. Jadi selepas melahirkan anak itu - apabila keluar sahaja suara anak, suasana riang ibu itu kerana ia mendapat seorang bayi, seorang manusia yang akan menjadi pemimpin pada masa akan datang. Berbangga ia untuk melatih, mendidik anak itu. Sekarang bila ia lahir, ia letak dalam longkang, buang.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh gulung Yang Berhormat?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Jadi saya tidak tahu hendak buat macam mana Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah institusi keluarga ini.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, betul. Saya setuju.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya berharap supaya kita melantik satu jawatankuasa khas, fikir bagaimana hendak mengembalikan tanggungjawab wanita itu berperanan sebagai ibu. Ini kerana anak yang ia akan lahirkan dan yang ia didik itu akan mewarisi negara kita. Kalau tidak, kes ini tidak akan selesai. Kita akan menyalahkan di antara satu sama lain. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua memberi masa saya setakat ini - saya tidak lawan Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, dan seterusnya elok bersedia Yang Berhormat Hajah Noriah Mahat selepas itu.

12.21 tgh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan untuk meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini.

Sebagaimana rakan-rakan yang lain kebanyakannya, saya juga bercakap untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini, Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. Saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, untuk memulakan ucapan ini dengan serangkap pantun enam kerat. Hendak melawan sahabat dari Melaka yang baru masuk, Yang Berhormat Akbar.

Tuan Yang di-Pertua: Ia tahu, ia masuk sekarang.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, tu ia. Akan tetapi pantun saya ini tidak macam pantun orang Melaka. Kurang tepat sedikit, enam kerat.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...

*Sotong dan ikan di Kuala Kedah,
Kangkung sayuran di kedai Cik Minah,
Hidangan makan sedap rasanya.
Sokong bukan membawa rebah,
Menyokong dengan teguran membina,
Semoga Malaysia tetap perkasa.*

Memang tidak boleh lawan pantun orang Melaka Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyatakan ringkasan ucapan yang hendak saya berikan dalam masa 20 minit atau 25 minit ini.

Saya mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dalam janjinya semalam mengatakan bahawa, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan akan diarahkan untuk menimbangkan kembali komposisi ahli-ahli kariah Masjid Saidina Abu Bakar di Bangsar, yang saya timbulkan dalam sidang yang lalu. Beliau juga janji bahawa biaya membaiki atap bocor masjid itu akan ditanggung oleh MAIWP. Terima kasih bagi pihak diri saya sendiri sebagai ahli jemaah di sana dan juga bagi ahli-ahli jemaah yang lain.

Sehubungan dengan itu - kerana ada kaitannya dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan saya rasa ada kaitannya dengan persiapan kita untuk menjadikan rakyat kita lebih taat beragama. Saya juga minta supaya MAIWP menimbangkan dengan segera satu permohonan masyarakat di sekitar Taman Seputeh, Brickfields dan Sentral yang telah dikemukakan tujuh, lapan tahun yang lalu supaya sebuah masjid dibina di kawasan itu.

Kawasan itu sekarang tidak lama lagi akan menjadi *Little India*. Dalam perbahasan mengenai *Little India* ini, ada diberi jaminan bahawa unsur-unsur tradisi, unsur-unsur peribumi tidak akan diabaikan.

Oleh kerana itu, saya rasa pembinaan sebuah masjid bukan sekadar untuk mengimbangi apa yang saya sebutkan unsur-unsur luaran itu, tetapi yang lebih penting ialah ini akan menyahut keperluan umat Islam di sekitar Brickfields, Taman Seputeh dan Sentral yang cukup banyak, baik penduduk mahupun kakitangan-kakitangan kerajaan dan juga kakitangan pejabat.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, di samping mengucapkan terima kasih kepada janji Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah kelmarin, saya juga memohon supaya ditimbangkan pembinaan sebuah masjid di Brickfields yang sangat penting saya rasa. Apatah lagi sekarang, Sentral sudah merupakan suatu *transportation hub*, dengan izin, di negara kita ini. Jadi perlu sebuah masjid dibina di sana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Selanjutnya saya ingin meringkaskan dahulu apa yang hendak saya cakapkan. Kalau nanti tidak cukup masa, tidaklah terkilan sangat. Akan tetapi kalau lebih satu, dua minit itu, mintalah kemurahan hati Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali saya ingin membincangkan – ini ringkasannya. Saya ingin melihat Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dilihat oleh kita semua sebagai sebahagian

daripada usaha berterusan pimpinan negara kita untuk membina sebuah negara bangsa dengan menyeimbangkan aspek-aspek atau unsur-unsur *political economy* dengan aspek-aspek atau unsur-unsur *psychocultural*. Ertinya, di samping pendekatan menekankan tentang pembangunan ekonomi dan mengambil kira aspek-aspek politik, jangan dilupakan aspek-aspek kejiwaan, aspek-aspek *cultural*, aspek-aspek kebudayaan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Perkara ini... Oh! Itu ringkasan, tetapi teruskan sahaja – tidak mengapa ya? Saya akan ulang semula perkara itu Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian perkara yang kedua yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah, untuk kita semua mengimbas kembali roh dan semangat Wawasan 2020 yang sudah diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat dua hari yang lalu. Ia adalah merupakan matlamat jangka pendek pelbagai gagasan yang telah diperkasa kerajaan sekarang.

Ketiga, saya ingin membuat tafsiran untuk kita memahami, menghayati Gagasan 1Malaysia itu demi mengelakkan penyelewengan pentafsiran. Ertinya Gagasan 1Malaysia itu perlulah ditafsirkan, dimasyarakatkan agar jangan ada berlaku penyelewengan daripada mana-mana pihak dalam pentafsirannya.

Selanjutnya saya akan bercakap tentang keperluan kerajaan bersedia menghadapi, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Rashid tadi. Perlu bersedia melakukan kembali campur tangan kerajaan atau *government intervention* dengan izin, kalau sekiranya kemesraan pasaran yang kita harapkan itu tidak kunjung tiba. Saya akan huraikan semula perkara itu, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian, saya juga akan bercakap sedikit tentang status terkini bahasa kebangsaan yang sangat memilukan. Kemudian akhirnya saya akan menutup ucapan ini dengan pesanan dari seorang pujangga dunia yang berasal dari India, iaitu Rabindranath Tagore. Itu adalah perkara-perkara yang ingin saya sampaikan dalam masa 20 minit berikut Tuan Yang di-Pertua, atau mungkin kurang.

Pertama sekali mengenai keperluan melihat RMKe-10 ini sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk membina sebuah negara bangsa. Jangan dilihat ini sebagai sesuatu yang terpisah. Jangan dilihat ini sebagai sesuatu dengan izin, yang *isolated* dalam proses pembangunan negara kita. Bukan sahaja proses pembangunan negara, tetapi haruslah dilihat sebagai proses pembangunan negara bangsa.

Saya tekankan negara bangsa kerana sekilas imbas, apa yang kita lihat? Sekilas imbas ya. Mungkin tersirat, tetapi perlu disuratkan walau yang tersirat itu. Sekilas imbas kita merasakan RMKe-10 ini lebih merupakan satu dokumen *political economy*.

■1230

Kita, sekali lagi, tidak tersurat walaupun barangkali tersurat aspek-aspek apa yang saya timbulkan pada hari Isnin yang lalu, aspek-aspek perubahan sikap, aspek-aspek perubahan mental yang diperlukan. Kita bercakap mengenai soal kemiskinan dan mengandaikan seakan-akan soal kemiskinan itu hanya semata-mata soal ekonomi.

Soal kemiskinan Tuan Yang di-Pertua adalah juga masalah-masalah *cultural*, masalah-masalah kebudayaan.

Kenapa umpamanya puluhan ribu, ratusan ribu, jutaan buruh-buruh asing membanjiri negara kita dan orang-orang kita ada menganggur. Saya rasa ada kaitan dengan sikap orang-orang kita melihat pekerjaan dan ini harus ditangani dengan pendekatan apa yang saya panggil pendekatan *psycho cultural* itu, ada kerja-kerja yang dibuat oleh tenaga-tenaga kerja asing ini yang boleh dibuat oleh orang-orang kita, tetapi kenapa tidak dibuat? Sama ada tidak mahir atau tidak mahu.

Tidak mahir memerlukan latihan kemahiran, tidak mahu memerlukan perubahan sikap. Akan tetapi kalau kita mengabaikan aspek perubahan sikap ini di dalam pembangunan kita, maka usaha kita untuk menghalangi atau merentangi kedatangan atau mengurangkan atau menghapuskan sama sekali kedatangan tenaga buruh asing ke negara ini, saya rasa hanya akan sia-sia sahaja.

Satu lagi contoh Tuan Yang di-Pertua, mengenai keperluan merubah sikap dan mental ini, selama 20 tahun, 40 tahun PNB, PNB yang terakhirnya merupakan satu institusi

ekonomi dan kewangan tetapi di dalam amalannya PNB telah merubah tabiat menabung orang-orang Melayu. Perubahan tabiat menabung orang-orang Melayu yang dilakukan secara sedar, saya lihat sebagai satu usaha perubahan yang dilakukan dengan mengambil kira perubahan *psycho cultural*. Orang Melayu sekarang tidak lagi menyimpan duit di bawah bantal, disimpan di dalam amanah saham, dan ini perubahan *cultural* yang tidak pernah berlaku pada masa yang lalu. Akan tetapi dengan kebijaksanaan Allahyarham Tun Abdul Razak, diciptakan PNB kemudian sebelum itu Tabung Haji.

Semuanya ini saya lihat sebagai langkah-langkah yang mengambil kira pendekatan *psycho cultural* dalam menangani masalah kemiskinan, menangani masalah pembangunan ekonomi bangsa Melayu. Oleh sebab itu dan banyak lagi sebenarnya perkara-perkara seperti ini diberi contoh tetapi barangkali kerana kesuntukan masa, kerana barangkali perkara ini tidak dapat dihuraikan dengan lanjut, tetapi yang saya hendak tekankan supaya usaha-usaha seperti apa yang dilakukan oleh PNB, Tabung Haji yang saya lihat sebagai gabungan pendekatan *political economy* dengan *psycho cultural* itu diperbanyakkan, bukan sahaja diperbanyakkan tetapi dimasyarakatkan secara sedar, bukan sahaja diselitkan secara tersirat di dalam program-program kerajaan tetapi dikemukakan secara tersurat. Itu adalah sedikit huraian mengenai keperluan kita melihat RMKe-10 ini dengan mengambil kira pendekatan politik ekonomi dan gabungkan dengan *psycho cultural*.

Selain daripada itu yang patut juga diambil kira Tuan Yang di-Pertua, ialah sebagai analogi yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin yang lalu iaitu, supaya RMKe-10, Gagasan 1Malaysia, Pelan Transformasi Kerajaan dilihat sebagai sebahagian daripada usaha kita untuk membina sebuah negara bangsa. Yang Amat Berhormat mengibaratkan, menganalogikan pembinaan negara bangsa itu dengan pembinaan sebuah rumah dan saya rasa ini adalah pandangan yang sangat perseptif, melihat pembinaan itu, menganalogikan pembinaan sebuah negara bangsa itu dengan pembinaan sebuah rumah.

Dalam hubungan ini, yang patut kita berikan perhatian ialah bahawa proses pembinaan sebuah negara bangsa adalah satu proses yang berterusan dan ini telah digagaskan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu, yang kemudian dirumuskan dengan amat bijaksana oleh Tun Dr. Mahathir dalam Wawasan 2020 nya. Oleh sebab itu, adalah amat memberangsangkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjamin bahawa apa pun RMKe-10, Gagasan 1Malaysia dan apa lagi dua, tiga yang lain itu tidak akan terpisah, bukan tidak terpisah adalah merupakan sebahagian daripada usaha kita untuk menunjing kepada pencapaian Wawasan 2020 itu.

Bercakap mengenai Wawasan 2020 ini Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada *point* saya berikut iaitu perlunya kita mengimbas kembali roh dan semangat Wawasan 2020 itu. Dalam ucapan bersejarah yang dikemukakan, yang disampaikan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir dalam ucapannya sewaktu membuka Majlis Perdagangan Malaysia kira-kira 20 tahun yang lalu, antara lain dia berkata. "*Kita perlu menjadi negara maju yang menurut acuan kita sendiri.*"

Ini yang saya rasa sedih. Negara maju betul, tetapi aspek acuan kita sendiri itu sejak akhir-akhir ini saya rasa diabaikan, apa dia acuan kita sendiri. Apa acuan kita sendiri dalam erti bahawa kita mempunyai jati diri kebangsaan kita, kita mempunyai satu masyarakat yang adil dan makmur yang dihuraikan oleh Tun Dr. Mahathir dengan kata-kata begini: "*Malaysia tidaklah harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata, negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala seginya, dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepaduan sosial dari segi ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan akan bangsa kita sendiri.*" Ini bermakna juga menghargai Bahasa Kebangsaan.

Kemudian Dr. Mahathir dalam ucapan yang amat bersejarah, yang amat penting ini menghuraikan sembilan cabaran yang patut kita hadapi dan saya harap dalam usaha kita melaksanakan RMKe-10 ini, sembilan cabaran ini dan ucapan penting ini tetap dijadikan sebagai buku panduan. Cabaran pertama apa, cabaran pertama adalah

membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menyanjung, menjunjung masa hadapan yang diperkongsi bersama, saya ulangi menjunjung, masa depan yang diperkongsi bersama. Bagaimana kita hendak mempunyai perkongsian yang sama terhadap masa depan itu, yang paling penting ialah persepsi kita, sikap kita, pandangan kita melihat satu-satu masalah itu.

Dalam hubungan inilah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang kembali apa yang disebut oleh Tuan Haji Husin semalam tidak salah saya, tentang usaha-usaha kita untuk membentuk satu persepsi yang seragam di kalangan bangsa kita. Saya tidak tahu apa akan berlaku dengan sistem pendidikan kita yang pelbagai aliran sekarang, orang Cina ke sekolah cina, orang Melayu ke sekolah kebangsaan, orang Tamil sebahagian ke sekolah kebangsaan, di mana akan berlaku perpaduan, di mana akan berlaku pertemuan. Ertinya proses pendidikan yang dilalui oleh anak-anak melalui sistem pendidikan yang berbeza-beza itu, mahu tidak mahu akan mengakibatkan persepsi yang berbeza-beza. Persepsi yang berbeza-beza akan menimbulkan nilai yang berbeza-beza, nilai yang berbeza-beza tidak akan dapat menyatukan semangat kita, tidak akan dapat menolong kita untuk mencapai perpaduan kebangsaan.

Oleh sebab itu, saya sedar perkara ini perkara lama tetapi perlu diulang-ulang balik. Saya sedar juga pemimpin-pemimpin dari masyarakat lain, masyarakat Cina umpamanya merasakan bahawa *exclusivity* mereka dengan pendidikan ini hendaklah dipertahankan, apa lagi kerana mereka banyak duit. Akan tetapi kalau perkara ini berterusan dan anak-anak kita akan mempunyai tanggapan, pandangan yang berbeza-beza mengenai perkara-perkara kehidupan, ke mana akhirnya kita?

■1240

Oleh kerana itu kalau kita, semua kita benar-benar jujur dengan pembentukan Gagasan 1Malaysia, yang paling penting diutamakan ialah seragamkan sistem pendidikan kita. Apabila kita mengatakan seragamkan, saya tidak mengatakan supaya dihapuskan pendidikan Cina. Setidak-tidaknya dipastikan supaya anak-anak kita belajar di bawah satu bumbung.

Saya dapat tahu tadi menteri mengatakan – ini sudah menyeleweng sedikit. Kelmarin dalam soalan bertulis saya dikatakan Pelan Induk Pendidikan Kebangsaan (PIPP), dalam jawapan bertulis yang saya terima ialah kononnya PIPP telah mencapai kejayaan teras pertama 100 peratus. Teras Pertama ialah Pembinaan Negara Bangsa. Saya tidak percaya, minta maaf. Kenapa? Ini kerana saya sendiri pernah jadi Pengerusi Jawatankuasa Teras Pertama ini semasa saya dekat Dewan Bahasa dahulu dan saya tidak mungkin, kalau pun betul 100 peratus ini adalah laporan yang semata-mata bersifat kuantitatif. Laporan yang bersifat kuantitatif memerlukan terjemahan yang kualitatif dan ini tidak dilakukan. Oleh kerana itu saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya penilaian terhadap pencapaian kejayaan PIPP itu dinilai kembali. Saya, ertinya tidak menyampaikan kekesalan ini kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin atau Yang Berhormat Datuk Dr. Wee Ka Siong atau Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, tetapi saya minta maaf.

Pegawai-pegawai di kementerian mestilah jujur, telus dan ikhlas memberi taklimat kepada menteri. Kenapa saya katakan begini Tuan Yang di-Pertua? Semasa saya berada di Dewan Bahasa dan Pustaka saya menghadiri mesyuarat *Post cab*. Hanya saya dan Dr. Badiuzaman Tuah dari Sarawak yang berulang-ulang menyebut tentang keperluan memperkasakan Bahasa Kebangsaan. Apabila saya bercakap begitu, semasa makan tengah hari, pegawai-pegawai tinggi kementerian kata "*Wah... Terima kasihlah Dato', Dato' timbulkan perkara itu.*" Saya kata kenapa *you* tidak timbulkan? "*Dato' maklumlah!*"

Jadi, ini saya lihat Tuan Yang di-Pertua, ini bukan - saya tidak tahulah sama ada, ada melanggar etiket apabila berkata begini, tetapi inilah kenyataannya. Akan tetapi kita mempunyai kekebalan, tetapi ini kenyataannya. Jadi, rayuan saya supaya Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri diberi taklimat yang telus yang jujur mengenai keadaan yang sebenarnya.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dato' ada sebutkan tadi yang pegawai-pegawai itu mengucapkan tahniah kepada Dato' lah sedangkan mereka sendiri tidak berani. Bolehkah saya rumuskan bahawa mereka itu umpama pantun Melayu...

*Mengharapkan sungai, sungai berubah,
Mengharapkan pagi meninggi hari,
Harapkan sokong membawa rebah,
Harapkan pagar, pagar makan padi.*

Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya amat setuju dengan pantun Yang Berhormat Senator Akbar, tetapi kerana saya bukan orang Melaka saya tidak berkuasa hendak membalasnya. Akan tetapi terima kasih atas memperkuat hujah saya, Yang Berhormat Senator Datuk Akbar. Tadi saya cakap tentang ketelusan itu, jadi saya timbulkan perkara ini kerana ada kaitannya sekali lagi dengan pendidikan. Saya menyentuh tadi tentang keperluan PIPP itu, pencapaian PIPP itu dinilai kembali.

Jangan semata-mata berdasarkan angka-angka. Jangan semata-mata berdasarkan apa yang dipanggil kuantitatif tetapi nilailah juga secara kualitatif. Apa maknanya dikatakan kononnya teras pertama pembinaan negara bangsa mencapai 100 peratus, apa maknanya ini? Kita katakan dan kemudian juga memperkasa sekolah kebangsaan kalau tidak salah saya, pencapaiannya ialah 80 berapa peratus sahaja. Akan tetapi saya dapat tahu daripada belasan ribu sekolah kebangsaan sekarang. Hanya 315 sekolah yang pelajar-pelajar bukan Melayunya lebih daripada 15 orang. Kita hendak kata ini sekolah kebangsaan perkasa ke? Jadi itu saya rasa, angka-angka boleh mengelirukan.

Jadi saya mohonlah supaya penilaian kualitatif diberi dan saya mohon supaya pegawai-pegawai tinggi, baik pegawai-pegawai pentadbir atau pegawai-pegawai profesional di Kementerian Pelajaran memberi taklimat yang jujur, ikhlas dan telus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dan juga Timbalan Menteri yang dua orang itu.

Datuk Akbar bin Ali: Saya mohon sekali lagi mencelah Dato'.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta begini, celahan Yang Berhormat Datuk Akbar ini tidak termasuk dalam 25 minit ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau masa-masa terhad Yang Berhormat Datuk Akbar, bagi peluang pada Yang Berhormat Profesor menghabiskan dia punya... Okey, teruskan. Teruskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak, saya sedia memberi laluan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar, asal jangan masa 25 saya, tidak dihitung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ya, teruskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, jadi itulah saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, tentang keperluan kita menyeragamkan sistem pendidikan itu. Ertinya memang sudah tiba masanya keseluruhan sistem pendidikan itu harus diperhatikan kembali. Ertinya falsafah pendidikan kita, saya rasa sudah cukup bagus tetapi barangkali yang perlu ialah proses pelaksanaan, mekanisme pelaksanaannya haruslah dikaji kembali agar benar-benar menepati tujuan yang kita harapkan. Itu adalah sedikit perkara yang kedua yang saya bincangkan, iaitu mengenai tentang keperluan kita mengimbas kembali roh dan semangat Wawasan 2020.

Perlunya kita mempunyai membina satu persepsi yang sama untuk menjunjung masa depan yang sama di kalangan rakyat kita, yang tidak kita lakukan sekarang dengan kepelbagaian sistem pelajaran yang kerajaan perintah sekarang. Dalam hal ini saya rasa Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pernah menyuarakan perkara yang sama di Terengganu kira-kira setahun yang lalu. Yang Berhormat Dato' Mukhriz pernah menyebutkan perkara yang sama. Jadi, saya nampak perkara ini adalah satu isu perdebatan yang berterusan antara pemimpin-pemimpin politik kita, yang saya rasa kita perlu ikhlas, perlu jujur. Apa yang kita mahu? Apakah kita mahu mempertahankan *exclusivity* kita atau kita ingin mempertahankan masa depan negara yang bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Berapa?

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Alamak! Okey, kerana tiga minit saya harap nampaknya kena. Ini sudah kira yang...

Tuan Yang di-Pertua: Saya percaya Yang Berhormat banyak ada, tinggal-tinggal masa itu kena bahagi-bahagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey. Saya rasa satu lagi Tuan Yang di-Pertua, yang ada kaitannya dengan pelajaran, keperluan kita mentafsir, memahami dan menghayati Gagasan Malaysia itu untuk mengelakkan penyelewengan. Untuk ini Tuan Yang di-Pertua saya mohon membacakan kembali satu ucapan yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Shah Ibni Al-Marhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah di Universiti Malaya kira-kira 20 tahun yang lalu. Sekarang sebagaimana yang kita tahu baginda sekarang adalah baginda Sultan Perak.

Sewaktu menerima Ijazah Doktor Kehormat, Yang Amat Mulia 'Tan Sri Razzi Azlan' pada masa itu menyampaikan ucapan begini: "*Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang Agama, berbilang adat dan resam. Akan tetapi walau bagaimanapun kita perlu beringat dan yang kita tidak ingat maka kita seharusnya diperingatkan bahawa dalam negara yang banyak bilangannya itu mestilah ada satu asas di mana kita mesti menumpukan perhatian. Dalam konteks ini Malaysia telah wujud dari hasil cantuman tiga wilayah iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Persekutuan Tanah Melayu pula diasaskan atas tapak Kesultanan Melayu Melaka, sebelum Melaka dijajah oleh Portugis dalam tahun 1511.*

Perkataan 'Negeri-Negeri Melayu Bersekutu' dan 'Negeri-Negeri Melayu Tak Bersekutu' dan 'Persekutuan Tanah Melayu' masih wujud dalam undang-undang kita. Dengan lain perkataan Negara Malaysia adalah berteraskan kepada sejarah Melayu, evolusi politik Melayu, nasionalisme Melayu yang hidup subur dalam kepulauan Melayu yang mempunyai sejarah kebudayaan Melayu. Perkataan Malaysia itu sendiri pun mempunyai erti Melayu dalam erti 'Melayu Raya.' Faktor-faktor dan hakikat inilah yang melahirkan Negeri-Negeri Melayu, Persekutuan Tanah Melayu dan akhirnya Malaysia."

■1250

Yang hendak ditekankan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah kita menyedari tentang kepelbagaian tetapi kepelbagaian ini haruslah diikat oleh satu kesatuan dan kesatuan itu ialah budaya asal rantau ini yang harus dihormati, yang harus diambil kira sebagai sebahagian daripada pendekatan *psycho cultural* dalam kita melaksanakan RMKe-10. Berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Untuk menggulung, saya mohon menyampaikan bahawa saya sangat dukacita melihat keadaan status – ini saya langkahkan Tuan Yang di-Pertua, status terkini Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Saya yang berumur 68 tahun pernah dibahasakan dengan 'kamu' oleh seorang anak muda yang berumur 20 tahun. Ini bukti pada saya bahawa sistem pendidikan Bahasa Kebangsaan kita tidak berjaya. Itu sebagai contoh, kemudian belum hendak bercakap tentang - itu sebagai contoh bagaimana kegagalan pendidikan bahasa kebangsaan di kalangan rakyat kita. Belum lagi kita bercakap mengenai nama-nama taman yang semakin jauh daripada nama Melayu, iklan dan papan tanda, nama perniagaan yang mengabaikan Bahasa Melayu dan pencemaran Bahasa Melayu dalam bentuk bahasa rojak. Pengabaian Bahasa Melayu dalam majlis-majlis rasmi.

Saya baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua pergi ke Phnom Penh menghadiri satu mesyuarat. Orang Phnom Penh, Arab, Turki tahu bahasa Inggeris tetapi di dalam persidangan mereka bercakap bahasa mereka sendiri dengan membawa penterjemahan. Ini penghargaan orang terhadap bahasa kebangsaan. Saya rasa ini patut menjadi iktibar kita.

Saya sedar bahawa masa semakin suntuk dan saya harus taat kepada arahan Tuan Yang di-Pertua. Maka izinkanlah saya mengakhiri ucapan saya ini yang tidak seperti ini dengan menyampaikan pesan seorang pujangga India Ravender Ranov Thagor ditujukan barangkali kepada masyarakat India pada zamannya tetapi mempunyai nilai-nilai universal. Ravender Ranov Thagor adalah seorang Asia yang pertama mendapat Hadiah Nobel pada tahun 1927 kalau tidak silap saya. Dia menulis satu syair tidak tahu sama ada dalam bahasa Benggali diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan saya terjemahkan ke bahasa Melayu:

*"Bangunkan tanah airku,
di mana fikiran tidak pernah gentar dan kepala tegak berdiri,
di mana ilmu pengetahuan bebas merdeka,
di mana dunia belum terpecah belah oleh dinding-dinding kebangsaan yang sempit,
di mana kata-kata terpancar dari dasar kebenaran,
di mana tangan-tangan yang tidak pernah mengenal penat menghulurkan bakti membina kesempurnaan,
di mana budi fikiran yang jernih tidak tersesat alirannya menuju gurun pasir tabiat yang buruk,
di mana akal fikiran kau pimpin maju menuju budi yang luhur dan amalan mulia yang senantiasa berkembang,
ke dalam syurga kemerdekaan itulah,
Oh, Tuhan, bangunkan tanah air ku."*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Begitulah ayatnya yang begitu berkualiti dan saya harap – saya ingin melihat ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kalau boleh tidak setakat itu pun tidak apa, tetapi setengah pun tidak apa juga. *We want to see* Dewan kita mempunyai satu ahli-ahli yang betul-betul mempunyai kualiti yang baik pada masa-masa yang akan datang. Saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

12.54 tgh.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh* dan salam Satu Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Alhamdulillah lah dengan izin Allah, dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan usul RMKe-10 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berusaha dengan ikhlas dan dengan komitmen yang tinggi untuk memajukan negara dengan merangka pelan pembangunan negara bagi tempoh lima tahun iaitu 2010 hingga 2015 yang begitu komprehensif dengan menggabungkan pembangunan fizikal dan pembangunan modal insan sebagai teras.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua mengalu-alukan dan menyambut Rancangan Malaysia Kesepuluh yang membabitkan perbelanjaan sebanyak RM230 bilion yang bermatlamat untuk melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi sekali gus mencapai sasaran negara maju menjelang 2020. Dalam RMKe-10 ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM230 bilion untuk pembangunan fizikal dan tidak fizikal. Kalau kita lihat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM230 bilion iaitu jumlah perbelanjaan yang dicadangkan adalah sama. Namun, dari segi pembahagian jumlah perbelanjaan bagi pembangunan fizikal dan tidak fizikal iaitu

dalam RMKe-9, sebanyak 78 peratus telah diperuntukkan bagi pembangunan fizikal dan 22 peratus bagi bukan fizikal. Namun dalam RMKe-10 ini, peruntukan dikurangkan kepada 60 peratus sahaja. 40 peratus peruntukan untuk pembangunan bukan fizikal.

Jadi saya cuma hendak bertanya di sini, apakah justifikasi kerajaan wujudnya pengurangan tersebut. Secara ringkasnya Rancangan Malaysia Kesepuluh bertemakan rancangan kemakmuran, ekonomi dan keadilan sosial. Beberapa sektor telah difokuskan dan dipilih oleh kerajaan. Kerangka Rancangan Malaysia Kesepuluh menjangkakan sektor swasta akan menerajui pelaburan dengan didorong oleh sektor perkhidmatan nilai tambah tinggi sektor pembuatan dan sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan perbahasan RMKe-10 ini, saya mohon untuk menyentuh beberapa perkara yang saya fikir penting sahaja. Tuan Yang di-Pertua, pertama isu berkaitan penjawat awam. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah juga terletak di tangan kakitangan kerajaan atau penjawat awam yang berjumlah 1.2 juta. Penjawat awam adalah terlibat secara langsung sebagai agen pelaksana kepada dasar yang dirangka ini. Oleh yang demikian, setiap individu dalam perkhidmatan awam memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan tahap *efficiency* dan produktiviti kerja untuk merealisasikan Malaysia sebuah negara maju. Kecekapan dan produktiviti adalah berkait rapat dengan kemahiran dan latihan serta inovasi.

Selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, untuk inovasi saya menyarankan agar semua institusi pengajian tinggi awam membuka peluang pembelajaran peringkat diploma, ijazah dan sarjana secara percuma kepada penjawat awam yang telah berkhidmat lima tahun ke atas. Dengan cara ini penjawat-penjawat awam dapat meningkatkan kemahiran dan produktiviti dengan lebih berkesan. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin menyeru agar kerajaan mengkaji semula Skim Perkhidmatan Penjawat Awam agar ianya selaras dengan peningkatan kemahiran penjawat-penjawat awam ini dan meningkatkan peluang kerja di kalangan penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada isu pesara yang perlu diberi perhatian. Pesara-pesara ini adalah golongan yang banyak berjasa dan menyumbang kepada pembangunan negara kita. Tanpa orang lama, tidak ada orang baru dan orang lama makan garam lebih dahulu. Pepatah ini saya sebutkan tadi menekankan bahawa sumbangan dan pengalaman orang yang terdahulu ini yang memberi kita panduan untuk membuat dasar dan polisi bagi pembangunan negara seterusnya. Menurut laporan akhbar, kita mempunyai lebih kurang 48,000 pesara kerajaan. Atas sumbangan mereka ini kerajaan wajar mengkaji dari masa ke semasa manfaat dan kebajikan mereka agar selaras dengan keadaan semasa. Kebajikan seperti pemberian wang ihsan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam sekarang menunjukkan pukul 1, kita berhenti sehingga jam 2.30 petang dan Yang Berhormat sambung semula selama lebih kurang 18 minit lagi.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Puan Hajah Noriah Mahat menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Menurut laporan akhbar, kita mempunyai lebih kurang 48,000 pesara kerajaan. Atas sumbangan mereka ini kerajaan wajar mengkaji dari semasa ke semasa manfaat dan kebajikan mereka agar selaras dengan keadaan semasa. Kebajikan seperti pemberian wang ihsan serta pembayaran bonus tahunan kepada kakitangan kerajaan, peningkatan jumlah pembayaran pencen selaras dengan keadaan semasa.

Soalan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperkasakan pesara-pesara terutamanya golongan pertengahan supaya pengalaman dan tenaga atau idea mereka boleh digunakan untuk pembangunan negara, dan apakah status pengumuman kerajaan untuk menaikkan pencen sebanyak RM750 kepada pesara yang telah berkhidmat 25 tahun ke atas bagi mengatasi kemiskinan tegar?

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan isu subsidi. Berdasarkan kenyataan PEMANDU, negara telah membelanjakan lebih kurang RM74 bilion subsidi negara kita secara langsung atau secara tidak langsung. Setiap seorang di Malaysia disubsidi lebih kurang RM12,900 setahun. Setiap kali tol jalan raya dinaikkan, kerajaan bayar syarikat tol berjuta-juta. Setiap kali kita beli minyak untuk kereta, kita dapat subsidi. Saya rasa jika tidak ada subsidi, harga minyak di Malaysia berganda-ganda.

Akan tetapi kita mungkin tidak sedar sehingga kita bandingkan dengan Singapura, contohnya, setiap kali beli minyak kena bayar *sales tax* dan subsidi lain termasuk barangan yang dikawal harga seperti gula, beras dan gandum. Selain daripada itu, subsidi buku di sekolah-sekolah dan banyak lagi. Kita semua merasa subsidi ini, namun dalam hal ini kita minta kerajaan lihat balik dasar subsidi ini. Saya mencadangkan agar penstrukturan semula ke atas subsidi ini perlu dilakukan agar subsidi ini sampai ke golongan sasaran. Kita mahu memperkembangkan sistem subsidi ini agar sistem subsidi kerajaan benar-benar dapat dirasai dan dinikmati sepenuhnya oleh golongan sasaran dan bukannya warga asing yang mengambil kesempatan ke atas cukai yang dikutip di kalangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan isu pendidikan. Mengenai dengan isu *Voctech*, sekolah vokasional telah disentuh oleh rakan saya, Yang Berhormat Doris. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan senario masa kini, saya juga ingin menyarankan agar diperbanyakkan lagi sekolah vokasional dan teknik di setiap daerah. Bagi daerah yang mempunyai jumlah penduduk yang tinggi, bagi menampung permintaan pelajar-pelajar yang lebih cenderung kepada bidang vokasional berbanding dengan akademik.

Dengan cara ini, dapat menarik minat lebih ramai pelajar dan belia yang kurang menunjukkan prestasi dalam akademik dan berminat dengan bidang vokasional ini dapat memilih jalan mereka untuk meningkatkan potensi diri dengan mengikuti dalam bidang latihan, skil dan kemahiran bagi menyumbang pembangunan negara sebagai negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di sini saya ingin menyentuh mengenai isu PERMATA. Saya mengambil peluang di sini ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansor atas idea beliau sehingga wujudnya Program PERMATA. Saya sesungguhnya amat kagum dengan Datin Seri Rosmah yang pintar dan berpandangan jauh bagi memperkasakan anak-anak sebagai pewaris generasi masa depan. Kata pepatah, "melentur buluh biarlah dari rebungnya."

Pada tahun 2010, Program PERMATA diperkasakan lagi dengan memperluaskan pelaksanaannya ke seluruh negara dengan kerjasama KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Ketua Menteri Sarawak, taska komuniti dan taska tempat kerja. Justeru pada 2010 sebanyak 27 buah PAPN telah pun memulakan kerja pembinaan dan pengiktirafan yang melibatkan keseluruhannya sebanyak 220 buah taska akan mendapat manfaat daripada pemeraksanaan Program PERMATA ini di seluruh negara.

Dalam pada itu, seramai 1,200 orang pendidik juga dirancang untuk mendapatkan latihan khusus pendidik PERMATA dan setakat ini, 2010, seramai 428 pendidik telah mengikuti latihan ini. Dengan itu, lebih ramai anak-anak dijangka akan mendapat peluang untuk diasah bakat dan minda mereka di bawah program asuhan dan didikan awal kanak-kanak PERMATA. Ini adalah satu permulaan terbaik bagi anak-anak ini untuk menjadikan mereka berjaya apabila dewasa kelak, sekali gus menyumbang kepada modal insan negara yang berkualiti untuk negara pada masa hadapan.

Menjelang tahun 2012, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan hanya mengambil alih Program PERMATA Negara

iaitu selepas Akta Pelajaran 1996 dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984. Pengambilalihan ini melibatkan pendidikan dan penjagaan kanak-kanak, manakala Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mengambil alih taman asuhan kanak-kanak yakni taska. Pelaksanaan ini akan diawasi oleh Majlis Pelaksanaan Program PERMATA Negara dan Jawatankuasa Dasar Program PERMATA Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kajian atau penyelidikan dijalankan oleh kementerian tentang kesan program ini pada kadar pertambahan pekerja wanita di negara kita, dan bilakah program dan modul PERMATA ini dapat digunakan untuk pusat jagaan kanak-kanak di seluruh negara bagi memperkasakan kanak-kanak di seluruh negara?

Seterusnya saya ingin menyokong perancangan yang dicadangkan dalam Program PERMATA serta terbaru, PERMATA Seni dan PERMATA Sukan. Saya yakin dan percaya anak-anak kecil ini kita latih dan kita dorongkan dengan skil dan kemahiran yang tinggi, satu ketika nanti akan lahir "permata" yang mempunyai pakej lengkap dari segi rohani dan jasmani untuk menyumbang ke arah pembangunan negara.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, hak mendapatkan pendidikan untuk kanak-kanak telah diiktiraf oleh mana-mana undang-undang sejagat. Di peringkat antarabangsa dalam konvensyen kanak-kanak serta undang-undang di negara ini, adalah menjadi dasar Sistem Pendidikan Kebangsaan untuk menekankan pelajaran untuk semua dan menyediakan pendidikan percuma di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah tinggi dengan matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin, dan berkemahiran tinggi dalam memacu ke arah negara maju dan berdaya saing.

Satu langkah menyeluruh dalam memperbaiki nilai sekolah untuk menjamin strategi negara yang menyatakan pelajaran untuk semua adalah benar-benar bermaksud untuk semua orang. Saya ingin menyentuh isu kanak-kanak bukan warganegara yang terdiri daripada golongan Orang Asli, kaum-kaum di Sabah dan Sarawak atau kanak-kanak dari perkahwinan campuran yang tidak berdaftar mengikut undang-undang atau anak-anak warga asing yang datang bekerja di sini dan sebagainya.

Saranan dan cadangan saya bagi menjamin pendidikan kanak-kanak bukan warganegara ini, selaras dengan dasar pendidikan untuk semua, saya menyarankan agar kerajaan menubuhkan satu unit khas di bawah Kementerian Pelajaran untuk mengkaji, memantau dan memastikan mereka ini mendapat pendidikan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya berkaitan usaha memperkasa sekolah aliran perdana. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan melaksanakan sekolah satu aliran. Dengan adanya sekolah satu aliran ini, isu-isu perkauman mungkin dapat ditangani, keharmonian hidup antara kaum dapat diwujudkan di peringkat kanak-kanak sekolah lagi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyeru kerajaan agar memartabatkan profesion perguruan dengan pengambilan guru-guru yang berkualiti dan memiliki jati diri dan komitmen yang tinggi agar mereka dapat melahirkan generasi pewaris, memiliki jati diri dan komitmen yang tinggi juga.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh isu transformasi wanita dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan juga 1Malaysia. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Malaysia di bawah pentadbiran Barisan Nasional yang telah mengiktiraf potensi dan peranan wanita dalam pembangunan negara. Wanita merupakan separuh daripada penduduk negara. Setiap dasar dan polisi yang digariskan dilaksanakan oleh kerajaan pastinya memberi kesan kepada kaum wanita. Justeru, setiap dasar dan polisi yang diluluskan dan digariskan oleh kerajaan hendaklah mengambil kira pandangan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di dalam menyentuh isu wanita ini, saya tidak berhajat hendak bercakap panjang lebar. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua

selaku wanita, saya bertanggungjawab untuk membincangkan masalah wanita di Dewan yang mulia ini. Minta izin.

Saya bukan sahaja hendak menceritakan masalah mengenai 30 peratus bahkan saya akan menceritakan ada dua, tiga perkara berhubung dengan masalah wanita...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat cuma tujuh minit lagi ya.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua...

*Paya bahun tanaman peria,
Mari meninggi tempat batasan,
Saya mohon ihsan Tuan Yang di-Pertua,
Memberi izin menyambung perbahasan.*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Masalah 30 peratus Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya telah menyentuhnya. Saya rasa, saya tidak perlu untuk mengulanginya semula.

Kedua, saya ingin menyentuh mengenai 'kenaikan pangkat' Tuan Yang di-Pertua. Kenaikan pangkat di sektor awam, di sektor swasta kalau silap saya harap dapat dibetulkan. Kenaikan pangkat ini saya rasa untuk wanita setakat tutup mata. Asal naik beberapa orang, cukup. Janji ada naik pangkat. Jadi, kita pun tanya hari itu. Saya pergi taklimat Angkasawan hari itu, dalam enam saintis, lima daripadanya kalangan wanita. Tahniah! Maknanya, wanita memang berkebolehan.

Tuan Yang di-Pertua, peluang-peluang bagi melaksanakan agenda pembangunan negara kepada syarikat-syarikat korporat wanita. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, berapa banyakkah syarikat korporat wanita yang telah diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam melaksanakan program kerajaan, khususnya bagi pembangunan untuk rakyat.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, mengenai gelaran-gelaran dan juga darjah-darjah kebesaran. Contohnya, kalau suami dapat Tan Sri, isteri dapat Puan Sri. Kalau suami dapat Datuk, isteri dapat Datin. Saya hendak tanya kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dapat Datuk, suaminya dapat apa?

Timbalan Yang di-Pertua: 'Datin'... [*Ketawa*] Yang Berhormat, ...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Kasihan kepada suami Tuan Yang di-Pertua. Dengan alasan isteri dapat gelaran kerana isteri menyokong kuat di atas kejayaan suami.

Timbalan Yang di-Pertua: Tanya wanita dalam Dewan ini. Semua sokongkah?

Beberapa Ahli: Sokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau kita dapat Datuk, suami dapat?

Seorang Ahli: Datin... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Datin... [*Ketawa*]

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Saya tidak fikir Tuan Yang di-Pertua, suami tidak menyokong di atas kejayaan isterinya. Jadi, untuk itu Tuan Yang di-Pertua kita minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat melihat perkara ini secara serius. Ini kerana perkara ini sudah berlarutan dari semasa ke semasa, sehinggalah saya berada di Dewan ini, belum dapat diperbaiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya berdasarkan kebolehan wanita yang boleh dikatakan melebihi daripada lelaki, saya percaya negara kita di bawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang memang sangat prihatin dengan wanita dalam usaha untuk memperkasakan wanita dengan berteraskan Gagasan 1Malaysia, melalui RMKe-10 ini, saya berharap agar perkara yang saya sebutkan tadi dapat dilaksanakan dalam tempoh

yang terdekat ini. Tuan Yang di-Pertua, pepatah ada mengatakan '*tangan yang mengayun buaian, boleh menggoncangkan dunia*'.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, soalan saya. Saya ingin bertanyakan adakah kerajaan mempunyai bank yang lengkap berkaitan isu-isu berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak yang kritikal terutamanya dari segi pendidikan, kemiskinan tegar, kesihatan, pembangunan wanita dan lain-lain. Bank data serta penyelidikan dan kajian bagi setiap aspek pembangunan masyarakat terutamanya wanita dan kanak-kanak dilakukan secara konsisten. Ini kerana kajian ini akan memberikan impak yang besar serta untuk menilai keberkesanan dasar polisi yang kita luluskan.

Selain itu, apakah status skandal bajet yang telah dilaksanakan di lima kementerian pada tahun 2004 dahulu dan apakah ada data dan penyelidikan dilakukan dan adakah ianya boleh dimanfaatkan dan berkesan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu berkaitan gender dan kesihatan di Malaysia. Hak asasi setiap individu untuk mendapat akses kepada kesihatan yang diiktiraf dan diterima oleh setiap lapisan masyarakat antarabangsa dan juga di peringkat nasional. Malah, kesihatan adalah merupakan aspek yang penting dan kritikal kepada individu yang menyumbangkan tenaga kerja yang lebih produktif, inovatif dan juga kreatif dan merupakan teras penting untuk pembangunan negara.

Malaysia juga berjaya menyediakan perkhidmatan kesihatan asas kepada warganegara seperti statistik menunjukkan penurunan kadar kematian bayi daripada 16 bayi kepada 6 bayi bagi setiap kelahiran hidup sepanjang tempoh 1990 hingga 2008. Manakala jangka hayat bagi individu juga telah meningkat kepada 71.6 tahun kepada lelaki dan 76 tahun kepada wanita. Boleh tahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah menjadi dasar kerajaan bahawa setiap warganegara menikmati kemudahan perkhidmatan kesihatan dalam bentuk sama rata tanpa mengira umur, bangsa, taraf hidup dan sebagainya.

■1450

Penyediaan subsidi dan kemudahan kesihatan ini pada tahap yang baik dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Bank Dunia melaporkan bahawa perbelanjaan kesihatan di Malaysia per kapita adalah sebanyak USD307 berbanding dengan Singapura USD1,148 dan United Kingdom USD3,867. Daripada perbandingan tersebut, kita percaya negara kita masih di belakang dan berdasarkan senario semasa, perbelanjaan untuk kesihatan perlu ditingkatkan selaras dengan halangan dan cabaran akibat perubahan persekitaran serta *global warming* dengan izin, yang menyebabkan banyak penyakit baru wujud dan perlu ditangani seperti H1N1, HIV AIDS dan lain-lain yang perubahan gaya hidup dan tuntutan ke atas kualiti kesihatan yang semakin tinggi serta perkembangan teknologi.

Dalam Rancangan Strategik lima tahun...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup ya. Panjang lagikah?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perancangan tersebut, saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah perancangan-perancangan ini telah mengambil kira dasar kerajaan dalam penyediaan perkhidmatan berasaskan kesaksamaan gender? Prinsip kesaksamaan gender dalam penyelidikan kesihatan ini perlu diambil kira dan ditekankan kerana wanita memerlukan penjagaan kesihatan yang sedikit berbeza daripada lelaki.

Ini saya hendak habiskan Tuan Yang di-Pertua sebab ini ada kaitan dengan wanita. Kasihan wanita nanti. Contoh jenis penyakit yang biasanya dihadapi perempuan dan tidak dihadapi lelaki adalah seperti senggugut, penyakit-penyakit berkaitan genital atau penyakit yang dihadapi oleh lelaki atau perempuan seperti AIDS, HIV yang memberi kesan berlainan dalam kehidupan perempuan. Justeru itu, perkhidmatan yang diberi hendaklah memenuhi keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, apakah langkah atau pelan jangka panjang atau jangka pendek yang diambil atau dirancang oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini? Selain kerajaan, kita sebagai individu dan masyarakat adalah sama-sama bertanggungjawab secara kolektif untuk menangani masalah ini. Saya juga ingin bertanya

kepada pihak kerajaan, adakah kementerian mempunyai data-data berkaitan kesihatan yang lengkap dari semasa ke semasa serta penyelidikan-penyelidikan yang konsisten terhadap isu-isu ini? Ini kerana data-data yang lengkap dan penyelidikan konsisten adalah penting bagi pembangunan perkhidmatan kesihatan dalam menilai keberkesanan polisi dan dasar yang akan kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya hendak bercakap satu perkara tentang kawasan di tempat saya. Akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai dengan isu berkaitan dengan PBT. PBT adalah agen utama kerajaan dalam melaksanakan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Mekanisme undang-undang ini adalah penting dalam melaksanakan tanggungjawab PBT dengan efisien dan berkesan. Akan tetapi undang-undang ini kebanyakannya sudah lapuk.

Kita sering mendengar pemimpin-pemimpin bercakap tentang meminda akta-akta lapuk PBT ini. Justeru, pindaan wajar dipercepatkan bagi memastikan PBT dapat melaksanakan tanggungjawabnya secara lebih berkesan lagi. Jadi di sini saya hendak tanya, apakah status tindakan pindaan Akta PBT ini? Bila pindaan benar-benar akan dilaksanakan? Selain itu, saya memohon agar peruntukan PBT ditambah untuk memperbaiki prasarana bagi tujuan operasi dan pembangunan selaras dengan perkembangan semasa. Penambahan peruntukan akan memastikan ejen pelaksanaan ini akan dapat menjalankan tugas dengan lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan isu RMKe-10 ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Saripah Aminah.

2.54 ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya teruskan dengan perbahasan ini, saya ingin mengalu-alukan murid-murid dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Idris Shah 2, Gerik Perak...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya telah *run through* kedua-dua buku yang dibekalkan kepada kita iaitu buku Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Dalam lingkungan pemberian kepada kaum Cina, India, Orang Asli dan bumiputera di Sabah dan Sarawak, dipertimbangkan oleh kerajaan bahawa bagi kaum Cina seramai 280,000 isi rumah yang tinggal di kawasan Kampung Baru Cina, bayaran premium tanah tempoh pajakan dan pinjaman mudah alih akan diberikan. Dana sebanyak RM100 juta diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kaum India pula, bagi peningkatan kualiti hidup mereka, dalam RMKe-10 iaitu pekerja ladang dan *displace estate workers*, dengan izin, liputan bekalan air kepada 182 estet akan dipertimbangkan yang memakan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM109 juta. Bagi Orang Asli bumiputera Sabah dan Sarawak, juga peruntukan sedang dipertimbangkan bagi membolehkan mereka ini melaksanakan program pertanian secara bersepadu.

Pihak menteri memetik apa yang diungkapkan oleh Presiden Amerika, Presiden Lyndon Johnson pada tahun 1965 yang berbunyi dengan izin, "*As a society we have a responsibility for bringing people to the 'starting line' without significant disadvantages, because if we fail to do so, they cannot fairly participate in the race.*"

Tuan Yang di-Pertua, kalau diterjemahkan, saya rasa kita faham apa yang dimaksudkan oleh Presiden Amerika Syarikat itu. Perjuangan kita belum selesai, orang Melayu telah banyak bertolak ansur, bertoleransi dan terlalu keterbukaan. Kita banyak mempelajari erti sebenarnya kerjasama berpasukan, kita ungkapkan 'Bersekutu Bertambah Mutu'. Kalau ungkapan ini diguna pakai, maka tidaklah ada tindakan-tindakan kaum-kaum

yang tertentu hendak mempersoalkan Dasar Ekonomi Baru dan pemberian kontrak kepada bumiputera.

Ungkapan ini bukan sahaja dibuat oleh pihak pembangkang tetapi juga dikokokkan oleh kalangan komponen Barisan Nasional juga. Kita hendak tahu, apakah yang diperuntukkan kepada 40 peratus bumiputera Melayu oleh pihak kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini?

Saya terpanggil dan rasa wajib disebut apa yang sedang berlaku di Pulau Pinang sekarang. Tindakan kerajaan negeri dalam nada yang manis, muka yang manis apabila berjumpa dengan kita tetapi apabila tindakan diambil, begitu dengki sekali terutama sekali adalah Ketua Menteri Pulau Pinang terhadap orang-orang Melayu. Gerai-gerai orang Melayu, tanah-tanah Melayu, perkampungan orang Melayu – contohnya Kampung Pokok Asam.

Kampung ini telah wujud 100 tahun yang lalu dan keluarga yang tinggal di situ pun tidak banyak, cuma 22 keluarga sahaja tetapi malangnya – bukan kita menentang pembangunan tetapi biarlah ianya adil. Kalau Kampung Buah Pala mendapat rumah semi-D dan keluasannya begitu selesa sekali, mengapakah Kampung Pokok Asam dengan pemberian cuma RM10,000 dihalau keluar begitu sahaja?

Ungkapan salam 1Malaysia tidak boleh diguna pakai atau disebut oleh pegawai-pegawai yang bertugas dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Yang menjadi kehairanan, ahli-ahli majlis dari kalangan parti pembangkang – parti pembangkang adalah Pakatan Rakyat yang sekarang menguasai Pulau Pinang – juga bersekongkol dengan tindakan yang diambil oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. Kalau tidak faham kerja-kerja majlis perbandaran – sudah jadi ahli majlis janganlah berlagak macam dapat bunga hendak gonyeh, belajar dari pegawai-pegawai majlis, turun ke padang, tanya pegawai-pegawai majlis cara macam mana kita hendak selesaikan masalah ini. Akan tetapi tidak.

Pelan perancang diluluskan, pelan pembangunan diluluskan, apa lagi tunggu daripada pemaju? Turun padang, halau semua orang keluar oleh kerana kuasa sudah ada dalam tangan.

■1500

Saya hendak mintalah kepada pihak Pakatan, saya nampak ada seorang dua sahaja daripada pihak pembangkang di sana. Sekarang ini kita tengok tanah wakaf pula. Di Pulau boleh dikatakan yang tinggal sekarang cuma tanah wakaf sahaja. Kalau itu pun dikacau dan saya hendak tengok Majlis Agama Islam Pulau Pinang hendak menari rentak apa pula selepas ini.

Umum mengetahui kalaulah tanah wakaf ini dikacau saya takut kalau dia sebut kata pertumpahan darah seperti 13 Mei akan menjadi isu besar oleh kerana dalam Dewan Undangan Negeri tindakan telah diambil kepada Ketua Pembangkang oleh kerana menyebut berkenaan dengan 13 Mei. Akan tetapi di sini saya rasa tidak apa kerana kita ada *immunity*. Tunggu dan lihatlah!

Saya minta orang-orang Melayu sama ada di Pulau Pinang ataupun di mana sahaja insafilah. Orang-orang ini telah pun mendapat kuasa ekonomi cuma yang sekarang dia hendak adalah kuasa pemerintah. Kalau itu pun terlepas tidak tahulah apa hendak jadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang apa yang dibangkitkan oleh YDP Persatuan Jaringan Melayu Malaysia (JMM) tentang portal berita pembangkang dan *Malaysian Insider*. Syarikat yang mendapat kontrak perkhidmatan pengimejan dan pengimbasan data dari LHKM berjumlah beribu-ribu juta ringgit sedangkan pengarah syarikat tersebut adalah bekas *chief editor* dari *The New Straits Times* seorang warganegara Singapura. Hasil yang diperolehi dari agensi kerajaan akhirnya telah menjadi alat membiayai satu portal yang banyak menyiarkan berita-berita memburukkan institusi raja dan juga Kerajaan Malaysia. Saya ingin bertanya kepada pihak yang menawarkan kontrak ini, adakah mereka menyemak pengerusi, latar belakang pengerusi dan pengarah syarikat ini yang ditawarkan kontrak. Saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan II pada masa itu iaitu tahun 2005 tentang perkara ini yang juga menteri yang membentang RMKe-10 di Dewan yang mulia ini pada dua hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman cadangan kementerian bagi menggantikan kedua-kedua peperiksaan ini dasarnya iaitu peperiksaan UPSR dan PMR. Pada dasarnya memberi pelbagai pandangan umum. Walau bagaimana pun perkara yang saya ingin utarakan di sini adalah mengenai bentuk alternatif terbaik sebagai gantian kepada dua peperiksaan ini.

Pada pandangan saya niat kerajaan untuk mencari kaedah terbaik bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara amat baik dan wajar di sokong. Namun sebaliknya bagi tidak mengundang kekusaran dan kekeliruan masyarakat dan pelajar sendiri, pengumuman sebegini haruslah diumumkan apabila kerajaan telah pun mempunyai pilihan atau alternatif yang jelas bagi menggantikan sistem yang ada sekarang bukannya mengumumkannya sebelum melakukan apa-apa penyelidikan bagi mencari alternatif yang terbaik walaupun niat mendapatkan maklum balas daripada rakyat amat dihargai.

Apakah bentuk pengisiannya? Adakah kerja kursus akan diperkenalkan bagi menggantikan peperiksaan akhir tahun seperti sekarang? Apakah sistem pemarkahan yang akan diguna pakai dalam menilai prestasi murid dari setahun ke setahun. Ini adalah persoalan pokok yang perlu kementerian jelaskan bagi memberi gambaran awal bagaimana dan mengenai sebarang transformasi sistem pendidikan yang akan dilakukan. Setiap perubahan yang ingin dilakukan haruslah didahulukan dengan penyelidikan yang mendalam dengan hasil kajian yang sebenar-benarnya kerana tidak mahu pelajar dan guru menjadi mangsa dasar apabila berlakunya perubahan pemimpin atau menteri di Kementerian Pelajaran di negara ini.

Saya juga ingin menyentuh isu membantu kanak-kanak miskin iaitu di kalangan isi rumah 40 peratus terutamanya dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna. Antara cabaran bagi anak-anak ini mendapat pendidikan yang sempurna adalah pendapatan keluarga yang rendah, kurang sumber kewangan untuk membeli peralatan sekolah dan suasana pembelajaran yang tidak kondusif. Pelbagai program telah pun dirancang dan sebahagiannya telah pun dilaksanakan bagi membantu kanak-kanak ini seperti mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), elaun pakaian seragam, elaun tuisyen dan elaun pengangkutan.

Namun apa yang saya ingin tekankan di sini adalah terhadap kaedah penyaluran bantuan ini harus dilihat semula. Ini kerana ada kanak-kanak atau keluarga yang selayaknya terima tidak menerima atas alasan pendapatan keluarga melebihi daripada kadar garis kemiskinan (KGM).

Hakikatnya rakyat yang mempunyai pendapatan RM2,000 sebulan dan mempunyai lima orang anak sebagai contoh jauh lebih susah daripada mereka yang mempunyai pendapatan RM1,500 sebulan dan mempunyai hanya seorang anak. Jadi saya pohon kerajaan memikirkan satu kaedah yang lebih adil dan praktikal bagi mengagihkan bantuan yang disalurkan. *Blanket approval* dengan izin, mengikut kertas kerja yang diluluskan tidak boleh diguna pakai perlu ada budi bicara mengikut kes-kes yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, guru adalah tunjang kepada sistem pendidikan. Oleh itu pelaksanaan, instrumen dan proses baru untuk penilaian dan penaksiran guru amatlah wajar. Sehubungan itu Program Pendidikan Guru (PPG) adalah penting bagi membekalkan guru-guru berkemahiran profesional, adalah penting bagi membolehkan mereka mengajar dengan lebih cemerlang. Seseorang guru yang profesional menunjukkan ciri-ciri profesionalismenya yang lazimnya dikaitkan dengan sesuatu profesion.

Mohon penjelasan apakah ciri-ciri profesionalisme di bidang perguruan dan apakah kementerian telah mempunyai senarai yang jelas mengenai ciri-ciri ini? Jika sudah ada sejauh manakah senarai tersebut telah diguna pakai dalam membimbing guru-guru agar cemerlang dan seterusnya memberi impak kepada perkembangan pendidikan negara ini.

Isu tenaga diperbaharui. Seperti yang kita dimaklumkan bidang tenaga yang diperbaharui (RE) dan kecekapan teknologi (EE) merupakan dua kategori industri teknologi hijau yang menjadi daya tarikan pelabur di negara ini sama ada pelabur dalaman atau luar negara. Seperti yang dimaklumkan kementerian telah pun merangka pelbagai cadangan untuk memajukan industri ini seperti perancangan menyediakan *green technology, road*

map dan juga *base line study*, dengan izin bagi mengukur tahap pencapaian industri ini di masa hadapan.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua bolehkah kerajaan mengatakan bilakah kerajaan boleh menyiapkan *road map* dan *base line study* ini? Ini kerana sekiranya mengambil masa terlalu lama untuk hanya menjalankan kajian dasar kita akan ketinggalan untuk melaksanakan dan hasilnya segala perancangan dasar tidak dapat dilaksanakan dalam RMKe-10 ini dan terpaksa menunggu RMK yang akan datang. Kita tidak mahu peruntukan yang sepatutnya untuk pembangunan iaitu pelaksanaan hanya dihabiskan untuk menyiapkan kajian dasar atau *base line study* sahaja, dengan izin.

Sebagai contoh kita mempromosikan pembangunan teknologi hijau dan *clean technology* tetapi dalam masa yang sama kita masih lagi membenarkan pembinaan dua buah jana kuasa elektrik menggunakan arang batu di Sabah. Banyak lagi industri-industri SME kita yang mencemarkan sungai dengan menyalurkan terus kumbahan mereka ke sungai-sungai. Apakah usaha kementerian untuk menggalakkan mereka menggunakan *clean technology* ini?

Sebenarnya kelembapan inilah yang menyebabkan kita tertinggal ke belakang berbanding negara-negara lain dalam membangunkan industri diperbaharui dan kecekapan tenaga. Sebagai contoh kita masih dalam proses merangka Akta Tenaga Diperbaharui. Masalah tarif RE yang terlalu rendah masih tidak ada cara penyelesaian. Saya juga pohon penjelasan kementerian apakah sasaran jumlah penggunaan hasil tenaga diperbaharui untuk RMKe-10 ini dan sehingga kini apakah sumbangan bidang ini kepada penjana tenaga negara?

■1510

Isu Pelancongan. Kita memahami industri pelancongan merupakan antara sumber ekonomi penting negara. Pelbagai konsep pembangunan industri pelancongan telah dicipta. Namun di sini beberapa persoalan yang saya ingin utarakan. Apakah strategi atau bentuk promosi baru bagi meningkatkan kadar kemasukan pelancong asing berikutan dengan keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan? Apakah bentuk kerjasama daripada entiti lain seperti MAS dan juga bidang perhotelan negara?

Juga pohon apakah strategi dan tanggungjawab kementerian bagi memastikan pelancong yang datang ke negara ini tidak menjadi beban kepada negara. Iaitu sesetengah daripada mereka ini tidak pulang ke negara mereka malahan bertindak menjadi GRO dan pelacur. Mohon penjelasan juga berapakah jumlah pekerja GRO dan pelacur yang ditangkap ini adalah daripada kalangan pelancong asing yang masuk menggunakan visa penuntut dan juga *social visit*.

Isu wanita. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada wanita Sabah kerana telah berjaya merasmikan Wisma Wanita Sabah. Saya juga amat menyokong saranan isteri Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor yang mahu kerajaan mempertimbangkan agar setiap negeri membina Wisma Wanita bagi membangunkan wanita dan kanak-kanak ataupun sebagai pusat sehenti, *one-stop centre*.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas kejayaan memperjuangkan hak-hak wanita negara ini selama tempoh ia ditubuhkan. Pun begitu berbagai-bagai usaha masih perlu dilaksanakan sejajar dengan segala isu masyarakat terkini yang sering kali dikaitkan dengan kecelaruan moral remaja. Kelonggaran institusi kekeluargaan dan peningkatan kes-kes jenayah berkaitan langsung dengan wanita seperti kes culik, rogol, bunuh, hamil sebelum kahwin menyumbang kepada membangunkan lagi masalah-masalah sosial ini.

Sebagai contoh dalam kes buang bayi yang tidak kesudahan. Apakah perancangan kerajaan terhadap membendung aktiviti seks bebas di negara ini? Kita tahu bayi yang dibuang tidak berdosa dan kita boleh menyediakan beberapa banyak ruang bagi menyelamatkan bayi ini. Persoalannya, apakah tindakan kita bagi menyelesaikan isu seks bebas yang seolah-olah dibenarkan di negara ini. Walhal perzinaan adalah haram bagi umat Islam dan dikutuk oleh agama lain.

Justeru itu saya mohon mencadangkan agar kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini perlulah memberi penekanan kepada memperbanyakkan program-program berbentuk sahsiah diri, moral dan agama. Bagi pembelaan kepada wanita untuk ibu tunggal. Isu tuntutan nafkah dan kekeluargaan Islam saya mohon agar Rang Undang-undang Keluarga Islam yang ditangguhkan kelulusannya dipinda dan diluluskan secepat mungkin. Kita mendapat jawapan soalan bertulis daripada Menteri yang menjaga hal ehwal agama iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah, bahawasanya rang undang-undang ini telah pun diluluskan pada tahun 2005.

Alangkah kesalnya kami yang masih berada di Dewan Negara ini sedangkan benda ini telah pun dibawa perbincangan. Ada beberapa persoalan dalam akta tersebut, rang undang-undang tersebut yang perlu diperbetulkan. Apabila rang undang-undang ini diluluskan kita minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu untuk mengkaji semula. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju untuk mengkaji semula rang undang-undang ini dan dibawa balik selepas pindaan dibuat.

Namun demikian jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Mashitah amat mengecewakan mengatakan rang undang-undang itu telah pun diluluskan. Bagi mengatasi masalah tuntutan nafkah yang tidak dibayar oleh si bapa. Saya ingin mencadangkan agar pihak Mahkamah Syariah boleh membuat arahan pemotongan gaji kepada majikan suami. Secara terus tanpa memerlukan permohonan lain daripada anak ataupun bekas isteri terhadap keingkaran si ayah membayar nafkah. Walaupun kita tahu sekarang banyak pemotongan dibuat tetapi masih lagi yang bekerja sendiri, yang bekerja dengan swasta tidak dapat memberi nafkah yang sewajarnya kepada anak-anak yang telah ditinggalkan ataupun isteri telah dicerai. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan Awang Chik. Sebelum itu diminta Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar bersedia.

3.15 ptg.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Alhamdulillah... [Membaca selawat]* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melangkah jauh di dalam ucapan perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Saya sekali lagi mengalu-alukan kedatangan murid-murid sekolah dan menjadi kebanggaan kepada saya begitu minat untuk mengikuti tatacara demokrasi yang berjalan di negara kita ini.

Saya percaya mungkin bukan seorang, bukan dua daripada yang hadir pada hari ini dapat menjadi satu teladan dan menjadi satu sejarah. Juga akan memimpin di tempat-tempat kampung sendiri ataupun negeri sendiri malah di negara kita ini, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya mengambil masa mungkin lebih sedikit daripada masa kerana ini adalah kali yang terakhir dapat berucap setelah hampir enam tahun ada dalam Dewan ini.

Saya rasa agaknya bangga, hanya satu iaitu dalam masa tiga orang Tuan Yang di-Pertua, salah satu yang boleh saya banggakan iaitu ada wanita yang boleh menduduki tapak yang Datuk duduk sekarang... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bolehlah tambah masa... *[Ketawa]*

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: *Insya-Allah*. Saya terpanggil-panggil untuk mengungkit isu yang lain tetapi apabila dibangkitkan oleh rakan yang sebelah saya ini, Dato' Hajah Saripah, yang juga akan tamat tarikh sama dengan saya. Iaitu berkaitan dengan Pulau Pinang, yang berlaku di Pulau Pinang iaitu yang agak mengecewakan. Ini kerana beliau daripada Pulau Pinang maka saya ingin membangkitkan beberapa perkara. Semalam di dalam surat khabar *The Star* ada menunjukkan bahawa satu tuntutan daripada wakil rakyat di Pulau Pinang. Bahawa mengatakan rumah murah tidak akan dibina lagi di Pulau Pinang.

Ini menunjukkan bahawa satu pendekatan oleh kerajaan PKR ini untuk melihat bahawa orang-orang yang berpendapatan rendah tidak akan duduk di Pulau Pinang ini. Sedikit demi sedikit yang telah dikatakan tadi, ianya akan menghapuskan Kampung Asam, hendak dirobohkan dan sebagainya. Saya tertanya-tanya adakah ini salah satu langkah permulaan di dalam menghapuskan etnik di Pulau Pinang? Mungkin kasar ucapan saya ini, menghapuskan etnik kerana ianya berlaku di peringkat-peringkat seperti di Bosnia dan sebagainya, ia berlaku di peringkat-peringkat di Afrika. Akan tetapi di Pulau Pinang sedikit demi sedikit dengan penghalauan, dengan pemusnahan, dengan robohnya. Terlintas di pemikiran saya bahawa kefahaman politik untuk menghapuskan etnik sebahagian dari bangsa di Pulau Pinang itu sudah mula berjalan. Saya harap kerajaan di peringkat pusat mungkin sedar, mungkin arif tetapi tidak mahu menyuarakan perkara ini kerana ianya merupakan satu pendekatan yang agak *racial*.

Akan tetapi demi masa depan orang-orang Pulau Pinang maka kita harap mereka ini sedarlah bahawa perbuatan tangan untuk memangkah satu ke kiri, satu ke kanan inilah akibatnya yang telah dibawa oleh mereka sehingga akan menjejaskan kepada anak cucu mereka pada masa-masa yang akan datang.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat mengapakah rumah murah ini tidak boleh dibina di Pulau Pinang. Ini kerana kalau kita lihat dari segi kebanyakan orangnya orang Melayu, orang India malah orang Tionghoa sendiri pun ada yang miskin. Bukan semuanya orang Tionghoa kaya, bukan semuanya orang Melayu miskin. Namun di antara kita ini, kita telah menghadapi satu gelombang yang begitu baik. Daripada sebelum merdeka, daripada keadaan merdeka sehinggalah keadaan sekarang, hidup begitu harmoni sekali.

Akan tetapi dengan bertukarnya satu kerajaan yang hanya baru dua tahun lebih telah menukarkan landskap politik sehingga menyusahkan rakyat kesemuanya. Di manakah hala tuju politik Pulau Pinang sekarang ini? Adakah membawa kemusnahan kepada rakyat jelata seterusnya? Saya pohon di peringkat mungkin Jabatan Perdana Menteri dapat memberi sedikit sebanyak keterangan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada Kementerian Kewangan sedikit iaitu berkait dengan jualan insurans. Saya ada bangkitkan dahulu bahawa jualan insurans ini merupakan jualan kertas. Apabila ia menjual, ibarat hendak memikat seorang gadis. Apa sekalipun, diberi satu gambaran, semuanya boleh diberi. Apabila hendak dijual, ini boleh, itu boleh. Pulangannya lebih lumayan daripada *fixed deposit* dan sebagainya sehinggalah apabila berlaku tuntutan. Maka helah demi helah diberi oleh syarikat insurans ini untuk tidak membuat bayaran-bayaran seperti ini. Kepada mereka yang menjadi mangsa kepada ini, sudah tentu kehilangan akal, kehilangan sumber oleh kerana mahu kepada tuntutan kewangan tadi.

Namun, saya harap mungkin ada tempat untuk mengadu. Akan tetapi kalau ada tempat sekalipun, masa yang diambil untuk mengatasi masalah itu amat lambat sekali. Di manakah keadilan yang boleh kepada mangsa ini untuk mencari keadilan supaya tuntutan-tuntutan insurans seperti kereta, tuntutan insurans nyawa dan sebagainya, tuntutan *endowment* dan sebagainya, kebanyakannya hasil-hasil yang sepatutnya dijual tidak sebagaimana yang dijual seperti itu.

Seterusnya juga saya ingin mengaitkan dengan *Unit Trust*. *Unit Trust* ini banyak agen-agen yang daripada Public Bank lah, Ambank lah, sehingga kadangkala pening kepala kita untuk memanggil jawapan-jawapan melalui telefon-telefon bimbit ini. Namun yang penting di sini saya hendak terangkan ialah berkait sama dengan jualan juga. Apabila hendak dijual kesemuanya berlaku – diberi satu gambaran bahawa pulangannya jauh lebih baik. Namun apabila dibeli dan sebagainya, ramai yang tertipu oleh kerana pulangan yang telah dijanjikan langsung tidak dapat dikotakan.

Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh mangsa ini atau pelabur ini sehingga boleh – adakah ini merupakan satu kes yang membuat jualan palsu? Adakah ini boleh dikatakan memberi satu maklumat palsu? Adakah undang-undang di dalam negara kita ini boleh mendakwa mereka ini apatah lagi dengan hanya sekadar pergi satu dua hari kursus dipanggilnya satu konsultan menjual

unit-unit *trust* seperti ini dan kebanyakan mereka ini adalah menjadi agen kepada *financial giant* sahaja dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus pergi kepada perkara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di dalam bandar ini khususnya di Bandar Raya Kuala Lumpur, mungkin di Ipoh, di Johor, di Pulau Pinang dan sebagainya, sudah tentu masalah tanah adalah satu masalah yang besar. Oleh yang demikian, kerajaan telah meluluskan mendirikan rumah pangsa, kondominium baik yang mewah mahupun tidak mewah. Oleh yang demikian, di dalam pentadbiran itu ada yang dinamakan *maintenance fund* dan *sinking fund*.

Di bawah akta manakah mereka ini boleh mengetahui bahawa duit ini betul-betul dibelanjakan dengan begitu baik, dengan saksama, dengan begitu teliti dan sebagainya. Saya rasa dulu ada dikatakan hendak dibuat satu akta. Mungkin sudah ada dan saya lupa tetapi cara pelaksanaannya, cara verifikasinya untuk *check* perbelanjaan-perbelanjaan ini, kutipan-kutipan ini terutama sekali sebelum mereka ini mendapat CF atau strata *title*. Ia dikutip oleh *developer-developer* itu. Di manakah duit ini disalurkan?

Kedua, berkait dengan kementerian ini juga, kita lihat kesemua, kebanyakan di kondominium-kondominium ini, *guard* ataupun pengawal keselamatan itu dikendalikan oleh orang-orang asing terutama sekali daripada Nepal. Datuk Abdul Rahman Bakar arif dengan perkara ini. Satu ketika dahulu pernah menjadi timbalan menteri. Hal-hal ini dia tahu. Kebanyakan mereka ini adalah Gurkha-gurkha yang dilatih di negara mereka dengan senjata api. Mereka ini dilatih dengan senjata api. Saya masih ingat satu ketika dahulu Menteri Dalam Negeri mengatakan jumlah mereka ini telah mencecah kepada 300,000 orang di dalam Lembah Klang. Jikalau ada apa-apa perancangan, kalau ada apa-apa pemberontakan, kemahiran yang dia ada, dengan latihan senjata yang dia ada, saya percaya ia merupakan satu ancaman kepada negara kita ini oleh kerana mereka ini adalah orang-orang asing.

Saya harap pertukaran kepada sedikit demi sedikit *dependency* kita, dengan izin, kepada orang-orang asing ini dapat dilaksanakan. Saya mungkin mudah mengatakan tetapi pelaksanaannya saya percaya tidak sebagaimana yang senang seperti dikata tetapi sebagaimana kata pepatah orang-orang Cina, "*it takes the first step to travel a thousand miles*", kata Confucius. Betul atau tidak? Saya pun sudah lupa.

Seterusnya saya ingin juga pergi kepada belia. Belia ini dalam perbincangan ataupun jawapan lisan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam mengatakan bahawa jumlah yang diberi kepada belia – peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini hanyalah RM40 juta. Jadi jumlah ini kalau kita bandingkan dengan 42 peratus komposisi nisbah belia dalam populasi negara kita ini adalah terlalu kecil. Jumlah ini pula diberi sebahagian besarnya untuk perbelanjaan Hari Belia.

Kalau kita lihat dahulunya belia-belia ini begitu dahaga kepada aktiviti-aktiviti terutamanya bola, sekarang ini futsal, ada yang badminton, ada yang sepak takraw. Saya rasa ramai dalam Dewan ini masih lagi adalah bekas ahli belia.

Jadi kelihatan belia sekarang ini tertumpu kepada mungkin kepada adik-adik yang ada - tertumpu kepada komputer. Dok main *computer game*, kalau *mobile phone* itu habis baterinya bukan kerana membuat panggilan atau menerima SMS. Semuanya dok main *computer game* sehingga letih mental kita ini. Ini kepada bermain *computer game* ini dan fizikalnya kita akan jadi lemah. Kita tidak mahu di masa yang akan datang, ramai belia-belia yang lemah fizikal. Mentalnya kuat tetapi kuat bermain *game* tetapi tidak boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti riadah sebagaimana yang dahulunya saya lihat ramai yang menjadi ahli-ahli belia. Ramai juga yang muncul menjadi pemimpin-pemimpin besar hasil daripada program-program belia yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkait dengan pasal jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada pagi tadi di atas soalan lisan saya berkait dengan Lebuhraya Pantai Timur.

Izinkan saya menyentuh dalam masa satu minit berkait sama dengan Lebuhraya Pantai Timur ini. Soalan saya adalah, adakah duit ini yang saya faham digunakan daripada duit ihsan daripada negeri Terengganu. Adakah Kerajaan Pusat hendak membayar balik duit ini kepada Kerajaan Negeri Terengganu memandangkan saya ini datang daripada negeri Terengganu. Saya percaya ia merupakan satu rintihan daripada rakyat negeri Terengganu supaya jalan ini kalau ia telah dilaksanakan dan telah pun lambat akan siap, maka sudah tentu akan menjejaskan pada masa-masa yang akan datang. Bilakah sebenarnya tarikh jalan ini akan siap dan bilakah Kerajaan Pusat akan membayar balik jumlah wang ini yang begitu banyak dan telah menaik begitu tinggi sekali daripada 1.8 bilion. Saya difahamkan sehingga RM3.78 bilion pada pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin akhir sekali, saya ingin menyentuh berkait dengan isu yang sekarang ini telah banyak diperkatakan iaitu di akhbar sekarang ini ada dua isu dan kebanyakannya berlaku di Selangor iaitu isu air dan isu pasir. Saya ingin menyentuh tentang isu air sedikit. Umum mengetahui bahawa air merupakan sumber asas kehidupan dan tanpa air tiadalah kehidupan. Sumber-sumber air boleh didapati menerusi sistem tadahan air semula jadi termasuk di sungai, tasik dan sumber air di bawah tanah. Kini masalah pencemaran sungai hangat diperkatakan dengan sungai-sungai utama di setiap negeri kian dicemari dengan sisa-sisa toksik, sisa-sisa industri, sisa-sisa domestik, pertanian dan penternakan.

Kita perlu memandang serius isu sungai yang kian tercemar kerana ia melibatkan segenap lapisan masyarakat. Kita perlu tahu bahawa anak-anak kita setiap hari ke sekolah. Isteri di rumah mengendalikan urusan makan, minum serta membasuh dan kita bertugas di pejabat untuk mencari nafkah. Hidup menyara keluarga dan meneruskan aktiviti harian yang semuanya memerlukan air sebagai komoditi yang penting. Lebih melebihi yang penting daripada hal-hal yang lain. Kita juga melihat bahawa air ini sekarang jauh lebih mahal daripada petrol. Kalau kita beli sebotol air yang telah diimport, katakan air Evian, harganya hampir-hampir RM5 hingga RM6 untuk setengah liter. Jadi, kalau kita beli minyak satu liter, lebih kurang RM2.10 sen RON 97. Jauh lebih mahal air daripada minyak walhal minyak begitu penting sekali sehingga sanggup Amerika mencero bohi Iraq untuk mendapatkan minyak dan sekarang ini telah menjelajah di Afghanistan pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada masalah air ini. Isu air ini, isu yang pertama sekali di Selangor ini, Kerajaan Pusat mengatakan bahawa pada tahun 2014, Lembah Klang akan menghadapi masalah air. Kajian telah dibuat bahawa pada tahun 2000 ke tahun 2050 ini, negara kita akan menghadapi satu masalah yang besar iaitu air. Dahulunya kita tidak terfikir pun masalah air ini menjadi satu masalah yang besar. Akan tetapi, Kerajaan Negeri Selangor pula mengatakan tahun 2019 mencukupi air yang telah ada ini. Ini adalah satu pandangan yang agak konflik. Walau bagaimanapun, di mana konfliknya hanya lima tahun sahaja. Akan tetapi pokoknya, ia akan menghadapi satu masalah.

Masalah ini akan menjadi satu bebanan kepada rakyat kalau ia ditangguhkan. Dahulunya apabila membawa air daripada Pahang ke Selangor melalui tanah-tanah yang dikuasai oleh Kerajaan Negeri Selangor, ia memakan atau memerlukan sejumlah RM2 bilion. Apabila ditangguhkan, harga ini telah naik daripada RM2 bilion kepada RM8 bilion. Kalau ia ditangguhkan lagi, saya percaya ia akan dinaikkan lagi. Pokoknya di sini, siapakah yang akan menanggung nanti apabila kenaikan ini terus melambung daripada semasa ke semasa disebabkan oleh keengganan. Saya percaya dua gergasi ini iaitu di antara Tan Sri Razali yang duduk di Puncak Niaga dan satu lagi iaitu Yang Berhormat Menteri Besar Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid. Dahulunya mereka ini mengikut sejarah yang saya tahu adalah bersahabat baik.

Akan tetapi ada *personality clash*. Jadi sehingga, yang ini berkata macam ini, yang ini kata macam ini dan yang menjadi mangsa ialah rakyat-rakyat di Pelabuhan Klang yang akan menghadapi masalah air pada masa-masa yang akan datang. Jadi, saya menyarankan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana kuasa yang ada pada tanah ini janganlah kerana *personality clash*, kerana perkara-perkara yang tidak disukai antara mereka ini menyebabkan satu atau dua juta orang lebih dalam Klang ini menghadapi masalah ini.

Masalah satu lagi ialah masalah paip yang telah begitu lama berada di dalam tanah itu. Masalah paip iaitu penyaluran paip ini adalah daripada asbestos yang telah hampir 40 tahun ada di dalam tanah. Apabila diberikan tekanan yang lebih sedikit, maka asbestos ini akan pecah ataupun bocor. Di sinilah akan menimbulkan kerugian-kerugian kepada syarikat-syarikat kalau ia terus diheret daripada semasa ke semasa sehingga tidak ada kesudahan dari segi untuk mendapatkan satu keputusan demi kebaikan masa akan datang.

Janganlah kita hanya berpolitik sahaja walhal di dalam hidup kita ini sesungguhnya ada masa yang begitu singkat untuk menentukan sebagai kita berkuasa dan akhirnya kita akan serahkan kuasa ini kepada yang lain untuk menjalankan tugas-tugas ini. Jadi apabila yang ada setakat ini saya percaya dan saya menyerulah kepada kedua-dua pihak ini baik daripada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri Selangor carilah jalan secepat mungkin untuk mengatasi masalah yang telah melanda begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak yang dapat saya katakan. Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya. Saya pohon kepada semua semoga ucapan saya ini akan sedikit sebanyak memberikan sumbangan kepada membangunkan negara kita ini pada masa-masa yang akan datang. Walaupun sekerdil mana ucapan saya ini, setidak-tidaknya dengan ikhlas hati saya memberi pandangan ini baik daripada Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini mahupun daripada pihak kerajaan-kerajaan di peringkat negeri ini demi tidak lain dan tidak bukan untuk membangunkan negara kita ini 1Malaysia pada masa-masa yang akan datang. Saya sudah dengan ucapan terima kasih dan saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

3.37 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya berucap, saya hendak lihat kerusi dahulu, meja dahulu... *[Melihat ke tempat duduk dalam Dewan]* Di sini okey, okey, okey, okey. Di sini tidak okey, tidak okey, tidak okey. Okey satu sahaja. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di sini okey. Saya duduk di sini, di atas... *[Ketawa]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Di sini okey, di sana lagi okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat cakap ini "tidak okey".

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, okeylah. *Sorry, okey... [Ketawa]* Apa yang saya hendak sebut, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak datang, kita dukacita. Jadi, saya syorkan potong elaun mesyuarat atau potong RM10. Setuju Tuan Yang di-Pertua? Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau minta dipotong, duit itu salur ke mana?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tabung.

Timbalan Yang di-Pertua: Tabung apa?... *[Ketawa]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tabung anak yatim. Saya kata demikian sebab mereka anggap...

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kata bahawa timbalan menteri-timbalan menteri. Saya Timbalan Menteri juga. Ramai yang ada tugas. Kita ada juga kakitangan kerajaan yang telah diamanahkan untuk mengambil segala catatan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kita terimalah pandangan itu dengan positif. Yang Berhormat dahulu pun Timbalan Menteri juga. Maka beliau faham tugas kita.

■1540

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dahulu saya datang. Yang datang okeylah. Saya kata yang tidak datang. Apa pasal *you* takut sangat... [*Ketawa*] *You* datang okeylah, tahniah! Jadi, ini Dewan yang penting. Saya anggap kehadiran penting juga. Baiklah, saya hendak timbulkan beberapa isi.

Pertama, saya hendak bercakap tentang hak milik tanah. Saya rasa semua rakyat yang sudah berkahwin patut diberikan milikan tanah. Di negara kita sekarang ramai rakyat yang sudah berkahwin tetapi tidak ada apa-apa. Tanah tiada, rumah tiada. Jadi, kita hendak menuju ke arah negara maju, negara sejahtera. Kalau tidak ada tanah, apa bendanya? Sejahtera apa, betul? Jadi, kerajaan perlu menggubal satu dasar supaya rakyat yang tidak ada tanah perlu diberikan tanah. Wajib beri! Tidak boleh tidak beri. Itu asas.

Kedua, saya lihat agensi kerajaan pun perlu memainkan peranan yang penting. Contohnya, FELDA – hendak menyebut susah lagi. FELDA sudah maju. Saya syorkan lebih banyak lagi tanah-tanah dibuka. Ini tidak. Berhenti, minyak orang minta, luar negara banyak minta tetapi tidak cukup minyak sebab tanah baru tidak dibuka. Jadi, saya syorkan FELDA perlu membuka tanah-tanah yang baru. Mintalah daripada kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan.

Ketiga, agensi seperti RISDA, FELCRA tidak seharusnya cara lama. Mereka memberikan tanah sekadar bawah enam ekar sahaja, hendak buat apa enam ekar tanah. Tidak ekonomik, tidak produktif. Saya dapati semua peserta RISDA ataupun FELCRA sekarang ini di bawah pendapatan mereka RM3,000 sebulan. Tidak ada seorang pun peserta FELCRA atau RISDA yang lebih daripada RM3,000. Kata kita, mereka yang dapat RM2,300 sebulan dianggap miskin. Jadi, peserta RISDA, FELCRA, miskin. Siapakah yang miskin? Peserta. Siapakah peserta? Kebanyakannya orang Melayu. Jadi, kita tubuhkan agensi untuk memiskinkan orang buat apa? Jadi, saya syorkan supaya RISDA, FELCRA buat dasar baru untuk beri tanah sekurang-kurangnya sepuluh ekar. Begitu juga dengan FELDA. Lapan ekar, lama, miskin. Saya syorkan semua agensi tanah ini beri sekurang-kurangnya sepuluh ekar.

Kedua, masalah rumah tidak mencukupi. Baru tadi, Menteri Perumahan cakap, jawab 78,000 unit rumah dibuat masa kini. Akan tetapi sedar kah kita menghadapi bukan sedikit permohonan. Ada lebih kurang 500,000. Itu setengah juta, bagaimana? Minta setengah juta, buat rumah 78,000 unit. Ini tidak betul. Ini zalim. Saya kira dasar perlu diubah. Menjelang 2020, 500,000 perlu diselesaikan. Itu sekarang. Akan datang, bertambah lagi permohonan. Jadi, dasar perumahan perlu dibesarkan, perlu diubah, perlu banyakkkan guna. Mesti rakyat sejahtera, rakyat baik.

Seterusnya, pengangguran. Lulusan SPM ramai yang menganggur kira-kira 300,000 lebih orang sekarang. Kolej, STPM - 200,000 lebih orang. Lulusan universiti yang menganggur kira-kira 120,000 orang sekarang.

Jadi, apakah sebabnya? Sebabnya, macam-macam. Antara sebabnya peluang pekerjaan tidak mencukupi, antara juga pendatang asing diberi muka. Tiga juta orang pendatang asing bekerja di sini. Dua juta orang yang sah, satu juta orang yang tidak halal. Anak haram. Jadi, kalau kerja semua orang asing, yang menjadi mangsa adalah anak-anak kita. Adakah munasabah pemandu teksi sekarang lebih daripada 6,000 orang asing. Restoran mamak-mamak, kopitiam, kedai-kedai besar makanan, semua orang asing sekarang. Penjaga-penjaga semua orang asing, semua Nepal. Pekerja hotel semua orang asing. Ladang, semua orang asing. Apakah hendak jadi dengan negara kita ini?

Lama-kelamaan pekerja sendiri *fed up*. Anak di buaian ditinggalkan, kera di hutan disusukan. Zalim! Tidak boleh dikompromi. Saya ingat satu dasar baru perlu digubal. Malaysia satu-satunya negara mempunyai pekerja asing yang paling ramai dalam dunia ini daripada 10 juta lebih, lebih kurang 27 peratus pekerja asing. Ini malapetaka yang sangat besar. Saya mintalah KDN berhentikan soal kemasukan pekerja-pekerja asing. Yang halal pun tidak mahu keluar, yang datang dengan visa pelancong juga tidak hendak keluar, apa yang sudah jadi dengan negara kita? Seolah-olahnya kerajaan tidak mampu lagi hendak *control*, hendak kendalikan negara kita. Orang marah, bukan saya sahaja marah. Semua Ahli-ahli Dewan marah. Tidak percaya, bangunlah. Semua orang – ini soal penting negara, dasar negara, hala tuju negara, Wawasan 2020, mesti kita utamakan rakyat Malaysia daripada rakyat luar negara.

Isu pelajaran. Kita menyuruh anak-anak kita, motivasi anak-anak kita belajar sungguh-sungguh. Gred 5A UPSR, gred 10A PMR, SPM juga 5A. Langsung anak-anak belajar. Ayah ibu pula kalau tidak cukup sekolah, beri tuisyen.

■1550

Jadi apa yang saya hendak timbulkan, mereka belajar – dapat 5A UPSR. Akan tetapi yang dapat masuk ke sekolah-sekolah asrama penuh ialah tidak seberapa. Saya kesal, daripada 48,170 orang yang cemerlang 5A yang mampu masuk hanya sekadar 6,600 orang sahaja. Jadi tidak adil bagi mereka yang tidak dapat masuk, sedangkan mereka 5A.

Kedua, pelajar yang mendapat semua 'A' dalam PMR seramai 28,188 orang. Daripada itu, yang dapat masuk ke sekolah asrama penuh sekadar 4,517 orang sahaja. Sekali lagi tidak adil bagi mereka yang berjaya. Berjaya, tetapi kecewa. Berjaya dalam kekecewaan. Jadi untuk menuju Wawasan 2020, kena cukup persediaan. Kalau tidak, tidak usah buat UPSR dan PMR. Buat sahaja kemahiran dan latih sahaja anak-anak kita supaya mahir. Oleh itu, saya syorkan bahawa saya setuju UPSR dan PMR dimansuhkan. Digantikan dengan lain-lain kaedah dan cara-cara lain supaya bukan sahaja kelihatan adil, tetapi benar-benar adil.

Saya hendak sebut lagi mengenai orang-orang universiti ramai memohon dan berjaya dalam program ijazah. Yang memohon untuk dan mendapat biasiswa JPA dari program ijazah seramai 18,690 orang. Namun, yang layak mendapat biasiswa seramai 10,956 orang sahaja. Daripada yang layak 10,956 orang itu, yang berjaya dapat biasiswa JPA sekadar 3,750 orang sahaja. Ertinya lebih daripada 5,000 orang - sedangkan mereka layak, namun tidak mendapat biasiswa untuk mereka. Sekali lagi, kita berasa tidak adil. Mereka tidak boleh pergi sedangkan mereka berjaya dan mereka layak.

Jadi saya hendak syorkan supaya yang layak dan berjaya biasiswanya ditambah. Tidak guna kita ada simpanan sebanyak RM350 bilion lebih, tetapi sekadar tidak sampai RM1 bilion pun kita tidak dapat beri. Saya penyokong kuat kerajaan. Saya berani pertahankan kalau pakatan pembangkang hendak hentam. Akan tetapi, di dalam soal ini saya tidak ada kompromi. Saya mahu negara maju. Dalam usaha hendak memajukan negara, kita mesti sediakan pelajar-pelajar yang cemerlang dan warganegara yang ada ilmu. Namun, masakan mereka hendak jadi pemimpin yang baik kalau mereka tidak dapat biasiswa yang cukup untuk melanjutkan pelajaran.

Kemudian, saya hendak bercakap lagi mengenai IPTA. Dahulu semasa dasar kuota, anak-anak Melayu boleh masuk ke IPTA dalam keadaan 62 peratus atau 63 peratus - dari tahun 2004 sehingga diperkenalkan dasar baru iaitu meritokrasi. Dasar meritokrasi membuktikan anak-anak Melayu - daripada 63 peratus, sekarang yang masuk Tuan Yang di-Pertua, hanya sekadar 26 peratus sahaja! Maaf pelat, tetapi Tuan Yang di-Pertua faham?

Timbalan Yang di-Pertua: Faham.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jikalau faham okey. Jadi saya rasa amat kecewa! Jikalau hendak lahirkan masyarakat yang adil, yang baik, yang sama rata dan sama rasa – Melayu merupakan 64 peratus campur bumiputera, kena ada dasar kuota ataupun berpijak kepada dasar jumlah penduduk, bukan meritokrasi. Ia kalau dibiarkan atau dilanjutkan, bagi saya merupakan malapetaka yang amat besar. Saya tidak mahu ini berlaku.

Sudahlah Melayu ekonominya tertinggal, pelajaran pula tertinggal. Di mana keadilan? Di mana hak sama rasa, sama rata? Tadi Dato' Rashid kata penduduk besar - penduduk bumiputera 64 peratus, tetapi penguasaan ekonomi Melayu tidak sampai pun 20 peratus. Sekali lagi, jangan korbankan Melayu berdasarkan dasar meritokrasi. Dasar ini dasar penjajah, dasar yang zalim dan dasar yang tidak adil kepada bumiputera.

Saya hendak cakap lagi iaitu kesihatan. Jikalau kita pergi ke hospital kerajaan dan klinik kerajaan sekarang macam sardin. Hendak tunggu ubat, empat hingga lima jam. Ada sampai dua hari pun ada. Saya mengalami sendiri sebab saya sakit. Saya sudah syorkan banyak kali iaitu hospital kena banyak. Hospital kerajaan sekadar ada 123 buah sahaja. Banyak lagi hospital *private* di mana jumlahnya 127 buah.

Oleh itu saya syorkan hospital, doktor, dan *nurse* kena banyak. Di negara-negara maju, *ratio* atau nisbah doktor kepada pesakit adalah kira-kira 1:270. Di negara Cuba, negara komunis pun *ratio* – 1:270, Switzerland – 1:280, Jerman – 1:300, Amerika Syarikat – 1:390, dan New Zealand – 1:420. Kita dianggap negara sedang maju. Nisbah kita ialah 1:1,145.. Jadi amat malang - empat, lima jam hendak mati, mati dahulu sebab tunggu doktor. Jadi kementerian tidak usah melawat sahaja orang sakit. Kementerian kena banyak doktor dan kena banyak hospital.

■1600

Jikalau tidak cukup, import doktor. Jikalau tidak cukup lagi, latih doktor, latih *nurse*. Barulah kita mempunyai wawasan negara maju 2020. Kalau kita tegur pun dalam Dewan ini, bukan kita benci, kita orang kerajaan. Kita hendak negara kita – rakyat sihat. Kalau sakit banyak, tunggu ubat lama, tiada kepakaran, banyakkah yang mati.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Lagi *point* saya hendak cakap ialah tentang Greater KL. Greater KL ini bagus tetapi sekarang Kuala Lumpur banyak tikus besar-besar, busuk, air sungai macam air bangkai. Sungai Gombak itu tengoklah – teruk! Rumah-rumah setinggian banyak kotor, tidak cat. Bukan saya salah Datuk Bandar satu orang sahaja. Akan tetapi Greater KL bukan aspek kesihatan sahaja, kebersihan sahaja, kena segala aset. Tambah lagi, saya tidak hendak *greater* hanya di KL. Saya hendak syorkan semua bandar – Sabah, Sarawak, Semenanjung semua jadi *greater* bandar. Tidak mahu lagi jelik, kotor, busuk, hapak dan macam-macam lagi.

Saya juga hendak bangkit tentang peruntukan Ahli Dewan Negara. Peruntukan kita diberi RM200 sahaja untuk tiga tahun. Setahun tidak sampai RM100,000.

Tuan Yang di-Pertua: RM200,000 Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: RM200,000 untuk tiga tahun Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Jadi kita hendak buat apa? Ahli-ahli Parlimen (Ahli Dewan Rakyat) diberi RM1 juta dan baru-baru ini ditambah lagi RM500,000 jadi RM1.5 juta. Sedangkan, tugas kita sama. Maksud sama saya ialah kalau tidak ada senator, tidak ada Ahli Dewan Negara, bolehkah bil-bil diluluskan, boleh? Tidak boleh. Betul?... Jadi jangan pandang Ahli Dewan Negara *second class*. Kita namanya *Upper House*, dia *Lower House*. Mana lebih tinggi, betul? Jadi, rasional.

Saya minta sembah, minta tolong, minta ihsan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, yang kita cintai supaya tambahlah sekurang-kurangnya satu tahun RM200,000, jadi tiga tahun – RM600,000. Satu tahun – RM200,000, setuju?

Beberapa Ahli: Setuju!

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tepuk sikitlah! Aduh!... [*Tepuk*] Sekarang saya ada baca ekonomi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tujuh minit Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya kalah hari ini. Terima kasih. Saya hendak tahu mengenai k-ekonomi. Macam mana k-ekonomi negara? Sekarang Melayu punya k (kek) – 80 peratus, Cina lebih daripada 50 peratus, India kira-kira 10 peratus sedangkan kita banyak. Jadi kalau Dasar Ekonomi Baru gagal, sementelah Dasar Ekonomi Baru itu ada 30 peratus tidak tercapai, sekarang kita lihat yang baru lagi – Model Ekonomi Baru. Dalam Model Ekonomi Baru, tidak sebut pun 30 peratus. Macam mana kita hendak capai sedangkan kita yang sudah sebut pun dalam Dasar Ekonomi Baru tidak capai? Bukan setahun, bukan sepuluh tahun, lebih daripada 30 tahun.

Semenjak Mei 1969 dan pada tahun 1970 dilancarkan, sampai sekarang – YB Datuk Rahim betul, sudah lebih 30 tahun tetapi sampai sekarang pun tidak jaya. Orang Cina, orang India jangan pandang jahat pada saya. Saya hendak syorkan, kalau ekonomi tempang, kalau jurang kemiskinan ketara, kalau ekonomi tidak seimbang, percayalah, keamanan tidak akan tercapai. Huru-hara akan berlaku. Jadi dalam menuju Wawasan 2020, k-ekonomi kena bagi seadil-adilnya. Tidak hanya lihat dan dengar sahaja. Sudahlah

Kementerian Keusahawanan dibatalkan, dimansuhkan untuk menolong bumiputera. Jadi satu lagi malapetaka.

Jadi saya minta – masa panjang lagi untuk sampai tahun 2020 – dikaji dengan teliti supaya k-ekonomi ini diadakan betul-betul. Saya dalam ekonomi – saya minta bukan sahaja Melayu, tetapi termasuk juga Cina, India yang miskin kena tolong. Termasuk orang Semang, Semalai, Senoi, Iban, Kadazan, Bidayuh yang miskin, kena tolong.

Tuan Yang di-Pertua: Penan, Penan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Penan juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang kakak... [Ketawa] Jadi, k-ekonomi ini kena adil, dasar kena perincian lagi.

Lagi saya hendak cakap lagi tentang pembangunan koridor. Pembangunan koridor ada tiga wilayah. Pertama, Wilayah Pembangunan Iskandar. Kedua, Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Ketiga, Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Apa yang berlaku sekarang, sangat sedikit pembangunan yang dimulakan kecuali kelihatan banyak di Wilayah Pembangunan Iskandar yang saya – Yang Berhormat orang Johor, betul?... [Merujuk kepada salah seorang Ahli] Itu pun Singapura tolong.

Koridor Utara siapa tolong sekarang? Tidak ada siapa tolong. Pantai Timur siapa tolong? Tiada siapa tolong. Pembangkang pun tidak tolong. Jadi sekarang kita lihat tanah rizab Melayu ini banyak. Contoh di pembangunan koridor selatan, tanah rizab ada lebih kurang 14.9 juta hektar. Di Utara ada tanah rizab Melayu – 1.78 juta hektar. Di Timur campur semua negeri – Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan, ada 21 juta hektar. Campur semua sekali, ada lebih kurang 36 juta hektar rizab Melayu.

■1610

Akan tetapi pembangunan amat sedikit, saya minta! Saya minta dan menyeru supaya kerajaan tumpukan ini betul-betul. Tiga-tiga kerja ini betul-betul tumpu. Pembangunan tidak akan rasa selamat sekiranya Pantai Barat sahaja seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Penang maju. Akan tetapi sepatah kata Dato' Rashid, jalur timur. Pekan ini, pekan yang pertama, kalau boleh - bukan kalau lagi, mesti boleh dan seimbanglah, adillah, ada...

Tuan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat, gulung. Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ...Adillah – hendak gulung. Satu lagi perkara. Baru-baru ini kita tengok *Little India* di Brickfields, kerajaan bagi berjuta-juta. Sudah ada *Little India*, baguslah. Saya bukan cemburu. Tidak lama dahulu ada *China Town*. Baguslah, saya bukan cemburu. Akan tetapi di manakah *Big Malay Town*? Tidak ada. Tidak ada!

Ini kerana bercakap tentang keadilan, tentang wajah! Tidak perlu *Little India*. Tidak Perlu *China Town*. Yang perlu 1Malaysia. Betul?... Betul! Jadi, kalau hendak ada *Little India*, hendak ada *China Town*, ke mana etnik lain? Buatlah! Buatlah *Big Malay*, *Big Kadazan*, *Little Senoi*. Saya fikir kalau ini dibuat, ia bukan merapatkan lagi kaum sebaliknya mencetuskan rasa tidak puas hati. Saya faham *Little India* hendak tarik orang pelancong ke mari. *China Town* hendak tarik pelancong ke mari. Saya rasa tidak perlu *Little India* atau *China Town*. Sudah cukup dengan penduduk India. Sudah cukup dengan penduduk Cina yang hidup aman damai. Kalau hendak bagi *Little India*, kalau hendak bagi *China Town* tubuhlah *Big Malay*, atau *Little Malay*. Baru adil...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cukup. Terima kasih, saya berterima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya sokong penuh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Inilah rupanya Datuk Abdul Rahman Bakar. Dalam keadaan begitu pun hebat. Kalau beliau betul-betul agaknya, betul-betul sihat tuantuan sedia maklumlah. Walau bagaimanapun Yang Berhormat seterusnya kita

mempersilakan tanpa membuang masa kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Dipersilakan.

4.14 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ruang yang diberi kepada saya bagi membahaskan satu perkara yang amat penting bagi negara dalam merencanakan hala tuju pembangunan ekonomi negara, bagi tempoh lima tahun akan datang.

Pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Razak pada 10 Jun di Dewan Rakyat dan Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed bin Yackop dalam Dewan yang mulia ini, adalah satu kesinambungan dasar-dasar kerajaan untuk memastikan negara sentiasa berada di landasan walaupun menghadapi pelbagai cabaran yang tidak menentu di peringkat global, serantau dan domestik.

Kalau kita lihat sejarah lalu, transformasi Malaysia dari sebuah negara yang berpendapatan rendah kepada sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi, adalah satu kejayaan yang amat membanggakan, pada masa dulu antara sebelum merdeka sehingga pada era 1990-an. Bagaimanapun kejayaan dulu tidak semestinya memberi jaminan buat selama-lamanya, terutama dalam konteks negara Malaysia sekarang yang menyasarkan menjadi sebuah negara maju.

Hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Program Transformasi Negara sejak lebih setahun lalu di bawah kepimpinannya, memerlukan satu lonjakan deras bagi mencapai status berpendapatan tinggi. Malaysia perlu mengekalkan pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya 7 peratus setahun bagi mencapai sasaran pendapatan per kapita rakyat sebanyak USD17000 menjelang tahun 2020, mengikut Model Baru Ekonomi atau MBE. Sasaran sedemikian adalah satu cabaran yang perlu dihadapi memandangkan kadar pertumbuhan ekonomi bagi tempoh RMK-9 adalah hanya 4.2 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menyentuh empat perkara spesifik yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Pertama, ialah topik yang amat hangat diperbincangkan iaitu pembangunan Kampong Bharu iaitu sebagai tambahan kepada penerangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada pagi Isnin yang lalu. Perdana Menteri menyebut Kampong Baru merupakan aset bumiputera yang berharga di tengah-tengah pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Kampong Bharu perlu dibangunkan semula supaya pemilik tanah dapat merealisasikan nilai sebenar hartanah mereka tanpa menjejaskan kedudukan orang Melayu sebagai pemegang asal tanah-tanah di kawasan itu.

Mengikut sejarah apabila ibu negeri Selangor ditukar daripada Klang ke Kuala Lumpur dalam tahun 1880, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah memerintah tapak Kampong Bharu sekarang dijadikan kawasan penduduk Melayu dan ianya digazet pada 12 Januari tahun 1900.

Sekarang selepas lebih 100 tahun, sementara kawasan yang berhampiran telah di bangun begitu pesat dengan bangunan-bangunan pencakar langit dan harga tanah dan bangunan meningkat lebih daripada RM1000 sekaki persegi, Kampong Bharu masih dipenuhi dengan gerai-gerai makanan dan harga tanah, empat atau lima kali ganda lebih rendah daripada harga sekitar kawasan yang sama.

Pada pendapat saya, ada tiga sebab utama yang telah menyebabkan mengapa Kampong Bharu tidak dapat dibangunkan iaitu:

- (i) tanah-tanah di dalam kawasan Kampong Bharu yang berjumlah 874 semuanya adalah terlampau kecil (lebih kurang 10,000 kaki per segi purata) untuk dibina dengan secara satu lot-satu lot. Lagi pula tiap-tiap satu lot mempunyai banyak tuan empunya, purata empat hingga sepuluh orang, kadang-kadang 40 orang;

- (ii) ketiadaan modal untuk membuat pembangunan; dan
- (iii) undang-undang yang tidak membenarkan bukan sahaja untuk menjual kepada orang bukan Melayu, akan tetapi melarang orang-orang bukan Melayu menyewa atau mendiami dalam kawasan Kampong Bharu. Maknanya tidak boleh buat internasional hotel.

■1620

Untuk mengatasi masalah ini tindakan berikut saya cadangkan. Pertama, untuk mencapai kejayaan penglibatan kerajaan adalah amat perlu. Dalam hal ini penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang dicadangkan oleh kerajaan untuk merancang dan membangunkan Kampong Bharu amatlah dialu-alukan.

Kedua, selepas membuat kajian teknikal yang perlu termasuk menyiapkan pelan induk, pembinaan mesti dimulakan dengan mengenal pasti satu kawasan pusat ataupun dengan izin *central core area* seluas katakan 10 ekar. Untuk permulaan dan memastikan kejayaan beberapa pejabat kerajaan dicadangkan untuk ditempatkan di bangunan-bangunan yang dibina bersama dengan pejabat GLC dan ibu pejabat serta cawangan bank-bank terkemuka. Sewa yang berpatutan akan dikenakan kepada penyewa-penyewa dan ini sepatutnya mendapat pulangan di antara 7-12 peratus. Pulangan seumpama ini akan memberikan justifikasi untuk agensi-agensi kerajaan serta syarikat GLC seperti PNB, Tabung Haji, LTAT dan Sime Darby melabur dalam projek yang dirancang.

Dengan pembinaan *central core* ini ianya akan mendorong pembinaan tanah di sekitar dan saya cukup yakin perkembangan pesat akan berlaku dan harga pasaran tanah di Kampong Bharu akan naik sejajar dengan harga tanah di sekitar.

Dari segi kewangan cara yang sesuai ialah menubuh syarikat atau *trust* di mana tuan-tuan empunya menjadi pemegang saham dan harga nilai tanah menjadi saham. Jika perlu dan dikehendaki tuan-tuan tanah boleh menerima setengah wang tunai sebagai pembayaran dan setengah lagi dalam bentuk saham. Agensi-agensi seperti PNB, PHB, Tabung Haji dan sebagainya boleh dijemput untuk menjadi pemegang saham dan mereka akan mendapat pulangan yang berpatutan yang boleh memberi justifikasi untuk membuat pelaburan.

Jika cadangan-cadangan tersebut dilaksanakan soal menjual tanah atau bangunan kepada orang bukan Melayu tidak timbul. Walau bagaimanapun, saya berpendapat undang-undang untuk membenarkan bangunan-bangunan diberi sewa dan diduduki oleh orang-orang bukan Melayu atau syarikat antarabangsa amatlah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada soal memperkasakan agenda pembangunan bumiputera terutama soal pemilikan ekuiti bumiputera yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib cukup jelas jadikan sebagai agenda besar kerajaan dalam RMKe-10.

Isu pembangunan ekonomi bumiputera bukan satu perkara yang baru. Pencapaian 30 peratus yang disasarkan oleh Dasar Ekonomi Baru tidak tercapai bukan disebabkan oleh perancangan yang lemah tetapi pelaksanaan yang kurang utuh dikikis lagi oleh ketiadaan usaha pemantauan yang efektif. Sudah banyak perbahasan dan forum-forum mengenai kuasa atau hak ekonomi bumiputera yang didengari tetapi kesemuanya adalah omong-omong kosong sekadar melepaskan batu di tangga sehingga pemimpin-pemimpin dan kaum bumiputera sendiri berani menampilkan diri dan redah dengan cecal dalam menghadapi cabaran ini.

Cadangan-cadangan strategi dan mekanisme untuk mengukuhkan status bumiputera yang terdahulu telah diatur dengan baik dan rapi cuma mekanisme tersebut tidak menghasilkan keputusan yang diharapkan. Sudah ada badan-badan dan organisasi yang besar untuk membantu isu hak dan kuasa ekonomi bumiputera dalam hal ehwal pemilikan hartanah. Beberapa organisasi telah dipilih untuk melaksana misi di dalam hal ini dan kesemuanya mempunyai modal dan sumber-sumber mencukupi tetapi masih belum berjaya sehingga kini. Soalnya kenapa? Di sini saya memberikan satu contoh kegagalan

sebagai pengajaran supaya boleh dilakukan agar usaha akan datang lebih efektif dan berjaya.

Contohnya UDA. Antara matlamat UDA ditubuhkan ialah untuk menambah baik kedudukan pegangan hartanah bumiputera di dalam kawasan bandar. Akan tetapi UDA dengan menggunakan kedudukannya sebagai organisasi kerajaan telah berjaya mengumpul hak milik hartanah di kawasan bandar hanya untuk diswastakan lantas tersisih daripada objektif penubuhannya. *Alhamdulillah* UDA sekarang telah kembali menjadi milik kerajaan dan adalah diharapkan bahawa ia akan meneruskan usaha-usaha untuk mencapai matlamat asal untuk kepentingan bumiputera keseluruhannya dan bukannya untuk segelintir kumpulan sahaja.

Jika dianalisis contoh yang saya nyatakan di sini ada tiga kelemahan yang harus ditangani dengan segera.

- (i) kealpaan barisan pemimpin syarikat atau agensi memastikan objektif penubuhan asal dikekalkan seperti yang berlaku di UDA;
- (ii) kelemahan pihak pengurusan dan ketiadaan lapisan para eksekutif yang ikhlas dan komited kepada aspek kepentingan bumiputera di dalam Dasar Ekonomi Baru atau sekarang Model Baru Ekonomi; dan
- (iii) ketiadaan pemantauan dan penguatkuasaan. Dalam hal ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menubuhkan satu majlis peringkat tertinggi untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan agenda pembangunan bumiputera yang di pengkerusinya sendiri. Adalah diharapkan bahkan saya pasti bahawa di antara tugas majlis ini adalah untuk memantau organisasi-organisasi yang ditubuh supaya tidak dengan izin di *hijack* di tengah jalan.

Tuan Yang di-Pertua, topik yang ketiga ialah berhubung dengan kepentingan perumahan negara seperti yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Rakyat Malaysia sudah pun mengetahui bahawa akses kepada perumahan berkualiti dan mampu milik adalah antara agenda utama dalam RMKe-10. Kita semua tahu salah satu objektif pembangunan negara adalah menyediakan perumahan mampu milik terutama untuk golongan berpendapatan rendah. Berdasarkan statistik dari tahun 1990 hingga tahun 2009, sejumlah 800,000 unit rumah kos rendah telah dibina untuk menampung keperluan rakyat Malaysia. Dalam RMKe-9 sendiri sebanyak 128,000 unit telah dibina.

Bagi RMKe-10 ini kerajaan telah bercadang untuk membina sebanyak 78,000 unit rumah mampu milik. Berdasarkan pemahaman saya perumahan awam kos rendah akan disediakan kepada individu dan keluarga yang layak dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500 sebulan. Kita mengalu-alukan langkah kerajaan tetapi kita juga perlu melihat kepada mereka yang berpendapatan sederhana rendah dan menengah rendah iaitu yang mempunyai pendapatan isi rumah lebih daripada RM2,500 sebulan dan kurang daripada RM4,000 sebulan yang sebahagian besar boleh dikategorikan sebagai golongan yang masih tidak berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri. Seharusnya rumah mampu milik berharga antara RM35,000 hingga RM42,000 tidak menjadi masalah.

■1630

Akan tetapi kerajaan juga harus membela rumah berharga sederhana sekitar harga RM100,000 seunit untuk golongan berpendapatan sederhana seperti mana yang saya sebutkan tadi. Di dalam hal ini, saya ingin mengesyorkan setiap projek perumahan yang biasanya memerlukan 30 peratus peruntukan perumahan kepada rumah kos rendah supaya ditukarkan di kawasan-kawasan yang tertentu dan sesuai menjadi 20 peratus perumahan kos rendah dan 10 peratus bagi perumahan kos sederhana iaitu kurang daripada RM100,000.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin ingin tahu bahawa jika seseorang mahu meminjam RM200,000 untuk membeli rumah, pembayaran sebulan ialah lebih kurang

RM1,200. Jika pendapatannya hanya RM2,500 sebulan, hampir 50 peratus dihabiskan untuk membayar ansuran rumah. Mana lagi perbelanjaan harian anak-anak sekolah, minyak, minyak kereta, dan sebagainya. Saya juga ingin kepastian dan satu jaminan bahawa agensi persekutuan seperti yang dicadangkan kerajaan bagi dipertanggungjawabkan untuk menyusun semula penyediaan perumahan awam perlulah mempunyai anggota yang benar-benar telus, berintegriti, dan berwibawa. Kita tidak mahu adanya rakyat tercicir apatah lagi mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mahu menyentuh berhubung dengan khazanah kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasrat untuk *unlock*, dengan izin, potensi hartanah milik kerajaan di mana pihak kerajaan boleh menjadikan hartanah ini sebagai satu sumber strategik bagi melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara. Tanah seluas 3,335 ekar di Sungai Buluh telah dikenal pasti untuk dibangunkan oleh KWSP dan dianggarkan akan dapat menarik pelaburan berjumlah RM5 bilion. Potensi pendapatan di sini boleh dianggarkan sebanyak RM15 bilion. Di Sungai Besi pula, tanah seluas 400 ekar telah dikenal pasti untuk dibangunkan oleh 1 MDB yang merangkumi bangunan-bangunan pejabat, perniagaan, dan perumahan yang berprestij tinggi.

Saya pasti kerajaan ada tanah lain yang strategik di seluruh negara terutamanya di Lembah Klang. Sebagai contoh, jika kita bersiar di Bukit Damansara dan Jalan Duta pun, didapati ada rumah-rumah kerajaan dalam keadaan usang dan terabai termasuk untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebuah rumah yang dilabelkan sebagai Rumah Kelab Senator. Rumah ini terletak di atas lubang emas yang berharga sehingga RM500 sekaki persegi. Justeru, saya cadangkan kerajaan mewujudkan satu pangkalan data berpusat yang berfungsi sebagai daftar aset hartanah kerajaan yang komprehensif dan terkini, lengkap dengan maklumat seperti saiz tanah dan bangunan, nilai pasaran semasa, potensi, kegunaan semasa hartanah, dan potensi pembangunan. Dengan adanya daftar aset ini, tanah-tanah yang terabai dapat dikenal pasti dan boleh dicadang untuk pembangunan bagi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, daftar aset seumpama ini, akan membolehkan pihak kerajaan menilai dan membuat keputusan dengan cepat dan tepat. Kerajaan juga harus memikirkan semula mengenai pengurusan bangunan-bangunan kerajaan supaya khazanah kepunyaan rakyat dijaga dan diselenggarakan dengan sempurna. Di dalam hal ini, kerajaan nampaknya di masa yang lepas menyediakan bajet yang mencukupi untuk membina sesuatu fasiliti tetapi tidak menitikberatkan atau menyediakan perbelanjaan yang mencukupi untuk menjaga dan menyenggara bangunan-bangunan ini.

Oleh sebab itulah, pernah didengari atap roboh di MECD Putrajaya, syiling bocor di Kompleks Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, dan syiling bocor di bangunan Parlimen sendiri. Dalam hal ini, saya mencadangkan tiga perkara penting:

- (i) apabila merancang sesuatu pembinaan, isu-isu, dan kos penyelenggaraan mesti ditekankan semasa perancangan;
- (ii) bangunan yang dibina mestilah diselenggarakan oleh kakitangan berkeelayakan. Di jabatan kerajaan pada masa ini, kakitangan yang kompeten untuk tugas ini adalah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Gunakanlah tenaga-tenaga mereka untuk pengurusan bangunan-bangunan kerajaan; dan
- (iii) jika tenaga swasta dikehendaki, pastikan syarikat-syarikat yang dilantik berdaftar dengan Lembaga Penilaian, Pentafsir dan Ejen Hartanah yang diberi kuasa oleh Parlimen untuk mendaftar pengurus harta yang bertauliah.

Dengan itu, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah pun mengeluarkan hujah-hujah yang begitu bernas dan begitu baik. Saya harap kementerian berkenaan mengambil kira. Ini kerana Yang Berhormat adalah seorang profesional dalam bidang yang berkenaan. Tanpa membuang masa, saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

4.36 ptg.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan izinnya saya dapat turut sama dalam perbahasan RMKe-10 hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri yang telah mengemukakan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang komprehensif dan menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat serta dalam masa yang sama mampu memacu negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi melibatkan peruntukan RM12,030 bilion bagi tempah tahun 2011 dan hingga 2015.

Bertemakan Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial, rancangan lima tahun ini dirangka begitu teliti dengan pelbagai pendekatan baru dan perjalanan menuju ekonomi berpendapatan tinggi sesuai dengan Model Ekonomi Baru yang diperkenalkan 30 Mac yang lalu. Analisa pecahan peruntukan dalam RMKe-10 ini menyeluruh dan *inclusive* mengikut kadar iaitu 55 peratus untuk sektor ekonomi, sosial 30 peratus, keselamatan 10 peratus, dan pentadbiran 5 peratus. Dalam hubungan ini, kerajaan akan menggerakkan sektor swasta bagi melonjakkan kerancakan aktiviti pelaburan yang diterajui pelajar swasta di samping meningkatkan perkongsian pintar dan berkesan antara sektor awam dan sektor swasta sebagai mekanisme penggerak agenda ekonomi.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang keadilan sosial. Saya ingin menyentuh Teras Strategik Ketiga iaitu pembangunan sosioekonomi secara *inclusive* dengan meneruskan keadilan sosial. Kerajaan bertekad dan memperhebatkan dasar-dasar yang mengutamakan keadilan sosial sama ada di kampung, pedalaman, estet, dan Kampung Baru Cina. RMKe-10 ini memberikan fokus kepada usaha meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup. Majoriti penduduk luar bandar yang tinggal di kampung tradisional berpendapatan kurang dari RM1,500 sebulan. Jumlah ini merangkumi 40 peratus daripada penduduk negara. Kerajaan berhasrat meningkatkan pendapatan keluarga di luar bandar dan bandar dari RM1,500 sebulan kepada lebih RM2,000 sebulan.

■1640

Apabila RMKe-10 berakhir sebagai prasyarat menuju negara maju tahun 2020, matlamat ini mungkin mudah dicapai untuk penduduk bandar iaitu melalui peningkatan gaji yang sejajar dengan produktiviti. Akan tetapi, ianya agak sukar bagi penduduk luar bandar yang memerlukan perubahan sikap, keyakinan diri dan peningkatan pengeluaran sedangkan faktor-faktor pengeluaran yang terhad seperti pemilikan tanah, modal, tenaga kerja dan teknologi.

Dalam konteks pembangunan luar bandar, RMKe-10 perlu menumpukan kumpulan sasar bukan sekadar strategik sahaja. Dalam hubungan ini saya amat bersetuju dengan usaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang menggubal Model Ekonomi Baru Desa sebagai rancangan bagi menjana peningkatan pendapatan keluarga luar bandar kepada melebihi RM1,500 sebulan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah perancangan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup penduduk luar bandar dalam RMKe-10 ini khususnya aktiviti yang menjuruskan kepada pencapaian negara maju.

Dalam pembangunan luar bandar ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memainkan peranan penting dalam meningkatkan pendapatan petani. Masalah yang dihadapi ialah faktor-faktor pengeluaran yang terhad seperti tanah, modal kerja dan lain-lain. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah yang diatur oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam meningkatkan pendapatan luar bandar khususnya petani, pesawah dan pekebun getah dan sawit serta nelayan?

Adakah kementerian bercadang memperkenalkan aktiviti tanaman bukan kekal seperti belimbing besi, jambu dan nangka sebagai tanaman alternatif yang menjanjikan pendapatan yang lumayan tetapi memerlukan kemahiran yang tinggi dari segi pengeluaran dan pemasaran? Apakah langkah yang diambil kerajaan bagi menjadikan generasi kedua

dalam sektor pertanian aktif seperti menceburkan diri dalam pemasaran hasil pertanian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menyentuh tentang keusahawanan wanita. Semasa pembentangan RMKe-10, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak menyatakan kerajaan akan mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan penyertaan wanita di pelbagai peringkat dalam sektor awam, swasta termasuk bidang keusahawanan. Sumbangan wanita dalam menjana ekonomi keluarga dan negara tidak dinafikan kehebatannya. Akan tetapi, masalah gender masih menebal di kalangan pengurusan syarikat. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung perkara berikut:

- (i) sejauh manakah kerjasama antara Jabatan Pembangunan Wanita dan institusi lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia bagi mencapai sasaran melahirkan lebih ramai wanita dalam bidang keusahawanan menjelang tahun 2012; dan
- (ii) adakah kerajaan bercadang mengkaji undang-undang dan peraturan berkaitan sedia ada akan disesuaikan bagi mendorong penyertaan lebih besar daripada wanita.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan lebih ramai wanita Malaysia dalam bidang usahawan adalah amat baik dan tidak mendatangkan persaingan antara satu sama lain kerana bidang yang diceburi berlainan. Hasrat kerajaan untuk menambahkan lebih ramai penyertaan usahawan wanita menjelang tahun 2012 bukanlah mustahil kerana pada masa ini usahawan yang berdaftar dengan beberapa pertubuhan atau persatuan di negara ini khususnya berkaitan dengan usahawan sudah pun berjumlah lebih 20,000 orang termasuk ahli perniagaan wanita yang kini berjumlah lebih 1,000 keahliannya.

Usahawan wanita mempunyai banyak idea dan kepakaran dalam membuka perniagaan tetapi yang kurang ialah kekurangan modal atau dana untuk memulakan perniagaan. Antara Ogos 1999 hingga 30 April 2008, sebanyak 1,166 kelulusan pinjaman bernilai RM90.45 juta diberikan kepada usahawan wanita. Begitu pun dari jumlah itu, hanya 385 pinjaman bernilai RM9.44 juta diluluskan untuk usahawan wanita memulakan perniagaan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar dana khas untuk usahawan wanita disediakan bagi memulakan perniagaan khususnya dalam bidang perkhidmatan dan pengeluaran kerana perkembangan kedua-dua sektor berkenaan begitu menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh pembangunan ekonomi wilayah walaupun telah disebutkan tadi oleh Dato' Rashid dan Datuk Rahman Bakar tetapi tidak secara menyeluruh. Dalam tempoh RMK-9, kerajaan telah memperkenalkan insentif untuk menggalakkan pembangunan wilayah yang seimbang dan mempercepatkan pertumbuhan di kawasan terpilih. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mewujudkan koridor pembangunan sebagai satu gagasan bagi membangunkan negara secara seimbang supaya tidak ada kawasan yang ketinggalan sama ada dari segi ekonomi mahupun sosial serta pembangunan fizikal.

Dalam RMKe-10, pembangunan ekonomi wilayah akan dipercepatkan dengan memberi tumpuan membangunkan sebilangan yang berkepadatan tinggi di koridor yang mempunyai kelebihan dari segi sektor dan geografi. Kerajaan telah memperuntukkan RM2 bilion bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan koridor. Sebanyak RM1.3 bilion atau 75 peratus telah dibelanjakan dalam RMK-9. Baki RM700 juta akan digunakan bagi melaksanakan 25 peratus projek yang belum siap pada RMKe-10.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan wilayah, saya ingin menyentuh tentang Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang meliputi negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Daerah Mersing di Johor. Pelan pembangunan ECER akan memberikan tumpuan kepada sektor pelancongan, minyak, gas dan industri petrol kimia, pertanian dan pendidikan. Dalam RMKe-10 ini, tumpuan diberi kepada enam nod yang telah dikenal pasti iaitu zon ekonomi khas termasuklah Segi Tiga Bandaraya Kuala Terengganu, Kenyir, Dungun. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung dengan

projek-projek yang telah dirancang bagi Segi Tiga Bandaraya, Kuala Terengganu, Kenyir, Dungun seperti berikut:

- (i) apakah kemajuan projek-projek ekonomi, sosial dan infrastruktur yang telah dirancang dan dilaksanakan serta nilainya;
- (ii) apakah impak dan kesan terus kepada penduduk dalam segi tiga ini khususnya dalam peningkatan pendapatan dan kualiti hidup; dan
- (iii) bilangan peluang pekerjaan yang telah dapat diwujudkan dan jangkaan yang bakal diwujudkan.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Terengganu adalah strategik sebagai gerbang utama pelancongan ke ECER. Terengganu juga menawarkan pelbagai tarikan pelancongan yang beraneka lagi unik, seperti pelancongan persisiran pantai seperti di Rantau Abang, pelancongan pulau seperti Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Tenggol, juga ekopelancongan, pelancongan bandar dan pelancongan budaya dan warisan teristimewa. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah perancangan bagi sektor pelancongan di kawasan segi tiga ECER Terengganu dalam RMKe-10 ini?

Berhubung dengan sektor pelancongan ini, saya ingin membangkitkan tentang peranan besar Kementerian Pelancongan membangunkan, memajukan dan menggalakkan pelancongan domestik, termasuklah penyediaan penginapan yang sesuai pelancongan domestik. Saya berharap dalam RMKe-10 ini, Kementerian Pelancongan akan menyediakan peruntukan bagi membantu pengusaha chalet kecil yang kurang 10 bilik atau hotel yang mempunyai kurang 30 bilik. Banyak pengusaha-penguasa kecil sepanjang persisiran pantai Terengganu seperti di Rantau Abang, dan Pahang seperti Cherating, dan juga Kelantan yang memerlukan bantuan langsung dari kementerian.

Saya juga menyeru agar Kementerian Pelancongan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam meningkatkan kemudahan dan prasarana chalet-chalet milik PBT meningkatkan pelancongan domestik. Oleh itu saya memohon Kementerian Pelancongan meluluskan seperti permohonan Majlis Perbandaran Dungun membaik pulih dan menaik taraf chalet milik Majlis Perbandaran Dungun di Rantau Abang, Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, selain sektor pelancongan Terengganu sudah sedia maklum sebagai hab industri minyak, gas dan petrokimia yang utama di wilayah ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan kemajuan cadangan penubuhan Taman Polimer Kerteh dan pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan dalam kawasan petrokimia di Kerteh. Selain itu, apakah kemajuan projek ternakan dan pertanian dalam kawasan ECER Terengganu? Saya berharap kerajaan akan mempergiatkan usaha ekonomi, sosial dan infrastruktur bagi kawasan ECER Terengganu dalam RMKe-10 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang cadangan pembinaan Hospital Daerah Dungun yang telah diluluskan dalam RMKe-9, tetapi terpaksa ditangguhkan kepada RMKe-10. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan di dalam Dewan yang mulia ini, beliau menyatakan Hospital Daerah Dungun akan dibina mengandungi 120 katil dengan perbelanjaan RM180 juta melalui pembiayaan PFI. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sama ada Hospital Daerah Dungun ini merupakan sembilan hospital yang dicadangkan untuk dibina dalam RMKe-10?

Seterusnya, apakah tindakan dan langkah segera yang diambil kerajaan bagi mengatasi masalah infrastruktur dan prasarana Hospital Daerah Dungun seperti ruang untuk pesakit luar, katil pesakit dan sebagainya serta kekurangan doktor. Ini supaya perkhidmatan kesihatan yang bermutu dapat disediakan memandangkan perkembangan bandar Dungun yang pesat setelah menjadi majlis perbandaran pada bulan Mei 2009. Saya bersetuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar mengenai kemudahan hospital di kerajaan perlu diperbaiki.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang cadangan pembinaan MRSM di Dungun, Terengganu yang telah tertangguh beberapa lama. Sedangkan kerajaan negeri telah pun menyediakan tanah bagi pembinaan MRSM Dungun

berkenaan. Pembinaan MRSM ini akan menjadi pelengkap kepada daerah Dungun yang menjadi hab pendidikan negeri. Ini kerana di Dungun telah pun ada UiTM, politeknik, sekolah menengah teknik, sekolah menengah sains, sekolah menengah *Imtiaz* dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Abang. Pembinaan MRSM di Dungun amat bermakna sebagai mercu pendidikan cemerlang bumiputera. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada MARA bercadang meneruskan projek pembinaan MRSM Dungun ini dalam RMKe-10 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang perpaduan ummah. Akhirnya saya ingin menyentuh saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang di akhir ucapannya semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Beliau mengajak semua rakyat bersatu sebagai satu pasukan untuk merealisasikan, mewujudkan sebuah negara Malaysia yang maju dengan rakyat berpendapatan tinggi. Setiap etnik di bumi Malaysia ini saling menyumbang kepada pembangunan negara Malaysia. Perpaduan antara etnik amat penting bagi memastikan keamanan dan keharmonian negara. Sehubungan dengan itu, perpaduan sesama umat Islam juga amatlah penting diperkasakan dan diperkukuhkan sebagai tunjang pentadbiran negara. Kemajuan yang dicapai negara dalam pelbagai bidang seperti ekonomi dan infrastruktur ketika ini adalah hasil perpaduan. Orang Islam perlu bersatu dan menjadi kuat untuk mempertahankan perlembagaan.

Tiga teras utama yang perlu dipertahankan adalah, pertama - Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, institusi Raja-Raja dan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Perpecahan umat Islam di negara ini akan akhirnya merugikan umat Islam sendiri. Pemimpin Islam yang juga orang Melayu perlu kembali kepada paksi perjuangan untuk agama dan bangsa. Keutamaan dalam perjuangan ini adalah agama dahulu, dan agama tidak menyuruh kita membenci sesama umat Islam bahkan kasih mengasih sesama kita.

Sebagai pemimpin Melayu dan beragama Islam, sepatutnya kita telah mendapat pengajaran daripada Perang Jamal iaitu peperangan antara Sayidina Ali bin Abi Thalib yang merupakan sepupu, menantu Rasulullah SAW, dan *Khulafa al-Rasyidin* dengan *Ummul Mukminin* Aisyah binti Abu Bakar - satu peperangan yang menyayat hati dan tidak pernah terduga. Saya menyeru semua pemimpin Melayu bersatu sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud, "*Sesungguhnya umat Islam itu bersaudara.*"

Marilah kita sesama Islam bertaut kembali dalam silaturahim Islam, ibarat pepatah, "air di cincang tidak akan putus". Saya percaya Rancangan Malaysia Kesepuluh ini adalah asas bagi membangunkan negara Malaysia secara seimbang dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya. Dengan menjadikan perpaduan sebagai landasan bagi memacu negara selari dengan semangat 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī.

4.59 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Ini kerana membenarkan saya untuk sama membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Satu bentuk pelan pentadbiran dan pengarah jelas dalam tindakan yang boleh difahami perlu dipacu oleh kerajaan. Perkara yang penting - satu arahan itu, bahasa yang difahami dan kandungannya yang boleh dihayati. Ini adalah perlu untuk kita mencapai negara makmur, kerana dalam kita menjalankan tugas kesejahteraan dunia dan kesejahteraan akhirat.

Terdapat lima paksi kesejahteraan dan kemakmuran negara sebagaimana yang telah diberitahu oleh Rasulullah SAW. Dalam mentadbir alam ini, bagi Rasulullah SAW telah menggariskan lima paksi kesejahteraan dan kemakmuran sesebuah negara untuk kita ikuti dan mempraktikkan. Lima proses tersebut ialah:

- (i) ilmu para cendekiawan (*'ilm al-ulama'*);
- (ii) keadilan pemerintah (*'adl al-umara'*);
- (iii) amanah para pedagang (*amanat al-tujjar*);

- (iv) nasihat para profesional (*nasihat al-muhtarifin*); dan
- (v) amal golongan ahli ibadat (*'ibadat al-'ubbad*).

■1700

Dalam kes ini kita melihat kepada buku yang telah pun dibentangkan kepada kita oleh kerajaan dalam membentangkan RMKe-10 yang kita lihat kebanyakan yang diceritakan di sini tentang perkara-perkara fizikal dan saya dimaklumkan berdasarkan dari buku ini 40 daripada bajet RM230 bilion ditumpukan kepada *non-physical*. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat melihat satu bentuk program yang jelas yang menjelaskan tentang aspek kerohanian, pembinaan jati diri rakyat di negara kita dalam RMKe-10. Kita melihat antara perbezaan antara syarikat-syarikat kecil dan syarikat besar ialah syarikat besar sanggup menghabiskan wang berpuluh-puluh ribu untuk menggaji lembaga pengarah yang baik.

Mereka sanggup menghabiskan berpuluh-puluh ribu untuk menghantar kakitangan mereka ke kursus-kursus motivasi yang baik dan mereka juga sanggup menghantar orang-orang ini untuk mendapat keagamaan yang baik demi memastikan kejayaan sebuah syarikat. Akan tetapi dalam kita menghadapi RMKe-10 kita tidak melihat walaupun di dalam negara kita, agama Islam adalah agama rasmi negara. Kita ada banyak agensi, kita ada JAKIM, kita ada YADIM kita ada pelbagai agensi Islam tetapi dalam konteks RMKe-10 saya gagal untuk melihat apakah perancangan strategik secara sistematik silibus kandungan yang akan diberikan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat kita menjadi rakyat yang bukan hanya memikirkan ekonomi yang bukan hanya memikirkan material tetapi mempunyai ciri-ciri sebagaimana yang telah pun dinyatakan oleh Rasulullah.

Kita melihat bagaimana Umar al-Khattab, Umar ibn Abdul Aziz yang kemudiannya merupakan cucu kepada Umar al-Khattab ini berjaya menaikkan ekonomi negara dalam masa dua tahun setengah berdasarkan kepada lima paksi tadi. Akan tetapi dalam konteks kita melihat RMKe-10 kita tidak melihat amal golongan ahli ibadat ini dijadikan satu prasyarat NKRA, NKEA negara kita dalam mencapai sebuah negara yang maju. Ini merupakan satu kesedihan kepada saya kerana saya sebagai orang Islam.

Kita berbangga dengan jumlah orang Islam kita 64 peratus daripada rakyat Malaysia tetapi apa kualiti yang kita ada? Kualiti ini tidak boleh dibina dengan hanya membina masjid. Kualiti yang tidak boleh dibina hanya dengan universiti tetapi kualiti ini akan boleh dibina kalau kita ada disiplin, kita ada agama dan kita amalkan agama.

Perkara ini saya mohon agar pihak kerajaan dalam menilai apa pun perbahasan yang dibentangkan oleh semua Ahli Dewan Negara untuk memastikan keluaran satu buku jelas bagaimana pelan ini boleh dilaksanakan dan silibus itu kita hendak tengok. Ini kerana tidak cukup, tidak cukup kita gagal dalam RMK sebelum ini, kita gagal dalam Dasar Ekonomi Baru kerana apa kita gagal sedangkan buku yang lebih tebal daripada ini kita dapat keluarkan. Kita lihat hari ini bukti pelajar-pelajar terbaik negara yang dapat 20A, yang dapat 19A, yang dapat 17A semuanya daripada sekolah agama. Jadi ini menunjukkan bahawa kalau dengan kita mengamalkan agama, kita bukan akan menjadi lebih mundur tetapi lebih maju. Kenapa kita gagal untuk melihat perkara ini dan saya minta untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh perkara-perkara ini tolong diberi perhatian, itu yang pertama.

Kedua, berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Oleh kerana negara kita merupakan peneraju kepada Sistem Kewangan Islam, saya pohon daripada pihak kerajaan agar menetapkan seluruh polisi kewangan negara khususnya melibatkan agensi kerajaan dan GLC sepenuhnya mengguna pakai Sistem Kewangan Islam dan Sistem Takaful. Kita tidak mahu lagi dengar sama ada di Dewan Negara mahupun di Dewan Rakyat, menteri-menteri kita menjawab bahawa ada sebahagian pelaburan agensi kerajaan dilaburkan ke tempat-tempat yang haram. Ini merupakan satu penghinaan kepada kita setelah 50 tahun merdeka dan kita merupakan peneraju kepada Sistem Kewangan Islam. Kalau boleh selepas ini seluruh sistem kewangan yang melibatkan agensi kerajaan dan GLC mesti dipastikan sepenuhnya bagi mematuhi aspek-aspek Kewangan Syariah dan juga Sistem Takaful.

Untuk tujuan ini kerana negara kita mempunyai satu teras yang mengatakan kita akan berpandukan kepada NKRA. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, berapakah sasaran Pakar Kewangan Islam yang dimiliki kini dalam maksud mencapai kemakmuran untuk RMKe-10 ini. "Industri *player*" yang benar-benar terdiri daripada pakar perbankan Kewangan Islam, undang-undang Kewangan Islam dan berapa pula sasaran syarikat perbankan dan syarikat perniagaan yang disasarkan oleh kerajaan untuk dipantau sebagai ikon dan *role-model* untuk Ekonomi Islam dan berapa peruntukkan yang telah diperuntukkan dan juga skim galakan yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia bagi memastikan perkara ini menjadi kenyataan.

Berhubung dengan premis kedua memanfaatkan, meluaskan faktor kepelbagaian etnik sebagai satu elemen kejayaan di arena antarabangsa. Saya memohon Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk membentuk satu polisi di peringkat negara di peringkat kebangsaan bagi memastikan semua drama dan filem mewajibkan hanya artis yang bertudung sahaja boleh berlakon sebagai perempuan yang bertudung dalam mana-mana filem. Ini merupakan satu penghinaan kepada orang yang bertudung. Dalam filem ini buka tudung, dalam filem ini pakai tudung. Dalam akhbar, hari ini pakai tudung dalam akhbar esok pakai baju tidak ada lengan. Ini merupakan satu perkara yang cukup 'meng*confusekan*' anak-anak kita yang melihat. Kadang kala saya malu anak saya yang enam tahun tanya ini kenapa tidak pakai tudung semalam pakai? Jadi saya minta polisi ini.

Jangan kita hendak buat kerana fikir material sahaja. Fikir maruah orang lain dan fikir kesan dari segi pendidikan. Ini perkara yang memalukan, saya sudah sebut sebelum ini. Saya minta tolong ambil perhatian. Kalau soal perpaduan kita mahu bincangkan, tolong selesaikan perkara semudah ini. Pastikan hanya artis yang bertudung sahaja boleh berlakon cerita yang bertudung. Kalau tidak, tidak payah. Sama juga artis yang akan melakonkan dalam iklan untuk *billboard*. Perkara ini perkara sama saya minta diberi perhatian.

Begitu juga bila kita keluar negara. Saya hadir baru ini ke Hanoi, Vietnam. Kita dipamerkan dengan pertunjukan persembahan daripada semua negara. Sampai untuk Malaysia mereka meletakkan penari yang bertudung. Pakai baju kurung, pakai baju kebaya, pakai tudung kerana bagi mereka itu imej Malaysia. Tiba saat kita pula ke luar negara bawa delegasi persembahan kita, kita buka tudung. Jadi ini bagi saya satu benda yang cukup 'confused'. Kita kena ingat kita Malaysia 64 peratus Melayu Islam. Kenapa kita harus mempamerkan sebanyak-banyaknya membuka aurat, mendedahkan aurat semata-mata untuk menghiburkan orang lain. Sedangkan bila mereka datang ke Malaysia, pelancong mari ke Malaysia mereka akan melihat kebanyakan daripada kita bertudung. Dalam Dewan ini semua bertudung. Jadi kenapa kita mengamalkan perkara yang berbeza? Ini satu benda yang saya minta sangat Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan perhati, kalau betul-betul hendak memastikan faktor kepelbagaian etnik sebagai satu elemen kejayaan di arena antarabangsa, kekalkan ciri-ciri kemalaysiaan yang sebenar, yang orang boleh lihat bila datang ke Malaysia.

Saya juga setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sebelum ini iaitu membawa penterjemah di peringkat antarabangsa untuk menunjukkan kepada orang lain bahawa ini adalah bahasa ilmu dan juga polisi makanan halal haruslah dijadikan satu kenyataan kerana kita lihat kalau kita menghadiri delegasi-delegasi antarabangsa, makanan halal ini bukanlah satu keutamaan kerana bagi mereka kalau yang bukan khinzir itu semuanya halal.

Jikalau daging ataupun ayam bagi mereka semua halal kerana mereka tidak faham standard yang perlu ada. Saya minta perkara ini dijadikan polisi kerajaan bilamana kita menghantar delegasi kita pastikan negara itu memahami atau kalau mereka tidak memahami kita menyediakan terus tempat-tempat sebegini kerana ini merupakan satu tanda dan kita percaya kalau perkara ini di peringkat ASEAN tidak dihormati, di peringkat antarabangsa lagilah tidak dihormati.

Seterusnya berkaitan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air saya ingin memohon kepada semua kementerian, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air juga Kementerian Sumber Asli memastikan bahawa semua perancangan yang dibuat oleh

kerajaan diterjemahkan ataupun dibuat dalam bahasa Melayu. Semalam kita ada dapat satu buku yang diberi oleh Kementerian Sumber Asli, bukunya sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Perkara ini mungkin untuk orang yang ada kemampuan bahasa Inggeris, perkara ini okey tetapi bagaimana kita hendak terjemahkan teknologi hijau ini di peringkat bawah. Bagaimana kita hendak terjemahkan Biodiversiti ini ke bawah? Perkara ini memerlukan kefahaman dan kefahaman ini memerlukan bahasa ibunda. Tidak ada orang dan tidak ada mana-mana ibu pun boleh berleter kepada anak melainkan dalam bahasa ibunda dia sendiri. Jadi ini perkara yang paling baik yang paling penting kita buat dan saya juga mohon agar sukatan hijau ini perlu dibuat di peringkat pra-sekolah, sekolah, universiti dan masyarakat dan digubal secara komprehensif.

Seterusnya berkaitan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, saya ingin bertanya pada pihak kerajaan berapakah sasaran bilangan koperasi di anggarkan menjelang 2015 dan saya menyarankan agar pendidikan koperasi ini diajar di sekolah sebagai subjek elektif bagi memastikan perkara ini akan menjadi satu kenyataan. Begitu juga dengan kenaikan harga barang asas, saya ingin mendapatkan satu makluman daripada pihak kementerian agar impak kenaikan harga ini perlu dibentangkan kepada Parlimen dan sebarang pengumuman kenaikan mesti juga dibuat dalam masa Parlimen bersidang supaya kita boleh melihat impak dan kita boleh membincangkan perkara ini kerana perkara ini merupakan nasib rakyat. Jadi kita tidak bolehlah buat perkara ini di masa tidak ada (senggang) waktu Parlimen supaya perkara ini kita boleh terus dibincangkan.

Berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri, saya memohon sekarang ini kita melihat satu perubahan besar. Selepas pilihan raya yang kedua belas, politik negara kita ditadbir oleh dua parti politik yang besar dalam Parlimen dan ini merupakan budaya baru yang sihat. Saya mohon agar pihak kerajaan dan juga semua rakyat Malaysia mengambil satu pendekatan baru iaitu mempunyai *mindset* yang menunjukkan kita menerima hakikat yang kita sudah tidak boleh dan tidak seharusnya berundur ke belakang. Bersedialah untuk menerima pembangkang dan kerajaan dalam jumlah yang sama ramai.

Budaya orang bijak pandai dan berfikiran terbuka ialah mereka mesti diberitahu secara benar, segera dan diberikan ruang untuk bersoal jawab dan jawapan mestilah disertakan hujah yang sebenar.

■1710

Kalau ada yang tidak berpuas hati, boleh terus kemukakan kepada pihak *judiciary*, pihak kehakiman, kerana kita mempunyai hakim dan mahkamah. Berikan ruang pertandingan dalam pilihan raya secara sihat dan terbuka. Banyakkan forum dan diskusi terbuka mengenai apa-apa isu yang timbul supaya semua pihak dapat belajar.

Hentikan budaya hanya membuat penafian. Kita mesti belajar mengaku silap kerana orang maju mereka mengaku silap dan mereka *improved*. Layanan adil dan sama rata kepada semua negeri dari sudut perbincangan, mesyuarat, polisi dan peruntukan untuk membolehkan kita bersaing secara sihat dalam mencari kaedah *best practices governance* di Malaysia.

Saya juga memohon agar konsep *federalism* gaya Malaysia dalam RMKe-10 perlu diterjemahkan dengan saksama dari semua aspek. Kemampuan kerajaan untuk melaksanakan keadilan dan kebijakan politik akan meningkatkan lagi semangat kerjasama dan setia kawan kerajaan-kerajaan negeri. Peruntukan kepada kerajaan negeri mestilah diberikan melalui agensi yang sah agar pemantauan oleh kerajaan negeri yang dipilih oleh rakyat melalui proses demokrasi dihormati. Jangan benarkan wujudnya budaya *double standard* dan politik balas dendam. Kerajaan juga diminta untuk berani buat perubahan dan...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: ...Memperkasakan rakyat dalam dasar dan program kerajaan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum

dengan ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan konsep balas dendam – terima pembangkang sebagai mentadbir kerajaan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat cuma pakai konsep kerajaan PAS di Kelantan dan tidak membuka ruang kepada kerajaan negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor yang kita tengok terang-terang ada unsur-unsur mengkhianati atau mengetepikan orang-orang Melayu, bangsa-bangsa Melayu dari segi perumahan, dari segi pentadbiran, dari segi runtuh gerai-gerai, apakah ini Yang Berhormat tidak baca dalam media? Ataupun Yang Berhormat cuma guna konsep apa yang berlaku di negeri Kelantan tetapi negeri-negeri lain Yang Berhormat tidak mengambil kira. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kes ini, saya cukup berbangga sebab sekarang ini saya sudah melihat apa yang telah saya alami dahulu sebelum ini sebagai dua orang wakil dari Kelantan sebagai wakil pembangkang dalam negara yang sebelum itu saya rasa mungkin telah pun dilihat dan dapat dirasai oleh orang-orang lain di negeri lain apabila berlaku perubahan pentadbiran.

Saya mengalu-alukan sekiranya berlaku tidak kesefahaman ataupun ketidakadilan dari segi pelaksanaan di mana-mana polisi di mana-mana negeri, teruskan ke mahkamah. Kita mempunyai ruang mahkamah yang terbuka. Para hakim ramai, para peguam ramai. Kalau kes ini jelas, bawa. Sebab kita tidak mahu kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Mana-mana kerajaan – kerana kita bertanggungjawab bukan hanya di dunia tetapi juga di akhirat. Kerana kita akan menghadapi budaya ini berterusan, bermula sekarang sampai masa akan datang. Kita tidak hanya boleh menutup bangkai dengan hanya sekeping kertas. Jadi saya minta – kalau perkara ini betul, silakan. Sebab kita tidak pernah menutup mana-mana ruang untuk kita bawa keadilan ke peringkat ke hadapan.

Seterusnya melibatkan perubahan kepada pilihan raya PBT dalam Dewan Negara. Saya memohon agar pihak kerajaan mengkaji usul sebelum ini agar pilihan raya dibuat juga di peringkat Dewan Negara bagi memastikan kualiti dan kesan kepada Dewan Negara yang mana seperti hari ini kita lihat tidak ada seorang pun Menteri sanggup hadir walaupun semalam diperingatkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Jadi takkan kita sampai perlu ubah aturan mesyuarat untuk kita pastikan kehadiran menteri. Mereka tidak datang kerana mereka tahu kita bukan dipilih. Kalau kita dipilih, saya pasti mereka akan datang. Kerana apa? Kerana senator di Amerika pun menjadi presiden. Jadi kerana perkara ini kita buat macam itu, baru ada perubahan kerana tidak akan jadi sebuah negara yang baik melainkan PBT dipilih, melainkan Dewan Undangan Negeri dipilih, melainkan Dewan Rakyat dipilih, melainkan Dewan Negara dipilih. Jadi kita minta perkara ini kerana ada dalam Perlembagaan – minta kerajaan kaji.

Seterusnya berkaitan premis ketiga – mentransformasikan negara ke arah pendapatan tinggi melalui pengkhususan. Saya minta sangat Kementerian Pertanian dan Asas Tani untuk membuat satu polisi untuk elakkan mengeksport barang makanan negara kita yang baik-baik untuk ke luar negara khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran dan kemudian diimport kembali setelah ianya dijadikan produk makanan tetapi dengan harga yang mahal.

Kita kena pastikan rakyat kita makan makanan yang berkhasiat, makan makanan yang baik. Kita *produce* yang baik tetapi kita makan yang tidak baik. Hentikan budaya ini kalau kita hendak rumah besar, isteri cantik, gaji besar. Pastikan makanan kita sihat. Dalam konteks ini, kita lihat negara lain dapat makanan sihat. Negara kita sendiri, makanan organik punyalah mahal. Kita kena pastikan benda ini jadi satu polisi supaya RMKe-10 ini ramai lagi pemimpin kita dan rakyat kita akan menjadi lebih sihat. Bukan hanya makan makanan yang telah pun diproses dengan harga yang mahal dan ini hanya didapati oleh orang kaya.

Dalam mengkaji juga perkara ini, ideologi pro miskin dan pro pekerja perlu ditanamkan dalam menjamin sumber manusia yang berpotensi tinggi. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan khususnya berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi. Saya difahamkan daripada soalan-soalan saya dan soalan-soalan rakan-rakan di Dewan ini, jawapan menteri jelas menunjukkan bahawa kerajaan tiada sasaran, tiada pelan tindakan spesifik sehingga

kini, serta tiada unit serta pegawai khas di peringkat kementerian yang menjaga dan menguruskan secara spesifik di peringkat kementerian yang saya sebutkan tadi untuk melibatkan halal industri.

Industri halal ini mereka tidak buat sasaran, tidak buat *target*. Kalau kita belajar tidak ada *target*, *insya-Allah* takkan lulus. Kalau belajar ada *target*, kita akan lulus. Janganlah serahkan industri halal ini hanya kepada JAKIM dan juga kepada EPU, kerana ini merentasi kementerian dan saya minta sasaran ini dinyatakan secara spesifik kerana ini merupakan keunikan negara kita.

Berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya sebenarnya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pembangunan Wanita kita kerana saya difahamkan semalam bahawa jumlah hakim wanita telah pun mencapai 49.1 peratus. Ini merupakan pencapaian dan saya lihat daripada buku yang dibentangkan juga bawah pencapaian dan pengurusan wanita dalam Malaysia telah pun meningkat 30.5 peratus dalam tahun 2010.

Jadi yang saya ingin tanyakan sekarang, setelah kita mempunyai wanita-wanita yang mampu ke hadapan, apakah pula perancangan kementerian untuk memperkasakan remaja lelaki dan kaum suami yang akan mengalami fenomena baru bila mana wanita Malaysia berada di pasaran kerja dan berupaya membina kewangan sendiri? Bagaimana sifat semula jadi kepimpinan lelaki dalam rumah tangga? Pembinaan sikap ini perlu kerana akhir-akhir ini kita lihat ramai kaum lelaki yang mengambil sikap sambil lewa dan tidak bertanggungjawab dalam memberi nafkah anak dan tidak bekerjasama dalam mengharmonikan rumah tangga. Jadi saya mahukan pelan pemerksaan remaja lelaki, sebab kita mahu wanita kita yang cerdik mendapat suami yang bertanggungjawab.

Untuk premis yang keenam – memastikan peluang saksama untuk melindungi golongan yang terjejas. Saya memohon agar pihak kerajaan dalam melaksanakan RMKe-10, memperkasakan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kalau tidak cukup berada di bawah Kementerian Wanita, pindahkan terus kepada Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan dasar penyampaian bantuan dan pelaksanaan sistem penyampaian kerajaan yang tidak cekap dan meyakinkan – kadang-kadang ini yang menyebabkan bila kita melihat *Bersamamu*, sedih! Takkanlah semua isu kena selesai melalui *Aduan Rakyat* dan *Bersamamu*?

Kalau 50 tahun ini masih menjadi standard kita walaupun kita ada e-kasih dan pelbagai 'e' yang kita ada, standard ini masih di takuk yang lama. Kenapa Public Bank, kenapa staf bank tidak ramai tetapi pelanggan ramai boleh bahagikan duit, boleh agihkan masa cepat? Kenapa kerajaan juga dalam Jabatan Imigresen mampu siapkan pasport dalam masa yang terdekat tetapi kenapa dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat – apa yang berlaku?

Kalau ini masalah kakitangan, saya sarankan perbanyakkan kakitangan rasmi dan kakitangan kontrak serta sokongan, kerana ini merupakan saluran langsung pengagihan dan bantuan kerajaan kepada rakyat. Yang kedua, imej perkhidmatan kebajikan rakyat ini diutamakan dengan ciri kecekapan yang boleh dilihat melalui pembayaran segera serta cekap demi membantu orang ramai memerlukan bantuan.

Yang ketiga, menyiarkan secara terbuka cadangan dan masalah *Aduan Rakyat* di laman web kementerian termasuk dipamer di jabatan-jabatan dan pejabat mereka agar kita dapat menyelesaikan segera masalah rakyat dan bukan hanya dipamerkan secara terbuka semasa dalam program *Bersamamu*. Jabatan ini harus diletakkan dalam kedudukan paling kanan kalau kita hendak kekalkan dalam Pembangunan Wanita dengan modul latihan perkhidmatan yang lebih efektif. Kakitangan di Kementerian Wanita harus ditambah sejajar dengan beban tugas mereka di kementerian tanpa mengira kakitangan lelaki atau perempuan.

Yang keenam, menyelaraskan bantuan untuk rakyat. Sebagai contohnya, pagi tadi kita dengar bahawa terdapat Tabung Bantuan Perubatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan. Dalam masa yang sama, Menteri Wanita juga pernah mengatakan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat juga mempunyai tabung bantuan di bawah Kementerian

Pembangunan Wanita. Akan tetapi natijahnya, mangsa kemalangan ataupun pesakit tetap menderita memandangkan tiada keselarasan untuk bantuan.

Datuk Akbar bin Ali: Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat? Seminit sahaja.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Okey.

Datuk Akbar bin Ali: Saya sangat setuju tentang memperkasakan lelaki tadi. Jadi boleh tidak kita sarankan kita ubah nama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini kepada Kementerian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat supaya ia gender neutral? Terima kasih.

■1720

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya bersetuju kerana ini pandangan yang baru sebab kita sudah lihat pencapaian warganegara kita pun sudah ada peningkatan yang begitu baik sebab kita mahu lihat lelaki kita juga mempunyai rasa mereka dihormati. Ini merupakan pelan, bukan berjalan secara semula jadi. Walaupun ada sifat kepimpinan tetapi ini perlu disemai dan dibajai.

Berkaitan dengan yang saya sebut tadi tentang bantuan, yang sepatutnya berlaku ialah bantuan peralatan dihulurkan oleh Kementerian Kesihatan tetapi JKM boleh memberikan elaun harian untuk memberi bantuan kilat kepada keluarga yang jadi miskin kerana bapanya 'accident', yang jadi miskin kerana bapanya sakit buah pinggang, kerana keupayaan mereka di JKM untuk menyasat latar belakang pesakit ini. Jadi saya mohon perkara ini dibuat dengan segera.

Untuk Kementerian Sumber Manusia, saya mencadangkan agar dibuat rombakan segera kepada Akta PERKESO dan antara cadangannya ialah PERKESO mesti memastikan *cap* untuk bantuan ilat dibuang sekarang ini untuk mana-mana pekerja yang membayar caruman kepada PERKESO.

Walaupun mereka mungkin bayar banyak tetapi sekiranya mereka terlibat dengan kemalangan, bantuan ilat yang diberikan kepada mereka hanya terhad kepada RM1,500 sebulan. Saya pohon perkara 'cap' ini 'dibuang', dibayar sebagaimana gaji yang dia dapat sebelum dia ditimpa kemalangan kerana ini akan menjejaskan keseluruhan keluarga tersebut.

Yang kedua, saya hendak tanya kenapa caruman untuk warga asing tidak dimasukkan dalam PERKESO. Mereka bekerja di negara kita, kenapa kita berikan peluang ini kepada syarikat insurans. Sepatutnya perkara ini mesti masuk bawah PERKESO, mungkin di bawah tajuk lain tetapi mesti diletakkan di bawah Akta PERKESO. Yang seterusnya, caruman untuk pembantu rumah yang sebelum ini tiada dalam caruman PERKESO, saya minta diadakan demi untuk menggalakkan orang tempatan menjadi pembantu rumah. Yang seterusnya, perluasan opsyen...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi. *So, try your best* untuk percepatkan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Baiklah. Perluasan opsyen untuk pilihan majikan dan pekerja, saya juga memohon agar majikan diberi pengecualian untuk tuntutan LHDN sekiranya membeli takaful insurans berkelompok untuk kakitangan. Saya juga mohon bila mana kita meluluskan Akta Jualan Langsung, kita lihat tidak ada satu undang-undang mengenai pendapatan mereka, saya pohon agar dibuat satu tindakan sistematik sebelum mengkanunkan agar pendapatan yang diterima melalui jualan langsung dan pendapatan peruncit yang telah dilesenkan mesti dilindungi untuk masa tua dengan opsyen pelaburan takaful atau dibayar KWSP sebagai skim jaminan pendapatan mereka dengan jumlah yang munasabah.

Untuk Kementerian Pelajaran, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, setelah kita memberikan komputer dan *laptop* bagi memacu perkembangan dalam RMKe-10, apakah *syllabus* pembelajaran teknologi di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan bagaimanakah ianya dipantau. Saya juga ingin bertanya kepada kementerian berkenaan dengan cadangan kita dan galakan kita untuk bahasa kedua setakat ini,

bagaimanakah kedudukan potensi pelajar-pelajar kita yang telah diberikan peluang untuk belajar bahasa kedua dan adakah kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan tuisyen untuk pelajar-pelajar berpotensi mempelajari bahasa kedua dan ketiga.

Seterusnya lagi berkaitan dengan bantuan sekolah agama, saya memohon agar dibuat MoU dengan pihak FELDA seluruh negara dengan menetapkan sasaran satu sekolah agama berasrama penuh di semua FELDA di seluruh negara kerana kita tahu kebanyakan daripada masalah gejala sosial banyak juga berlaku di kawasan-kawasan FELDA dan saya pohon perkara ini dibuat dengan segera. Kerajaan juga hendaklah menubuhkan sekolah-sekolah aliran yang berkaitan dengan tempat tersebut sama ada sains komputer, sains pertanian, juga yang berkaitan dengan perkembangan di tempat FELDA bagi memastikan anak-anak kita di FELDA mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Yang terakhir, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah status kemajuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat di antara dua kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya yang akan menjana kepesatan ekonomi Pantai Timur, jalur jalan raya di Pantai Timur yang merangkumi jaringan pengangkutan saya nampak tidak ada. Saya minta kalaulah dari segi kita hendak menolong anak kita hendak berjalan, kita akan tolong anak yang lemah dahulu. Jadi dalam konteks ini, kita lihat antara Pantai Timur dengan Pantai Barat, yang lemah adalah Pantai Timur. Akan tetapi dalam konteks RMKe-10 yang ditolong adalah Pantai Barat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam.

5.24 ptg.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan rasa bersyukur dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat oleh kerana telah memberi peruntukan sebanyak RM240 *million* kepada empat jenis sekolah iaitu sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah agama dan sekolah mubaligh. Setiap jenis sekolah dapat RM70 *million* untuk tempoh selama dua tahun. Ini bermakna satu tahun RM35 *million* untuk setiap jenis sekolah.

Saya ingin memberi penjelasan atau maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa di seluruh negara kita pada masa sekarang kita ada lebih kurang 1,290 buah sekolah Cina, 525 buah sekolah Tamil, sekolah agama 156 dan untuk sekolah mubaligh 410 buah. Jikalau kita bagikan RM70 *million* untuk setiap sekolah, ini bermakna satu sekolah Cina akan dapat untuk tempoh dua tahun, setiap sekolah akan dapat RM54,000, sekolah Tamil RM110 ribu, sekolah agama RM450 ribu dan sekolah mubaligh RM170 ribu.

Oleh kerana bilangan sekolah Cina begitu ramai, saya mohon Kerajaan Pusat supaya bolehkah menambah peruntukan dari RM70 *million* kepada RM140 *million*. Mengapa saya mohon peruntukan ini oleh kerana saya harap sekolah Cina boleh pakai duit itu untuk baik pulih sekolah dan juga untuk melengkapkan peralatan dan di sini saya juga ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada masa sekarang ada lebih kurang 40,000 pelajar daripada kaum Melayu yang belajar di sekolah Cina dan 20,000 pelajar daripada kaum India belajar di sekolah Cina.

Saya juga ingin mohon kerjasama daripada Kerajaan Pusat, bolehkah mempertimbangkan, memberikan peruntukan kepada sekolah menengah Cina persendirian iaitu jumlahnya adalah 62 buah sekolah dan sekolah pun sudah wujud sekian lama, lebih kurang 50 tahun dan mereka pun telah melahirkan pelajar-pelajar untuk menyumbang pembangunan sosioekonomi negara kita dan produktiviti negara kita. Saya mohon kalau boleh Kerajaan Pusat memberi peruntukan tahunan lebih kurang RM500 ribu untuk setiap sekolah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta laluan, Tuan Pengerusi. Boleh minta laluan? Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sudahkah pejuang-pejuang dan pemikir-pemikir sekolah Cina yang hendak mempertahankan eksklusifnya ini akan kesan kewujudan sekolah yang eksklusif seperti itu terhadap pembentukan sebuah negara bangsa terhadap cita-cita kita untuk mewujudkan 1Malaysia.

Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya kita fikirkan dengan fikiran terbuka, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita menyatukan sistem pelbagai aliran itu menjadi satu aliran yang menguntungkan semua pihak. Bukan hendak menafikan pendidikan Cina tetapi hendak mengemukakan, mewujudkan satu pendidikan yang benar-benar nasional sifatnya. Kalau tidak, sekarang kita seakan-akan berdiri di satu rel yang tidak akan bertemu. Walaupun dikatakan tadi ada 40,000 orang pelajar Melayu di sekolah Cina, tetapi saya rasa ini segelintir kecuali umpamanya hendak secara *proportionate*, kita katakan begini.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan, Yang Berhormat. Ringkas sahaja, cukup.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Last sentence, last sentence.* Kecuali dibuat begini, untuk setiap sekolah pelbagai aliran, kita isi dengan pelajar-pelajar secara *proportionate*. Umpamanya di sekolah Cina – secara *proportionate* telah, kita faham, tidak perlu saya terangkan. Terima kasih.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Saya rasa tidak ada masalah oleh kerana sekolah-sekolah Cina itu pun menyambut ataupun terima pelajar-pelajar kaum Melayu atau kaum India ke sekolah itu. Itulah membayangkan 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya fikir kita cukup setakat itu, saya akan benarkan Yang Berhormat menyambung semula pada hari Isnin selama 20 minit lagi. Sekarang ini kita sudah hendak masuk ke pukul 5.30, saya Cuma ambil kesempatan dalam 1 minit ini untuk menyatakan bahawa saya mohon kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kita hari ini sepatutnya kita boleh selesaikan ada lebih kurang lima orang lagi yang sepatutnya bercakap pada hari ini. Tidak dapat dan kita terpaksa bawa ke hari Isnin.

■1730

Hari Isnin pun kita ada 12 Ahli Yang Berhormat hendak berucap. Maka, saya mohon sangat-sangat hari Isnin esok mungkin kita akan buat satu pendekatan yang berbeza sedikit. Mungkin kita singkatkan ataupun kita panjangkan perbahasan kita sampai ke malam, sambung.

Saya fikir, pada hemat saya hari Isnin kalau tidak selesai, kita sambung sehingga selesai. Hendak beri peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan nama-nama ke satu *to be fair*, dengan izin kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih. Saya tangguhkan Mesyuarat kita. Kemukakan Usul Penangguhan sekarang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk mengemukakan Usul Penangguhan. Silakan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin a/I Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Perbelanjaan Kementerian Pertahanan

5.31 ptg.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membaca Ucapan Penangguhan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Rancangan Malaysia Kesepuluh telah diumumkan pada bulan Jun ini dan ia adalah rancangan pembangunan lima tahun yang paling penting dalam pembangunan Malaysia merangkumi pembangunan semua sektor negara termasuk bidang sosial, ekonomi, pentadbiran am dan keselamatan termasuk Angkatan Tentera Malaysia.

Akan tetapi, apa yang menghairankan ialah dokumen yang setebal 449 muka surat yang dibentangkan baru-baru ini tidak langsung menyentuh pembangunan, keupayaan, pertahanan dan angkatan tentera. Berdasarkan maklumat am yang diberi oleh RMKe-10, sektor keselamatan mendapat 10 peratus dari RM230 bilion peruntukan. Daripada jumlah tersebut, berapakah peruntukan dalam bidang pertahanan dan juga pecahan peruntukan kepada polis, Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia dan Angkatan Tentera.

Selain itu, saya ingin menyentuh mengenai senarai perolehan kelengkapan tentera di bawah RMKe-10. Sebelum itu, saya telah menghantar soalan kepada Kementerian Pertahanan mengenai senarai perolehan kelengkapan yang sedang dan siap dilaksanakan serta untuk lima tahun depan. Akan tetapi, soalan-soalan saya ditolak kerana ianya didakwa menyentuh kerahsiaan yang pada pendapat saya tidak munasabah kerana soalan-soalan tersebut hanya bertanyakan tentang latar belakang pembelian dan pembangunan kelengkapan dan bukannya mengenai spesifikasi dan atur gerakannya.

Semasa Kementerian Pertahanan sendiri telah mengumumkan pembelian tersebut dan tidaklah dikira sebagai rahsia lagi. Saya menyentuh;

- (i) pembelian Vera-E Radar Pasif dan Omnipol, Republik Czech yang telah beberapa kali dicatatkan dalam Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan 2007 dan 2008. Laporan tersebut telah menyatakan projek timbal balas Vera-E sedang dipantau oleh kementerian;
- (ii) pembelian Cruise Missile diumumkan oleh bekas Timbalan Menteri Pertahanan sendiri di Dewan Rakyat; dan
- (iii) Institut Pendidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) yang telah menunjukkan peluru berpandu Taming Sari XK98 ke seluruh negara pada 31 Ogos 2007 bersempena perarakan merdeka 2007 di Dataran Merdeka.

Pembelian ketenteraan adalah mengguna peruntukan awam dan perlu mendapat persetujuan Parlimen. Oleh itu, munasabah dan berpatutan untuk Ahli Parlimen membincangkan dan mengetahui latar belakang atau *basic information*, dengan izin, pembelian kelengkapan ketenteraan yang mahal ini dan perlulah dipantau bagi menggalakkan sebarang penyelewengan selaras dengan prinsip-prinsip *good governance* dan meningkatkan lagi ketelusan kerajaan.

Kerajaan baru mengumumkan DSA 2010 pada 20 April 2010 yang akan membelanjakan RM8 bilion merangkumi RM400 juta bagi membangunkan kemudahan DEFTECH di Pekan. Kos R&D, integrasi, dan ujian, namun angka tersebut tidaklah munasabah dan tinggi di mana ini adalah perolehan terbesar dalam sejarah Malaysia untuk memperoleh 250 buah kereta perisai, pembawa anggota AV8 dari Syarikat DEFTECH dan FNSS supaya menggantikan semua kereta Condor dan Sibmas yang sudah usang.

Ini bermaksud secara amnya setiap AB8 berkos RM31 juta. Mengikut kajian purata kosnya ialah USD2 juta atau USD3 juta atau dalam ringgit ialah RM10 juta lebih. Kenapa ia AV8 kita ini mahal, hampir dua kali ganda dari luar negeri. Pihak kementerian juga tidak

menjelaskan bagaimana RM8 bilion ini diguna dalam pecahan kos R&D, ujian integrasi pembangunan infrastruktur, kos pembelian, harta intelek dari Turkey's FNSS Company dan unit kos.

Kenapa perolehan ini adalah melalui *direct negotiation*, bukan secara tender terbuka memandangkan ia menelan wang yang begitu tinggi. Anggaran perbelanjaan mengurus 2010 telah menunjukkan penurunan dalam bidang latihan, logistik, operasi dan pengurusan.

■1740

Adakah penurunan yang banyak ini akan menjejaskan kualiti latihan dan keberkesanan melaksanakan operasi-operasi? Timbul persoalan di sini, mengikut pemerhatian terhadap prestasi bajet KEMENTAH, difahamkan KEMENTAH secara biasanya membuat anggaran perbelanjaan tahun depan kurang dari jumlah sebenar yang diperlukan.

Misalnya dalam Bajet 2009, menunjukkan anggaran perbelanjaan latihan untuk pertahanan darat pada tahun 2008 adalah RM35,472,600 tetapi di dalam Bajet 2008 untuk perkara yang sama, adalah dicatatkan sebagai RM19,072,600. Apakah angka yang sebenarnya? KEMENTAH sepatutnya memberi maklumat yang lebih tepat dalam bajet tahunan. Apakah dasar yang digunakan KEMENTAH di dalam membuat anggaran ini? Apa statistik dan formula yang digunakan? Adakah kerana setiap kali kementerian memberi anggaran rendah mengakibatkan kementerian terpaksa memohon peruntukan tambahan dalam sidang Dewan Parlimen pada masa hadapan?

Selain itu, saya melihat anggaran perbelanjaan pembangunan untuk tiga perkhidmatan membeli kelengkapan yang dicatatkan di dalam Bajet 2010 ialah RM10. Mungkin pihak kementerian boleh jelaskan peruntukan RM10 yang dinyatakan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.43 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak MINDEF mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz Ibrahim yang begitu prihatin mengenai bidang tugas Kementerian Pertahanan. Dalam ucapan penangguhan tadi, Yang Berhormat Senator telah menyentuh beberapa isu khususnya mengenai bajet Rancangan Malaysia Kesepuluh, Belanja Mengurus 2010 dan perolehan peralatan ketenteraan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama iaitu Yang Berhormat Senator ingin mengetahui jumlah yang diperuntukkan dalam bidang pertahanan dan ATM bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara berkenaan masih dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi.

Kedua, isu berikutnya adalah mengenai status perolehan kelengkapan pertahanan. Ada dua, satu Radar Pasif Vera-E iaitu kos perolehan sistem Radar Pasif Vera-E ini ialah €17.6 juta. Tujuan perolehannya adalah untuk memenuhi keperluan pengawasan ruang angkasa negara secara berlapis. Manakala projek timbal balas adalah dalam bentuk pemindahan teknologi dan *know how* dengan izin, sistem peperangan elektronik.

Bagi perkara kedua iaitu isu Cruise Missile, pada masa ini kementerian belum membuat sebarang perancangan untuk membuat perolehan sistem persenjataan berkenaan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa keperluan Cruise Missile dalam ATM pada masa hadapan. Ingin diperjelaskan di sini bahawa kenyataan mantan Timbalan Menteri Pertahanan di Dewan Rakyat pada Julai 2007 adalah untuk memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan keupayaan ATM dalam persenjataan yang lebih canggih dan yang lebih tinggi kemampuannya bagi menjamin keselamatan negara.

Perkara ketiga iaitu peluru berpandu Taming Sari. Projek Penyelidikan dan Pembangunan Peluru Berpandu telah diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Oleh yang demikian, segala maklumat berkenaan projek ini tidak boleh diumumkan.

Perolehan 257 kereta perisai AV8, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan surat niat kepada syarikat DRB-Hicom Defense Technology Sdn Bhd (DEFTECH) untuk perolehan sebanyak 257 unit kenderaan pembawa anggota beroda 8X8 berserta variannya. Harga yang dinyatakan sewaktu DSA pada April baru-baru ini adalah harga yang di kod oleh syarikat, iaitu RM7.983 bilion bagi projek yang akan berterusan selama 15 tahun. Setakat ini, harga bagi perbekalan ini masih di peringkat rundingan dan belum dimuktamadkan lagi oleh kerajaan. Harganya antara lain akan turut mengambil kira kos pembinaan *facilities* baru serta pembelian peralatan bagi membangunkan kenderaan, pemindahan teknologi serta perolehan hak harta intelek (*intellectual property rights*) dengan izin. Kementerian akan memastikan harga yang dimuktamadkan nanti benar-benar menguntungkan kerajaan.

Tawaran dibuat secara rundingan terus adalah berdasarkan kepada kepakaran dan keupayaan yang sudah pun dimiliki oleh DEFTECH dalam membangunkan kereta perisai, khususnya kenderaan perisai anggota Adnan ACV300. Melalui perolehan kenderaan 8X8 ini, DEFTECH akan terus membangunkan kepakaran dan keupayaan dalam sektor industri pertahanan secara objektif negara untuk membangunkan keupayaan industri pertahanan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat ingin mengetahui adakah dengan penurunan perbelanjaan mengurus 2010 akan menjejaskan kualiti latihan dan keberkesanan melaksanakan operasi serta dasar yang diguna pakai oleh MINDEF dalam rangka bajet tahunan. Pengurangan bajet tahunan ini akan memperlambatkan kadar pertumbuhan membina keupayaan pertahanan dari segi penambahan kelengkapan dan infrastruktur.

Namun dengan langkah berjimat yang dilakukan, impak ke atas operasi dan latihan yang merupakan nadi kepada pertahanan negara tidak dapat dikurangkan walau sedikit pun.

Berhubung dengan anggaran perbelanjaan latihan untuk pertahanan darat bagi tahun 2008 dan tahun 2009, jumlah sebenar anggaran perbelanjaan bagi kedua-dua tahun berkenaan adalah sama iaitu RM35,472,600.

Untuk makluman, buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2008 hanya mencatatkan angka RM19,072,600 adalah bagi peruntukan di bawah dasar sedia ada, manakala di bawah peruntukan dasar baru atau *one-off*, ia direkodkan secara berasingan. Akan tetapi dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2009, anggaran perbelanjaan latihan untuk pertahanan darat sebanyak RM35,472,600 merupakan gabungan peruntukan di bawah ketiga-tiga dasar iaitu dasar sedia ada, dasar baru dan *one-off* yang telah diluluskan di Parlimen.

Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan peruntukan tahun 2008 MINDEF yang direkodkan di dalam kedua-dua buku APP 2008 dan APP 2009 adalah sama, iaitu RM9.839 bilion. Antara dasar yang digunakan oleh Kementerian Pertahanan dalam membuat anggaran perbelanjaan adalah memenuhi keperluan *National Key Result Area* dengan izin, Kementerian yang ditetapkan serta keperluan perbelanjaan sebenar untuk mencapai tahap kesiapsiagaan angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali penjelasan mengapakah perbelanjaan pembangunan untuk ketiga-tiga perkhidmatan untuk membeli kelengkapan bajet 2010 hanya RM10. Adalah diakui bahawa nilai RM10 adalah merupakan nilai untuk mewujudkan dan menandakan projek berkenaan. Di dalam pelaksanaan projek tersebut, tambahan peruntukan boleh dilakukan dengan memindahkan peruntukan daripada peruntukan yang lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 26 Julai 2010. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang.